

S IIIIiV : "y\*  
**PARLIMEN  
MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUABELAS 2012**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan Jawab  
Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian-Kementerian**

**12 MAC HINGGA 12 APRIL 2012 SO ALAN NO : 101 HINGGA  
200**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
BUKAN LIS AN YANG TIDAK D APAT DIJAWAB DID ALAM  
DEWAN (SOALAN NO. 101 HINGGA 200)**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

*lot*

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN  
(ALOR GAJAH)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan mengapakah pengimbas untuk mengesan wang kertas yang diumumkan baru-baru ini untuk membendung aliran kewangan yang haram mengambil kos sebanyak RM300,000 hingga RM1.8 juta setiap satu serta mengapa pengimbas yang sedia ada tidak boleh digunakan untuk fungsi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tidak membeli sebarang mesin pengimbas wang sejak setahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Jabatan Kastam telah menggunakan lapan (8) unit mesin pengimbas wang yang diserahkan oleh Bank Negara Malaysia bagi tujuan mengesan penyeludupan wang.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN

[ALOR GAJAH]

TARIKH

SOALAN

102

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan statistik berapa banyak kejadian jenayah siber telah dilaporkan mengikut kategori dan setakat ini berapa banyak penangkapan telah dibuat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik CyberSecurity Malaysia, sebanyak 32,045 insiden termasuk kes-kes forensik digital telah dilaporkan semenjak tahun 2008 sehingga bulan Februari 2012 (Lampiran 1). Insiden siber kian meningkat setiap tahun di mana pada tahun 2008, sebanyak 2,421 insiden dilaporkan dan meningkat 63 peratus kepada 3,938 insiden pada tahun 2009. Pada tahun 2010, insiden yang dilaporkan naik 121 peratus kepada 8,690 insiden dan bertambah kepada 15,798 pada tahun 2011, iaitu meningkat 81 peratus. Pada dua bulan pertama tahun ini, sebanyak 2,067 insiden dilaporkan.

Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia, jenayah siber menunjukkan peningkatan sepanjang enam tahun yang lepas dan yang paling tinggi dicatat pada tahun 2011 iaitu 6,586 kes dengan jumlah kerugian lebih daripada RM80.57 juta seperti di Lampiran 2. Ini merupakan peningkatan lebih empat kaliganda berbanding 1,143 kes pada tahun 2007. Jenayah

siber melibatkan pelbagai modus operandi, seperti di Lampiran 3.

Sejak tahun 2009 sehingga 2011, sebanyak 181 tangkapan yang melibatkan jenayah siber telah dibuat oleh PDRM. Pecahan tangkapan adalah seperti berikut:

- (i) 2009 - 49 tangkapan;
- (ii) 2010-54 tangkapan; dan
- (iii) 2011 - 78 tangkapan.

NO. SOALAN:103

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARI PAD A : TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN

ONN

[ALOR GAJAH]

SOALAN

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi ekonomi negara dari krisis ekonomi di Eropah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik iaitu 5.1% pada tahun 2011 berbanding dengan anggaran purata di bawah 5.0%

oleh penganalisis ekonomi melalui *consensus poll* Bloomberg. Pencapaian lebih baik ini disumbang oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan turut disokong oleh prestasi eksport negara yang baik terutama barangan komoditi walaupun suasana ekonomi dunia tidak menentu.

Namun begitu, bagi tahun 2012, dijangka lebih mencabar terutama dengan ketidaktentuan ekonomi negara-negara Eropah yang masih dibelenggu dengan hutang berdaulat yang tinggi manakala ekonomi Amerika Syarikat masih belum pulih sepenuhnya. Sehubungan itu, usaha lebih gigih telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mencapai sasaran pertumbuhan sekurang-kurangnya 5% pada tahun 2012. Antara tindakan Kerajaan termasuklah:

- i. Memacu pertumbuhan berasaskan kepesatan permintaan dalam negeri terutamanya melalui penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih tinggi. Penggunaan swasta dianggar berkembang 6.2% disokong oleh peningkatan pendapatan boleh guna berikutan harga komoditi yang lebih kukuh, pertambahan peluang-peluang pekerjaan baru dan pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M);
- ii. Mempertingkatkan pelaburan swasta yang dijangka berkembang sebanyak 8.3% disokong oleh projek-projek KL MRT, Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur, pembinaan Loji *Regasification* Gas Asli Cecair (LNG) oleh PETRONAS, KLIA2, landasan keretapi berkembar (Gemas-JB), projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta projek-projek penswastaan dan perkongsian awam-swasta;

- iii. Memberi tumpuan kepada usaha pertumbuhan ekonomi dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) termasuklah minyak dan gas; minyak sawit dan produk berkaitan; perkhidmatan kewangan; pemborongan dan peruncitan; pelancongan; teknologi maklumat dan komunikasi; pendidikan, elektrik dan elektronik; perkhidmatan perniagaan; penjagaan kesihatan swasta; pertanian; dan *Greater Kuala Lumpur*; dan
- iv. Mempercepatkan lagi pelaburan di lima wilayah koridor termasuk pembinaan lebuh raya persisiran pantai Johor Bahru-Nusa Jaya di Iskandar Johor, projek pelancongan warisan Taiping di wilayah Koridor Utara, projek agropolitan Besut di Koridor Pantai Timur, projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit Lahad Datu di Wilayah Koridor Sabah dan projek bekalan air Samalaju di Wilayah Koridor Sarawak.

Pada tahun 2012, pelaburan awam dijangka meningkat 16.2%. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Perbelanjaan pembangunan bukan fizikal akan turut diberi keutamaan bagi menyokong pembangunan modal insan, peningkatan produktiviti, kreativiti dan inovasi.

SO ALAN (104 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA



PERTANYAAN : BERTULIS  
y,% .wo s\*| ^  
DARI PADA -YrBHWfTT

## SOALAN

Y.B. DATO' SRI IR.ONG TEE KEAT ( PANDAN ) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah pasukan serta bilangan bomba dan penyelamat sukarela seluruh negara mengikut pecahan negeri. Berapakah jumlah peruntukan atau geran Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada mereka bagi tahun 2008 hingga 2011.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2011, jumlah pasukan bomba sukarela adalah sebanyak 354 pasukan dengan keahlian seramai 15,825 orang. Jumlah pasukan dan keahlian mengikut negeri adalah seperti berikut.

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Pasukan</b>	<b>Jumlah Keahlian</b>
1	Perlis	10	630
2	Kedah	47	2263
3	P.Pinang	30	2545
4	Perak	42	1949
5	Selangor	25	810
6	WP KL	8	228
7	N.Sembilan	14	399
8	Melaka	8	332
9	Johor	30	1260
10	Pahang	42	1942
11	Kelantan	6	212
12	Terengganu	17	474
13	Sarawak	33	1646
14	Sabah	35	976
15	WP Labuan	7	159
	<b>Jumlah</b>	<b>354</b>	<b>15825</b>

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada pasukan bomba sukarela bagi pembelian peralatan kebombaian bagi tahun 2008 hingga

2011 adalah sebanyak 23.8 juta.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

Mac 2012  
DARIPADA : Y.B. DAT O' SRI ONG TEE KEAT  
(PANDAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada semua pembekalan (*procurement*) Kerajaan Persekutuan dari seberang laut wajib ditangani oleh syarikat swasta, walaupun adalah lebih bersaing harganya jika pembelian secara langsung dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Jika ya, mengapa. Apakah kriteria bagi melantik syarikat-syarikat swasta yang berkenaan, memandangkan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

terdapatnya syarikat-syarikat swasta yang dilantik itu tidak mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam sektor berkenaan. Jika tidak, mengapa kes sedemikian masih terus berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender antarabangsa hanya boleh dipelawa bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang tidak boleh disediakan atau dikeluarkan oleh sumber dalam negara. Sehubungan itu, agensi Kerajaan dibenarkan untuk melaksanakan perolehan barangan import berdasarkan kaedah perolehan yang berkuat kuasa seperti pembelian terus, sebut harga dan tender daripada *Original Equipment Manufacturer (OEM)*/syarikat pembuat.

2. Terdapat kecenderungan di kalangan kontraktor/pembekal asing untuk



menggunakan khidmat pembekal/agen tempatan bagi memudahkan urusan perniagaan termasuk menyertai tender Kerajaan serta mendapatkan kemudahan perkhidmatan selepas jualan. Tender kerja/bekalan/perkhidmatan antarabangsa adalah dipelawa di kalangan kontraktor/pembekal asing dan boleh turut disertai oleh pembekal/agen tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai surat lantikan yang sah daripada OEM. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan adalah terpelihara, kontraktor/pembekal/agen yang mengambil bahagian akan dikenakan deposit tender mengikut kadar yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007.

3. Kerajaan juga menyedari bahawa penyertaan syarikat asing dalam perolehan Kerajaan akan mendukung aspirasi negara bagi membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang mampan dan berasaskan teknologi melalui pemindahan teknologi dan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan dengan OEM untuk meningkatkan bina upaya syarikat tempatan. Ini selaras dengan dasar *offset* negara yang telah diperluaskan pemakaiannya kepada semua agensi Kerajaan berbanding sebelum ini yang hanya terhad kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan tender termasuk perolehan barangan import oleh agensi Kerajaan dilaksanakan selaras dengan prinsip-prinsip perolehan dengan memberi penekanan kepada akauntabiliti, ketelusan, saingan terbuka, *best value for money* serta adil dan saksama. Kontraktor/pembekal yang mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan akan dinilai dari segi keupayaan dan kemampuan syarikat, prestasi/trek rekod, kedudukan kewangan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkenaan sebelum ditawarkan sesuatu kontrak. Lazimnya, pemilihan syarikat tempatan bagi menguruskan perolehan barangan import adalah bertujuan untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan selepas jualan yang lebih baik dan jaminan bagi mengganti/membaiki/menyelenggara barangan import tersebut.

**PERTANYAAN :** BERTULIS

**DARIPADA :** Dato' Sri Ong Tee Kee Keat [Pandan]

**SOALAN :** Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah keluasan tanah pertanian terbiar di setiap negeri. Berapakah keluasannya yang sesuai untuk bercucuk tanam. Apakah Kementerian sedia berusaha sama dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan agar tanah terbiar itu dapat diusahakan secara berhasil oleh mereka yang berminat.

**JAWAPAN OLEH: Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Pertanian, keluasan tanah terbiar di seluruh Malaysia sehingga tahun 2011 adalah seluas 466 ribu hektar di mana seluas 446 ribu hektar merupakan tanah darat dan seluas 19 ribu hektar pula merupakan tanah sawah. Keluasan tanah terbiar mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Keluasan Tanah Terbiar (hektar)
Sarawak	428,474.57
Sabah	8,110.94
Pahang	6,522.50
Johor	6,029.28
Kelantan	5,494.19
Negeri Sembilan	4,683.54
Kedah	2,255.54
Terengganu	1,894.47
Perak	1,379.06

Melaka	818.91
Selangor	246.76
Pulau Pinang	127.31
Perlis	51.91

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian membantu mengusahakan tanah terbiar di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara. Insentif yang meliputi pembangunan infrastruktur ladang seperti pembersihan kawasan, jalan ladang, sistem saiiran dan sistem pengairan serta insentif amalan teknologi diberikan dengan kadar maksimum sebanyak RM20,000/hektar.

Kementerian juga tiada halangan dan bersedia untuk bekerja sama dengan Kerajaan Negeri untuk mengusahakan tanah terbiar dengan dilaksanakan oleh mereka yang berminat.

Sejak tahun 2007, Jabatan Pertanian telah membangunkan tanah terbiar seluas 8,576.34 hektar yang melibatkan seramai 7,153 peserta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan tanaman sayur-sayuran dan buah - buahan seperti nanas, tebu, tembikai, pisang, roselle, jagung, nangka dan mangga. Jumlah pengeluaran bagi tahun 2011 adalah sebanyak 1,304 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM1.64 juta. Manakala Jumlah pengeluaran daripada tahun 2007-2010 adalah sebanyak 36,478 tan metrik dengan nilai pengeluaran sebanyak RM24.73 juta.

DARIPADA : Y.B. DATO'SRI ONG TEE KEAT  
(PANDAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO<sup>1</sup> SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ] minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan mengapa pihak pengurusan MRT Co. tidak berniat langsung hendak berbincang dengan para pemilik rumah kedai di Jalan Sultan, Kuala Lumpur, yang mungkin akan diambil alih hartanah mereka tentang cadangan laluan alternatif MRT mereka. Apakah MRT Co. dapat menjamin agar bangunan-bangunan lama yang berkenaan tidak akan runtuh akibat gegaran dari kerja pengorekan terowong bawah tanah nanti. Jika itu berlaku, bagaimana pula Kerajaan dapat menebus kembali



NO SOALAN :10?>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

bangunan-bangunan bersejarah yang sudah runtuh itu.

JAWAPAN

Kerajaan sedia maklum bahawa projek MRT melibatkan skop pelaksanaan yang luas serta rumit termasuk membabitkan pengambilan balik beberapa lot tanah persendirian dikenal pasti untuk pembinaan jajaran dan stesen MRT. Sehubungan ini, bagi memastikan implikasi terhadap pemilik lot tanah berkenaan adalah pada tahap yang minimum terutama sekali sekiranya melibatkan pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, Kerajaan sentiasa memastikan pandangan dan aduan rakyat diambil kira terlebih dahulu dalam pelaksanaan projek MRT ini.

Segala pandangan pemilik lot tanah di Jalan Sultan telah diberi perhatian yang



sewajarnya di mana MRT Corp. telah pun mengadakan beberapa sesi '*stakeholders engagement*' dan perbincangan dengan pemilik lot tanah di Jalan Sultan sekitar Oktober 2011 bagi tujuan mencapai persetujuan bersama dan memperoleh *win-win situation* antara Kerajaan dan pemilik lot tanah terlibat.

Bagi menyelesaikan isu Jalan Sultan berkenaan, Kerajaan telah mengenal pasti bahawa kaedah penyelesaian terbaik adalah melalui Perjanjian Bersama ( *Mutual Agreement*) antara MRT Corp. dan pemilik lot tanah terlibat. Di bawah perjanjian berkenaan, tanah yang terlibat tidak akan diambil alih dan rumah kedai tidak akan dirobohkan. Walau bagaimanapun, pemilik kedai di Jalan Sultan hanya perlu berpindah bagi tempoh enam (6) bulan untuk membolehkan kerja pembinaan dapat dilaksanakan mengikut jadual. Di samping itu, semasa tempoh berkenaan, pemilik lot tanah/pemilik kedai akan diberi pampasan sepenuhnya bagi *loss of future revenues* bagi tempoh yang terlibat.

Dari aspek teknikal, struktur tanah di Jalan Sultan adalah dari jenis *Kenny Hill Formation* di mana struktur ini adalah stabil dan kerja pembinaan terowong MRT akan memberi impak minimum terhadap bangunan di Jalan Sultan. Namun begitu, pihak MRT Corp. telah memberi jaminan untuk membuat analisis terperinci ke atas struktur bangunan rumah kedai terlibat dan langkah yang diambil adalah untuk mengukuhkan struktur rumah kedai melalui kaedah *propping* dan *bracing*. Oleh itu, risiko bangunan di Jalan Sultan akan runtuh kerana aktiviti pembinaan terowong dapat diminimumkan dan jika berlaku sebarang kerosakan akibat kerja pembinaan terowong, MRT Corp. akan bertanggungjawab memperbaiki sebarang kerosakan yang berbangkit.

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**DARIPADA**

**DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bilangan KR1M dan jumlah nilai modal pelaburannya di semua negeri. Apakah usaha Kementerian dalam membantu kedai-kedai runcit swasta, khususnya di desa yang perniagannya terjejas teruk akibat persaingan hebat dari KR1M ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan mensasarkan sebanyak 85 buah KR1M beroperasi dalam tahun 2012. Sehingga 1 Mac 2012, sebanyak 31 buah KR1M telah beroperasi di seluruh Malaysia. Baki, sebanyak 54 lokasi lagi sedang dikenalpasti.

Kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM40 juta bagi kos infrastruktur KR1M yang meliputi kos pengubah suaian dan perkakas serta peralatan berkaitan.

Kewujudan KR1M tidak memberi kesan kepada peruncit-peruncit yang lain di mana bukan pembukaan KR1M yang menjadi ukuran tetapi sebaliknya adalah penjualan produk 1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR). Maka, melalui Model 2 KR1M iaitu penjualan runcit produk 1MKR oleh kedai-kedai runcit lain sebanyak 477 kedai runcit telah berbuat demikian. Produk 1MKR ini menjadi antara tarikan kepada pelanggan untuk mengunjungi dan berbelanja di kedai tersebut. Oleh itu, tanggapan yang menyatakan bahawa KR1M memberi pesaingan yang hebat kepada kedai-kedai runcit yang lain adalah tidak benar.

**DISEDIAKAN OLEH**

**Aman Shah bin  
Siraj KPP, DMO**

**DISEMAK OLEH**

**Mohd Fariszan bin Ahmad  
Ketua, DMO**

**DILULUSKAN OLEH**

**Y. Bhg. Dato' Daud bin  
Tahir TKSU (PDN)**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

DARI PAD A                      DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN                      OSMAN  
SOALAN                      :                      NO. 4\*0 /

Dato' Dr. Mohamad      Shahrum bin Osman [                      Lipis ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) harapan Kementerian dalam usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional secara bersepadu; dan
- (b) berapakah jumlah graduan berasaskan pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berjaya memperoleh pekerjaan sejak 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi akan sentiasa memastikan usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional dibuat secara bersepadu dan berterusan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:
  - i. penubuhan pasukan petugas penyediaan artikulasi yang jelas untuk lulusan "kemahiran", "teknik dan vokasional" menyertai pengajian tinggi. Ini dapat dicapai melalui penyediaan kerangka

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- artikulasi kemahiran yang komprehensif;
- ii. pengiktirafan pencapaian terdahulu (*recognition of prior learning*) sebagai sebahagian daripada kelayakan untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi;
  - iii. melaksanakan agenda transformasi politeknik yang bertujuan untuk melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional; dan
  - iv. melaksanakan pelan pemerkasaan kolej komuniti yang menawarkan program-program yang relevan dan responsif terhadap keperluan pembangunan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian pengesanan graduan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), peratusan graduan berasaskan pendidikan teknikal yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan pada tahun 2008 adalah sebanyak 73 peratus. Pada tahun 2009 pula, peratusannya adalah sebanyak 66.7 peratus. Walau bagaimanapun, peratusan ini telah meningkat semula pada tahun 2010 kepada 72.3 peratus dan tahun 2011 sebanyak 75.9 peratus.





## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN  
SOALAN NO. 110

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan

- (a) harapan Kementerian dalam usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional secara bersepadu; dan
- (b) berapakah jumlah graduan berasaskan pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berjaya memperoleh pekerjaan sejak 2008.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi akan sentiasa memastikan usaha mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional dibuat secara bersepadu dan berterusan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:
  - i. penubuhan pasukan petugas penyediaan artikulasi yang jelas untuk lulusan "kemahiran", "teknik dan vokasional" menyertai

- pengajian tinggi. Ini dapat dicapai melalui penyediaan kerangka artikulasi kemahiran yang komprehensif;
- ii. pengiktirafan pencapaian terdahulu (*recognition of prior learning*) sebagai sebahagian daripada kelayakan untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi;
  - iii. melaksanakan agenda transformasi politeknik yang bertujuan untuk melonjakkan politeknik sebagai institusi peneraju dalam bidang pendidikan dan latihan teknik dan vokasional; dan
  - iv. melaksanakan pelan pemerkasaan kolej komuniti yang menawarkan program-program yang relevan dan responsif terhadap keperluan pembangunan ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian pengesanan graduan yang telah dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), peratusan graduan berasaskan pendidikan teknikal yang bekerja, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan pada tahun 2008 adalah sebanyak 73 peratus. Pada tahun 2009 pula, peratusannya adalah sebanyak 66.7 peratus. Walau bagaimanapun, peratusan ini telah meningkat semula pada tahun 2010 kepada 72.3 peratus dan tahun 2011 sebanyak 75.9 peratus.

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

## SOALAN PEMBERITAKAN NO. 111 PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [Lipis] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana perancangan pembinaan Universiti Teknologi MARA di kawasan Parlimen Lipis.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian belum mempunyai perancangan untuk membina kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam kawasan Parlimen Lipis. Negeri Pahang sudah mempunyai empat (4) buah IPTA iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang, Pahang; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus cawangan Kuantan; UiTM kampus cawangan Jengka; dan UiTM kampus cawangan Kuantan. Kementerian percaya bahawa IPTA yang sedia ada mampu untuk memberikan pendidikan tinggi yang secukupnya serta menampung keperluan lepasan sekolah menengah di seluruh negara termasuk negeri Pahang.



## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN  
SOALAN : NO. h|

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan sejauh mana rancangan Kementerian untuk menaik taraf Kolej Komuniti cawangan kepada Kolej Komuniti penuh di kawasan Parlimen Lipis.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini telah terdapat 7 buah Kolej Komuniti Induk dan 3 buah Kolej Komuniti Cawangan di negeri Pahang iaitu:

- i- Kolej Komuniti Kuantan;
- ii. Kolej Komuniti Paya Besar;
- iii. Kolej Komuniti Bentong;
- iv. Kolej Komuniti Rompin;
- v. Kolej Komuniti Temerloh;
- vi. Kolej Komuniti Jerantut;
- vii. kolej Komuniti Pekan;
- viii. Kolej Komuniti Cawangan  
Rera.

- ix. Kolej Komuniti Cawangan Lipis;  
dan  
x. Kolej Komuniti Cawangan Raub.

Sepuluh buah Kolej Komuniti sedia ada mampu memberi peluang pendidikan dan latihan kepada pelajar lepasan menengah di negeri Pahang termasuk dalam kawasan Parlimen Lipis. Berkenaan cadangan agar dinaik taraf Kolej Komuniti Cawangan Lipis, Kementerian mengambil maklum akan cadangan tersebut.

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PAD A : DATO' DR.MOHAMAD SHAHRUM  
BIN OSMAN [ LIPIS ]

TARIKH :

RUJUKAN : 4577

SOALAN :

Dato' Dr. Mohamad Shahrums bin Osman [ Lipis ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana rancangan Kementerian untuk membina bangunan pejabat Jabatan Pertahanan Awam bagi daerah Lipis.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mempunyai perancangan untuk membuka pejabat Pertahanan Awam di Kuala Lipis di atas sebahagian

dari tapak Lot 1392, Mukim Penjom, daerah Lipis seluas 10 ekar. Walau bagaimanapun, permohonan tapak tersebut masih dalam tindakan Pejabat Tanah Daerah Lipis. Buat masa ini, Pejabat Daerah Pertahanan Awam beroperasi di Kompleks Chempaka, Kuala Lipis.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATO'DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN

[ LIPIS ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [ LIPIS ] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana rancangan Kementerian untuk mewujudkan sekolah rendah baru bagi menampung kekurangan sekolah dalam kawasan bandar Kuala Lipis.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan termasuklah di kawasan Parlimen Kuala Lipis. Dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru seperti yang dibangkitkan, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek iaitu; Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian; Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi

keperluan penduduk setempat sebagai langkah mengelak daripada menghadapi sekolah kurang murid.

Untuk makluman Ahli Yang terhormat, sebuah buah sekolah baharu yang dicadangkan di daerah Kuala Lipis iaitu SK Bandar Baru Lipis. Pada masa ini KPM dalam proses mengenal pasti tapak dan menguruskan pengambilan tanah.





NO SOALAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARI PADA                      Y.B. TUAN TONY PUA KIAM  
PERTANYAAN                      WEE (PETALING JAYA UTARA)  
    BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai terperinci semua pinjaman agensi Kerajaan atau syarikat swasta yang diberi jaminan oleh Kerajaan yang merupakan "contingent liability" untuk setiap tahun sejak 2001.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dari masa ke semasa memberikan jaminan kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

2. Dalam tempoh 2001 hingga 2011, Kerajaan telah memberikan jaminan kepada 37 institusi/syarikat terdiri daripada 6 badan berkanun dan 31 syarikat berkaitan Kerajaan. Jaminan meliputi pinjaman secara langsung dari institusi kewangan atau menerusi terbitan bon di pasaran kewangan dalam negeri atau luar negeri melibatkan pinjaman berjumlah RM171.31 bilion. Sebahagian besarnya adalah jaminan bagi pinjaman dalam negeri. Dari jumlah itu, sebanyak RM143.18 bilion atau 83.57% merupakan pinjaman dalam negeri dan RM28.14 bilion atau 16.43% pinjaman luar negeri. Pinjaman berkenaan

digunakan untuk membiayai projek strategik untuk negara yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat termasuk projek pembangunan modal insan, bekalan air dan elektrik serta pengangkutan awam.

3. Prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual ditetapkan tanpa sebarang tunggakan. Daripada jumlah pinjaman yang diluluskan sebanyak RM171.31 bilion, baki pinjaman yang belum dijelaskan setakat 31 Disember 2011 ialah RM116.76 bilion. Setakat ini, syarikat-syarikat tersebut tidak menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman masing-masing. Kementerian Kewangan sentiasa memantau dengan rapi kedudukan *contingent liability* Kerajaan (dengan izin) supaya tidak akan menjadi tanggungan langsung kepada Kerajaan. Bagi tujuan tersebut, badan berkanun/syarikat berkenaan diwajibkan mengemukakan laporan prestasi bayaran pinjaman setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan.

4. Sehingga 31 Disember 2011, jumlah *contingent liability* Kerajaan Persekutuan iaitu baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak RM116.76 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM109.14 bilion (93.5%) dan pinjaman luar RM7.62 bilion (6.5%) yang melibatkan 2 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan. Institusi dan syarikat yang dijamin tersebut termasuklah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Syarikat Prasarana Negara Berhad, Pengurusan Air SPV Berhad dan Sabah Electricity Sdn. Bhd.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA

TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA]

SOALAN:

TUAN TONY PUA KIAM WEE (PETALING JATA UTARA) minta  
PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci (bukan rencana)  
jumlah pengundi baru yang didaftarkan:-

- (a) Oleh setiap parti politik untuk setiap suku tahun sejak 2008; dan
- (b) Oleh setiap parti politik mengikut negeri sejak 2008.

JAWAPAN: <sup>1</sup>  
YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR tidak mempunyai statistik jumlah pengundi baru yang didaftarkan oleh setiap parti

politik untuk setiap suku sejak 2008.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR juga tidak mempunyai maklumat berhubung statistik jumlah pengundi baru yang didaftarkan oleh setiap parti politik mengikut negeri. Ini kerana SPR tidak merekodkan dalam pangkalan data SPR maklumat berhubung Penolong Pendaftar Pemilih yang mewakili Parti Politik bagi semasa memproses setiap permohonan pendaftaran yang diterima melalui Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik daripada kategori wakil Parti Politik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[ PETALING JAYA UTARA ]

RUJUKAN : 4578

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta MENTERI

NO. SOALAN : 117

DALAM NEGERI menyatakan dengan jadual terperinci (bukan rencana), statistik jenayah setiap tahun sejak 2006 bagi:-

(a) Negeri Selangor mengikut daerah dan jenis jenayah

(b) Seluruh negara mengikut negeri dan jenis jenayah.  
JAWAPAN :

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik jenayah indeks bagi keseluruhan daerah di Negeri Selangor sejak tahun 2006 adalah seperti berikut;

Tahun	Jenayah Kekerasan (Kes)	Jenayah Harta Benda(Kes)	Jumlah Jenayah Indeks
2006	9,518	41,875	51,393
2007	11,321	47,271	58,592
2008	11,706	46,046	57,752
2009	12,435	44,254	56,689
2010	7,853	31,838	39,691
2011	8,141	36,161	44,302

\*Statistik adalah sehingga bulan Disember 2011

b) Bagi jumlah kes jenayah seluruh negara mengikut negeri seperti yang diminta, jumlah keseluruhan pecahan kes jenayah mengikut negeri adalah seperti berikut;

Tahun	Jumlah Jenayah Indeks (Kes)
2006	196,780
2007	209,582
2008	211,645
2009	209,817
2010	177,520
2011	157,891

\*Statistik adalah sehingga bulan Disember 2011  
DARI PADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan senarai semua petender dan harga  
yang dibekalkan untuk projek MRT bagi:-

- (a) pakej V5: Pembinaan jejambat dan lain-lain dari Portal Maluri ke Stesyen Plaza Phoenix; dan
- (b) pakej V6: Pembinaan jejambat dan lain-lain dari Plaza Phoenix ke Stesyen Taman Tun Hussein Onn.

JAWAPAN

Senarai syarikat-syarikat yang di senarai pendek (*pre-qualified*) untuk kedua-dua pakej kerja pembinaan jejambat (*viaduct*) V5 dan V6 adalah seperti berikut:

Pakej V5 (Portal Maluri ke Plaza Phoenix)	
1	Sunway Construction Sdn Bhd
2	Mudajaya Corporation
3	Trans Resources Corporation Sdn Bhd
4	Muhibbah Engineering (M) Sdn Bhd
5	IJM Construction Sdn Bhd
6	Ahmad Zaki Sdn Bhd
7	MTD Construction Sdn Bhd
8	MRCB Engineering Sdn Bhd
9	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd
10	Loh & Loh Construction Sdn Bhd
11	Konsortium Putra Perdana Const & Worthy Builder JV

Senarai harga pakej berdasarkan *coding* syarikat (senarai *coding* tidak mengikut urutan senarai syarikat di atas) adalah seperti berikut:

Bil	Pembida	Harga tender (RM)	Turutan
1	T7	974,780,000.00	1
2	T11	979,639,314.45	2
3	T5	1,013,818,011.21	3
4	T10	1,024,169,397.70	4
5	T9	1,043,633,000.00	5
6	T2	1,048,373,639.42	6
7	T3	1,069,000,000.00	7
8	T6	1,106,385,721.79	8
9	T8	1,116,614,697.79	9
10	T4	1,146,309,358.18	10
11	T1	1,298,540,304.24	11



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN BAKYAT MALAYSIA

Pakej V6 (Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn)	
1	Naim Engineering Sdn Bhd
2	Trans Resources Corporation Sdn Bhd
3	TSR Bina Sdn Bhd
4	Ahmad Zaki Sdn Bhd
5	HRATeguh Sdn Bhd
6	MTD Construction Sdn Bhd
7	Syarikat Muhibah Perniagaan Dan Pembinaan Sdn Bhd
8	Zecon Sdn Bhd



9	Cergas Murni Sdn Bhd
10	Tidal Marine Engineering Sdn Bhd

Senarai harga pakej berdasarkan *coding* syarikat (senarai *coding* tidak mengikut urutan senarai syarikat di atas) adalah seperti berikut:

Bil	Pembida	Harga tender(RM)	Turutan
1	T8	764,907,527.28	1
2	T7	778,888,888.88	2
3	T5	794,841,276.26	3
4	T4	795,980,000.00	4
5	T2	811,818,000.00	5
6	T9	832,393,575.43	6
7	T1	888,972,000.00	7
8	T3	946,116,418.28	8
9	T6	959,741,665.50	9

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN TONY PUA KIAM WEE

[ PETALING JAYA UTARA ]

RUJUKAN 4652

SOALAN:

Tuan Tony Pua Kiam Wee [ Petaling Jaya Utara ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- (a)Sebab perkhidmatan memproses permohonan visa melawat Malaysia di Negara China diswastakan dan apakah syarat-syarat utama penswastan termasuk kadar yuran yang perlu dibayar; dan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

- DEWAN RAKYAT
- (b) Berapa permohonan yang diproses oleh Syarikat tersebut setiap bulan mengikut jenis visa dan kawasan/ daerah di China.



JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan permohonan visa masih lagi dikendalikan oleh pihak Kerajaan yang diwakili oleh Atase Imigresen. Keselamatan semasa tapisan permohonan adalah tanggungjawab Jabatan Imigresen Malaysia. Namun demikian, terdapat juga agensi-agensi yang membantu pemohon dari segi mendapatkan permohonan visa. Ini adalah bagi mempercepatkan proses permohonan semasa yang banyak dengan mengambil alih kerja-kerja perkeranian seperti memastikan dokumen permohonan yang lengkap dan merekodkan maklumat pemohon.

Perkhidmatan agensi-agensi tersebut hanyalah sebagai pilihan alternatif untuk mendapatkan visa di RRC di samping kaedah sedia ada. Orang ramai di RRC mempunyai pilihan sama ada untuk mendapatkan visa terus di pejabat perwakilan Malaysia, agensi pelancongan berdaftar atau agensi yang membantu permohonan visa. Kerajaan menetapkan caj yang dikenakan kepada orang ramai bagi visa Malaysia yang berdasarkan kepada Akta Fi iaitu RMB80.00 atau bersamaan dengan RM30.00.

Agensi yang membantu permohonan visa ini telah beroperasi di 4 lokasi iaitu di Beijing, Guangzhou, Shanghai dan Kunming. Semasa pemantauan awal pelaksanaan iaitu pada bulan Ogos 2011, jumlah



visa yang diproses oleh agensi ini adalah sebanyak 14,678 di Beijing, 32,952 di Guangzhou, 9,242 di Shanghai dan 7,953 di Kunming. Keseluruhan visa yang diproses oleh agensi ini pada bulan Ogos 2011 adalah sebanyak 64,825. Jumlah ini adalah 53.88% daripada keseluruhan visa yang dikeluarkan oleh pejabat perwakilan Malaysia di serata RRC. Peratus ini meningkat dari masa ke semasa disebabkan pemohon dan agensi pelancongan semakin berminat menggunakan agensi ini di atas perkhidmatan yang cepat dan selamat.

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**DARIPADA**

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH**

**[LENGGONG]**

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [ LENGGONG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan bahawa faktor utama kenaikan harga barang juga berkait dengan pemantauan dan penguatkuasaan. Bagi menjimatkan kos, bolehkah Kementerian menggerakkan tenaga NGO-NGO, Pengerak Rakan Muda, Penggerak Belia, Penyelia KEMAS, dan lain-lain dengan diberikan sedikit elaun bagi membantu pihak Kementerian membuat pemantauan dan penguatkuasaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sangat prihatin akan masalah kenaikan harga barang yang terpaksa ditanggung oleh rakyat. Isu kenaikan harga barang merupakan isu kepenggunaan yang perlu ditangani secara bijaksana. Oleh yang demikian penglibatan dan kerjasama semua pihak adalah diharap dapat membantu memantau kenaikan harga yang berlaku. Kerajaan sedar tanggung jawab ini tidak terhad kepada pihak Kerajaan semata-mata kerana ia membabitkan ramai pihak dari pelbagai golongan dan peringkat



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

berkepentingan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa menggerakkan Bahagian Penguatkuasaan bagi urusan penguatkuasaan harga barang-barang keperluan harian pengguna di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (2011). Manakala urusan pemantauan harga barang adalah dibantu oleh seramai 1,026 orang Pegawai Pemantau Harga (PPH) yang ditempatkan di pelbagai lokasi di seluruh negara. PPH bertanggung jawab untuk melaporkan perubahan harga barang keperluan setiap hari dan maklumat akan disalurkan ke pejabat PDNKK di negeri-negeri.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memberi Kad Kuasa kepada 597 orang penghulu dan penggawa untuk melaksanakan aktiviti pemantauan harga di kawasan masing-masing. Manakala program-program khas seperti Kelab Pengguna sekolah, Gerakan Pengguna Siswa di institusi pengajian tinggi dan Skuad Pengguna juga diadakan dari masa ke semasa bagi membantu meningkatkan kesedaran akan isu-isu kepenggunaan disamping membantu pengumpulan maklumat berkaitan isu kenaikan harga barang. Pihak Kementerian berharap kerjasama yang lebih erat dengan orang ramai dapat membantu menangani isu kenaikan harga barang yang tidak munasabah. Namun begitu, kerjasama daripada NGO dan pertubuhan lain dalam isu kepenggunaan adalah berbentuk sukarela dan hanya Pembantu Hal Ehwal Pengguna Daerah yang diberikan sedikit elaun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
[LENGGONG]

TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan TASKA yang menyediakan kemudahan pembelajaran dan pengasuhan terancang di tempat kerja.

JAWAPAN:

Adalah menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) supaya lebih banyak taman asuhan kanak-kanak (TASKA), khususnya di tempat kerja dibuka. Langkah ini penting bagi membolehkan lebih ramai golongan wanita memasuki pasaran pekerjaan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10) yang menyasarkan kadar 55% penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan pada tahun 2015.

Bagi membuka TASKA secara terancang di tempat kerja sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989, iaitu Kebajikan Untuk Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam yang menghendaki kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak bagi mengatasi kesulitan mendapatkan pembantu rumah atau pengasuh.

Menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2007, Kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000 sebulan. Pada tahun 2008, kerajaan telah bersetuju untuk

meningkatkan kadar kelayakan pemberian subsidi kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah daripada RM2,000 kepada RM3.000 sebulan. Perkara ini dinyatakan menerusi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2008.

Selain itu, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah mengeluarkan surat bertarikh 23 Mac 2007 bagi merujuk kepada pengumuman Bajet 2007, yang mana kerajaan telah menambah geran pelancaran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam daripada RM50,000 kepada RM80,000. Seterusnya, YAB Perdana Menteri sewaktu membentangkan Bajet 2010 di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2009 telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk meningkatkan geran pelancaran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam daripada RM80,000 kepada RM200,000 untuk kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Kerajaan turut menyediakan insentif semenjak tahun taksiran 1994 bagi menggalakkan sektor swasta membuka TASKA di tempat kerja. Perenggan 42(2) Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak layak diberi elaun bangunan perindustrian selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan

atau pembelian bangunan.

Bagi menggiatkan lagi sektor korporat dan majikan swasta membuka TASKA di tempat kerja sebagai satu tanggungjawab sosial korporat, JKM telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan UNICEF untuk menghasilkan *Best Business Practice Circular 1/2010: Establishment of a Child Care Centre at the Work Place by Corporate and Business Employers*. Pekeliling SSM ini menggalakkan penubuhan TASKA di tempat kerja, memberi garis panduan penubuhan TASKA di tempat kerja dan menyenaraikan faedah penubuhan TASKA kepada pekerja dan majikan serta insentif yang diberi oleh kerajaan. Pekeliling SSM ini telah dilancarkan pada 1 Februari 2010 untuk semua majikan yang berdaftar dengan SSM.

Selain itu, satu Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Penubuhan TASKA Di Tempat Kerja telah diwujudkan pada pertengahan tahun 2011. Jawatankuasa Kerja ini bertujuan untuk mempromosi dan membantu penubuhan TASKA tempat kerja oleh majikan swasta.

Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Presiden Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (*ECCE Council*). Ahli-ahli jawatankuasa ini

terdiri dari wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (*ECCE Council*), Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) dan beberapa individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Jawatankuasa ini berkerjasama dengan sektor korporat khususnya dalam usaha menubuhkan TASKA tempat kerja.

Sebagai usaha terbaru, KPWKM melalui agensinya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan mempromosikan penubuhan TASKA di tempat kerja ketika melaksanakan Kursus Parenting@Work di pejabat pihak korporat, majikan swasta dan agensi kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**  
DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
[LENGGONG]  
TARIKH 12 MAC 2012  
SOALAN

Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan kesan kesihatan kepada rakyat ekoran perubahan iklim dunia di waktu ini dan apakah langkah-langkah Kementerian mengenai perkara ini.

Tuan Yang Di-Pertua

Masalah-masalah kesihatan awam yang bersangkutan-paut dengan fenomena perubahan iklim secara amnya adalah seperti berikut:

- Cuaca panas yang melampau boleh menyebabkan *heat stroke* di kalangan kanak-kanak dan orang tua, peningkatan dalam kes penyakit berkaitan sistem penafasan, dan penyakit kardiovaskular;
- Cuaca panas dan perubahan pola taburan hujan menyebabkan pertambahan kes-kes penyakit bawaan vektor seperti denggi dan

malaria kerana air takungan di merata tempat memudahkan pembiakan spesies nyamuk yang membawa kuman kedua-dua penyakit ini;

- Hujan lebat yang luar biasa mengakibatkan bencana banjir dan persekitaran dan bekalan air selamat. Ini akan meningkatkan kes-kes penyakit bawaan air dan makanan seperti kolera, disentri, cirit-birit, penyakit Leptospira dan penyakit kulit;
- Hujan ribut/taufan juga boleh menyebabkan kematian, kecederaan dan kecacatan, kemusnahan infrastruktur awam dan harta benda. Semua ini mengakibatkan tekanan psiko-sosial.
- Kemarau menjejaskan pengeluaran hasil pertanian seperti padi, bijirin serta ternakan seterusnya menyebabkan masalah kurang zat makanan dan kebuluran terutamanya di kalangan kanak-kanak;
- Perubahan iklim menyebabkan peningkatan aras air laut dan ribut pantai dan tanah di tepi pantai boleh tenggelam dan menyebabkan kehilangan sumber mata pencarian penduduk setempat. Ini menyebabkan migrasi penduduk secara besar-besaran, konflik dan menjejaskan kesihatan mental; dan
- Perubahan iklim dan cuaca keterlaluan boleh mengakibatkan bencana alam dan memberi kesan ke atas keselamatan dan kesihatan manusia, menggugat ekonomi negara, dan juga menyebabkan perubahan kepada alam semulajadi dan landskap binaan.

Langkah-langkah kesiapsiagaan yang diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah:

- Mewujudkan struktur organisasi tindak balas yang kukuh dalam menghadapi ancaman kesihatan akibat kesan perubahan iklim;
- Pusat Kesiapsiagaan Krisis dan Tindakan Cepat Kebangsaan (Crisis Preparedness and Response Centre - CPRC) diwujudkan bagi



menghadapi krisis kesihatan dan bencana; dan

- Mengambil tindakan mengurangkan kehilangan nyawa, mengendalikan mangsa di pusat pemindahan dengan cepat dan selamat, serta menghulurkan bantuan dan pemulihan kepada mangsa krisis.

KKM juga membentuk rangkaian kerjasama yang dinamakan Pelan Tindakan Kesihatan Persekitaran Kebangsaan atau *National Environmental Health Action Plan* (NEHAP). NEHAP merupakan satu kaedah perancangan dan pelaksanaan tindakan Kesihatan Alam Sekitar atau Kesihatan Persekitaran secara komprehensif, holistik, melibatkan pelbagai disiplin dan inter-sektoral di peringkat nasional. Dasar Teknologi Hijau Negara yang merangkumi unsur ekonomi, alam sekitar dan sosial telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Y.A.B Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada tahun 2009 sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan yang mampan. Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negara telah ditubuhkan serta dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri, di mana Menteri Kesihatan Malaysia adalah salah seorang ahlinya. Ia berfungsi bagi menggubal dasar dan mengenal pasti isu strategik dalam pembangunan dasar teknologi hijau negara dan perubahan iklim serta menyelaraskan, memantau dan menilai keberkesanan Dasar Teknologi Hijau Negara, program-program teknologi hijau dan perubahan iklim di peringkat nasional. Pada tahun 2010, Kerajaan Malaysia telah mewujudkan Dasar Perubahan Iklim Negara untuk memastikan pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim bagi memenuhi aspirasi negara dalam menerajui kelestarian. 2



PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN  
DARIPADA

BUKAN JAWAB LISAN

DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN

NASARAH (WiGGGoNG)

SOALAN

**NO. 422'** | ^"2^

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah sebab sebenar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) tidak mencapai tahap yang tinggi berdasarkan kepada ranking universiti dunia. Bilakah sasaran yang ditetapkan oleh pihak Kementerian bagi membolehkan IPTA mencapai tahap sepatutnya mengikut ranking universiti dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penarafan ataupun '*ranking*' terutamanya oleh *Times Higher Education-QS World University Ranking (THE-QS)* yang kemudian dikenali sebagai *QS World University Ranking (QS WUR)* pada tahun 2010, kebiasaanya dijadikan kayu pengukur dalam mencerminkan pencapaian atau kehebatan sesebuah universiti. Walaupun terdapat perdebatan mengenai kriteria penilaian QS WUR, namun Kementerian melihat QS WUR daripada sudut yang positif, yang boleh mewujudkan persaingan sihat antara

IPT tempatan dalam usaha memperkasakan IPT tempatan di peringkat antarabangsa.

Untuk mempertingkatkan kedudukan dalam QS WUR, IPT tempatan sedang memperkukuhkan asas atau fundamental seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, jaringan kolaborasi, penerbitan serta pengurusan IPT masing-masing. Kementerian Pengajian Tinggi sebenarnya telah menjalankan program-program berikut bagi bagi melonjakkan IPTA tempatan diperingkat antarabangsa, iaitu:

- i) pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Universiti bertaraf APEX (*Accelerated Programme for Excellence*) yang juga merupakan usaha ke arah universiti terbaik dunia. Ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang menetapkan sasaran supaya menjelang tahun 2020 tiga IPT tempatan berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia di mana satu daripadanya antara 50 yang terbaik;
- ii) pengiktirafan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai Universiti Penyelidikan. Dengan pengiktirafan ini, kelima-lima IPTA tersebut akan mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi; dan
- iii) pada tahun 2010, Kementerian telah mengiktiraf enam Pusat Kecemerlangan di IPTA sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) untuk melaksanakan kolaborasi penyelidikan dan kepakaran serta menghasilkan penerbitan berimpak tinggi bagi melonjakkan pencapaian masing-masing di peringkat antarabangsa.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARI PADA**

**YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN  
NASARAH  
(LENGGONG)**

**TARIKH**

**SOALAN**

**123**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan kedudukan dan pelaksanaan cadangan Projek Pembinaan Sambungan Jalan Kampung Bukit Sapi / Kampung Chepor/ Kampong Luat ke Kampung Intan Suraya (Sungai Siput).

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina dan menyiapkan Jalan Bukit Sapi - Chepor - Luat - Kg. Beng - Kg. Raja Intan Suraya Fasa 3 (Kampung Beng ke Kampung Reng),

Hulu Perak merupakan projek yang disenaraikan di bawah program JALB RMKe-10 (*rolling plan* pertama) dengan siling yang diluluskan oleh UPE, JPM berjumlah RM100,000.00. Peruntukan tersebut adalah untuk melaksanakan kerja-kerja rekabentuk dimana status kerja-kerja rekabentuk telah siap sepenuhnya. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 4.6 km, berdasarkan piawaian R3 dan 3 unit jambatan dengan anggaran kos berjumlah RM60.8juta.

Namun begitu, memandangkan kos pembinaan projek ini yang terlalu tinggi, Kementerian telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan projek ini dan melaksanakan Projek Kampung Talong Luat ke kampung Beng - Kampung Batu reng dengan menggunakan skop jalan kampung. Pelaksanaan projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 7.5 km dengan kos berjumlah RM2,355,800.65 dan telah siap sepenuhnya pada 16 Januari 2012.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN MOHD. NASIR BIN  
ZAKARIA (PADANG TERAP)**

**TARIKH**

**SOALAN**

## Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

menyatakan jumlah elaun bulanan yang diterima oleh Pengerusi FELCRA dan RISDA serta segala insentif dan keistimewaan yang mereka kecapai.

### **JAWAPAN:**

#### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, insentif dan keistimewaan yang layak diterima oleh Pengerusi RISDA adalah berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil.

7 Tahun 1994. Berdasarkan Pekeliling tersebut Pengerusi RISDA layak menerima **elaun tetap bulanan sebanyak RM2,886.12**. Selain itu, Pengerusi RISDA juga layak diberi elaun semasa bertugas rasmi dalam dan luar negeri iaitu elaun makan, penginapan (mengikut resit hotel) dan penerbangan (kelas perniagaan). RISDA juga turut menyediakan peruntukan kereta rasmi untuk kegunaan Pengerusi bagi menjalankan urusan berkaitan RISDA.

Manakala bagi Pengerusi FELCRA Berhad pula, bayaran elaun bulanan adalah sebanyak **RM5,000.00 sebulan**. Selain itu, Pengerusi FELCRA Berhad turut disediakan kemudahan kenderaan bersama pemandu untuk kegunaan rasmi serta seorang setiausaha dan seorang pelayan pejabat. Manakala faedah lain ditentukan oleh Lembaga



Pengarah dari semasa ke semasa dengan persetujuan Menteri Kewangan  
Diperbadankan (MKD).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN MOHD. NASIR BIN  
ZAKARIA  
(PADANG TERAP)**

**T ARIKH**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah  
menyatakan :**

- (a) bilangan peserta FELCRA di seluruh negara mengikut negeri serta keluasan setiap FELCRA; dan
- (b) **bilangan peserta KETENGAH, KEJORA, KEDA dan KESEDAR serta keluasan dan kejayaan yang**

**dicapai** oleh setiap agensi pembangunan wilayah tersebut.

**JAWAPAN : Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini FELCRA Berhad mempunyai seramai 98,858 peserta dengan keluasan ladang seluas 249 ribu hektar di seluruh negara seperti berikut

<b>Bil</b>		<b>Bil.</b>	<b>Keluasan (hektar)</b>
1	Perlis	483	2,293.11
2	Kedah	4,826	10,440.84
3	Pulau Pinang	771	488.49
4	Perak	19,366	38,796.24
5	Selangor	4,281	5,049.40
6	Negeri Sembilan	13,227	14,831.26
7	Melaka	4,964	3,227.46

8	Johor	10,324	28,056.31
9	Pahang	20,851	49,097.74
10	Terengganu	5,795	23,633.35
11	Kelantan	2,653	6,168.66
12	Sarawak	9,012	47,164.93
13	Sabah	2,305	19,297.75
	<b>Jumlah</b>	<b>98,858</b>	<b>248,545.54</b>

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan peserta KETENGAH, KEJORA, KEDA dan KESEDAR serta keluasan dan kejayaan yang dicapai oleh setiap agensi pembangunan wilayah tersebut adalah seperti berikut

**i. KETENGAH**

Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) berkeluasan 653,075 hektar atau kira-kira satu perdua daripada keluasan Negeri Terengganu dengan pembinaan 5 buah bandar baharu.

Sehingga tahun 2011, keseluruhan penduduk di Wilayah KETENGAH adalah seramai 152,104 orang yang merangkumi 70,104 orang di kawasan bandar, 50,000 orang di kawasan kampung dan 32,000 orang di kawasan ladang.

## **Pencapaian KETENGAH Program** **Pembangunan KETENGAH**

(a) Perumahan : KETENGAH telah membina 3,841 buah rumah kos rendah, 42 buah rumah kos sederhana, 217 buah rumah kakitangan, 119 buah premis perniagaan, 16 buah bengkel dan 5 buah medan selera.

(b) Pertanian : KETENGAH telah membangunkan 150,386 hektar kawasan pertanian yang meliputi 23.02% Wilayah KETENGAH. Daripada jumlah tersebut, seluas 140,771 hektar tanah telah diberi hak milik yang merangkumi tanaman kelapa sawit (133,657 hektar), getah (632 hektar), penyelidikan (1,703 hektar) dan pelbagai tanaman/buah-buahan (4,779 hektar).

(c) Infrastruktur dan Kemudahan : KETENGAH telah membina jalan raya sepanjang 864.17 km dan 100% penyediaan kemudahan bekalan air dan elektrik bagi seluruh kawasan Wilayah KETENGAH. Manakala bagi kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di kawasan Wilayah KETENGAH iaitu 5 buah pusat kesihatan, 18 buah klinik desa, 15 buah sekolah menengah, 43 buah sekolah rendah, 98

tadika,

8 buah taska, 2 buah Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta iaitu Universiti Teknologi Mara Cawangan BukitBesi yang masih dalam pembinaan dan Kolej KETENGAH, 1 Pusat Korektional Dungun, 2 buah balai bomba, 8 buah balai polis, 35 buah masjid dan beberapa kemudahan lain.

(d) Perindustrian : sebanyak 17 buah kilang telah beroperasi iaitu 9 buah kilang kelapa sawit, sebuah kilang kayu bergergaji, 4 kilang batu bata, dan 2 kuari.

(e) Teknologi Maklumat dan Komunikasi : KETENGAH telah membangunkan beberapa sistem bagi kegunaan pengurusan seperti Sistem Perakaunan SAGA, Sistem Perakaunan Perumahan, Sistem Maklumat Usahawan, Sistem Maklumat GIS, Sistem Automasi Pejabat (GOE) dan Sistem Pengurusan dan Pemantauan Projek. Selain daripada itu KETENGAH juga telah menyediakan kemudahan infrastuktur dan infostruktur dengan membina 29 Medan Infodesa bagi merapatkan jurang digital di kalangan penduduk bandar dan luar Bandar KETENGAH.

(f) Pelancongan : KETENGAH telah menjadi pelopor bagi

membangunkan kawasan pelancongan seperti Tasik Kenyir.

Kemudahan yang disediakan antaranya

- (i) menyediakan bekalan elektrik, air, kemudahan jeti dan *slipway* serta pengangkutan air bagi kegunaan pelancong. Kemudahan-kemudahan ini telah menggalakkan kegiatan ekonomi di kawasan Tasik Kenyir. Sehingga kini terdapat 8 buah *resort/rumah* tumpangan yang menyediakan perkhidmatan penginapan;
- (ii) membina 24 unit *chalet* di Pulau Petang dan 10 unit lagi di Pulau Herba;
- (iii) merancang untuk membina 300 unit *chalet* di Pulau Bayas. KETENGAH juga telah membangunkan kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong seperti santuari kelah, santuari gajah, taman herba dan juga mewujudkan kawasan Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang merupakan salah satu zon projek berimpak tinggi.

KEJORA merupakan sebuah agensi pembangunan wilayah dan kawasan operasi KEJORA adalah seluas 300,364 hektar meliputi 6 buah bandar baharu dan 73 buah kampung tradisional. Jumlah penduduk terlibat adalah sebanyak 66,459

## **Program Pembinaan KEJORA**

orang iaitu 32,083 orang di bandar baharu dan 34,376 orang di kampung tradisional.

## **Pencapaian KEJORA**

Sehingga kini, KEJORA telah berjaya membangunkan 6 buah bandar baharu dalam Wilayah KEJORA yang terdiri daripada Bandar Penawar, Bandar Tenggara, Bandar Sri Perani, Bandar Petri Jaya, Bandar Mas dan Taman Sri Lambak. Kesemua bandar baharu tersebut juga telah dilengkapi dengan semua kemudahan awam seperti masjid, stadium, dewan serbaguna dan kemudahan perumahan sebanyak 9,416 unit.

- (a) **Infrastruktur** : sejumlah 114 km jalan luar bandar, 140 km jalan kampung dan 46 km jalan pertanian telah dibangunkan oleh KEJORA.
  
- (b) **Pembangunan Kampung Tradisional** : KEJORA telah berjaya membangunkan kemudahan-kemudahan di 73 buah kampung tradisional dan 33 buah kampung Gerakan Daya Wawasan (GDW). Selain itu, 5 buah perumahan kampung perumahan tersusun juga telah berjaya dibangunkan.
  
- (c) **Perindustrian** : 2 buah kawasan industri iaitu di Bandar

## **Program Pembinaan KEJORA**

Penawar dan Bandar Tenggara melibatkan 68 buah kilang dan 19 lot industri sederhana sedang beroperasi.

- (d) Pertanian : Sejumlah 118,944 hektar kawasan pertanian dan akuakultur telah dibangunkan sebagai pusat pengeluaran makanan untuk eksport ke luar negara.



- (e) Pelancongan : Kawasan-kawasan pelancongan bertaraf nasional dan antarabangsa seperti Desaru, Tanjung Balau dan Tanjung Punggai telah dibangunkan dengan hotel, *chalet*, muzium nelayan, padang golf, *homestay* dan pelbagai kemudahan lain.

Pada ketika ini KEJORA sedang merangka beberapa program mengikut Pelan Perancangan Strategiknya selaras ke arah mencapai Wawasan 2020 Negara.

### iii. KEDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) adalah berkeluasan 827,900 hektar dengan kepadatan penduduknya adalah seramai 18,284 orang.

#### Pencaoaian KEDA Program Pembangunan KEDA

Pertumbuhan : KEDA telah membina 85 unit rumah kedai, 50 unit bangunan industri/kilang, 142 unit, 110 unit gerai perniagaan dan 163 lot industri di bawah Di samping itu, KEDA juga telah menaik taraf dan membina baru jalan kampung di

- (a) Pembinaan Jalan Bandungan Puseh sepanjang 1,482 km dan melaksanakan 186 projek di bawah program Jalan Pertanian serta 238 projek di bawah program Ameniti Sosial dan Kemudahan Awam.
- (b) Pembangunan Kampung Tradisional : KEDA telah melaksanakan 1,035 unit rumah di 9 buah lokasi kampung tradisional dan 441 unit rumah di 7 buah lokasi kampung KESBAN. Di bawah program Bantuan Rumah pula, KEDA telah membina baru 5,149 unit rumah dan membaik pulih 2,180 unit rumah di Wilayah KEDA.

### **(c) Pembangunan Sosial dan Institusi**

Sebanyak 58 buah kampung telah mendapat faedah daripada projek Mobilisasi dan Perkhidmatan Sosial yang dilaksanakan oleh KEDA di mana kelas Fardu Ain, Al-Quran, gotong-royong, ceramah keagamaan dan Majlis Pemimpin bersama Rakyat telah diadakan.

### **Sv. KESEPAR**

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) berkeluasan 1.23 juta hektar dengan jumlah penduduknya adalah seramai 315,000 orang.

### **Pencaoaian KESEDAR**

Melalui program Rancangan Kemajuan Tanah, sepanjang 21 km jalan pertanian dan 45 km jalan kampung telah dibina oleh KESEDAR di samping membina 42 kemudahan awam dan menyelenggara ladang seluas 1,314 hektar.

Selain itu, KESEDAR juga telah melaksanakan 139.95 km jalan kampung dan 11 buah jambatan di bawah program Jalan-ialan Kampung. Manakala, bagi pembangunan kampung tradisional sebanyak 50 projek bekalan air dan 115 projek kemudahan awam

telah siap dibina serta diselenggara.

Melalui program Pambangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan, sepanjang 7.1 km jalan utama perbandaran dan 2 kemudahan awam telah siap dibina dan dinaik taraf yang memberi manfaat kepada 35,000 orang penduduk Bandar Gua Musang.

Selain itu, di bawah program Rancangan Pemulihan Tanah, sebanyak 61 projek kemudahan awam telah dilaksanakan dengan penerima faedah seramai 47,136 orang. KESEDAR juga telah melaksanakan sebanyak 2,088 siri kursus yang melibatkan seramai 553,091 penyertaan di kalangan penduduk di Wilayah KESEDAR di samping membina 4 unit kemudahan latihan.

Di bawah program Pambangunan Teknologi Maklumat, KESEDAR telah melaksanakan 142 projek dengan penglibatan seramai 608 orang peserta. Selain daripada itu, KESEDAR juga telah menyediakan 78 buah kawasan rekreasi dan pelancongan untuk menggalakkan penduduk tempatan dan luar untuk berkunjung ke wilayah tersebut.

PERTANYAAN BERTULIS

DARIPADA

TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]

TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

NO. 126

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

menyatakan jumlah peruntukan dan projek bagi menyelesaikan semua masalah kekurangan air yang berlaku di Padang Terap. Nyatakan juga usaha yang telah dan sedang dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah meluluskan projek Bekalan Air Padang Terap di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan siling peruntukan projek berjumlah RM89.5 juta. Projek ini telah disambung di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) *Rolling Plan* Pertama (RP1) dengan siling peruntukan berjumlah RM3juta.

Projek Bekalan Air Padang Terap mempunyai beberapa komponen iaitu pembinaan muka sauk, pembinaan loji rawatan air berkapasiti 50 Juta Liter Sehari, tangki rumah pam dan pemasangan paip air di Padang Sanai, Durian Burung, Sintok dan Bukit Kayu Hitam. Pembinaan muka sauk dan Loji Rawatan Air Padang Sanai telah disiapkan di dalam RMKe-9, manakala tangki rumah pam dan pemasangan paip air di Padang Sanai, Durian Burung, Sintok dan Bukit Kayu Hitam telah disiapkan di dalam RP1, RMKe-10. Pelaksanaan projek ini telah menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan Padang Sanai, Durian Burung dan sebahagian kawasan di

Padang Terap. Penyiapan projek ini juga telah mengurangkan bilangan aduan pengguna berkaitan dengan gangguan bekalan air daripada purata 33 aduan pada tahun 2009 kepada purata 2 aduan pada tahun 2012. Aduan berkaitan dengan tekanan rendah juga berkurangan daripada purata 4 aduan kepada 1 aduan dalam tempoh yang sama.

Selain daripada itu, beberapa perancangan telah dibuat di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi menyelesaikan masalah kekurangan air. Bagi Kg. Pong Selatan, Kg. Lamdin Dalam dan Kg. Tandop Dalam dijangka akan mendapat bekalan air setelah Projek DUN Sg. Tiang siap pada tahun hadapan.

Manakala bagi Kg. Puncak Jening, Kg. Paya Terap, Kg. Lembah Permai, Kg. Padang Setoi B dan Kg. Tanah Merah akan mendapat bekalan air setelah Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Kuala Nerang Fasa 1B siap pada tahun 2013.

\*\*\*\*\*

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB TUAN MOHD NASIR BIN  
ZAKARIA  
(PADANG TERAP)**

**TARIKH**

**SOALAN**

**127**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah bilangan kampung serta bilangan penduduk yang masih belum mendapat bekalan elektrik serta nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menyelesaikan masalah tersebut.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**



Sehingga akhir tahun 2011, liputan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak masing- masing telah mencapai 99.9%, 89.2% dan 91.7%.

Berdasarkan kepada liputan berkenaan, masih terdapat kira-kira 1,270 buah rumah di Semenanjung, 33,678 buah rumah di negeri Sabah dan 22,923 buah rumah di negeri Sarawak yang masih belum mendapat kemudahan bekalan elektrik 24 jam.

Dalam tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pada tahun 2010-2012, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) telah diperuntukkan sejumlah RM3.23 bilion dan dengan peruntukan yang disediakan, Kerajaan telah menyasarkan untuk mencapai liputan bekalan elektrik kepada 99.9% di Semenanjung dan 95% di negeri Sabah dan Sarawak pada akhir tahun 2012.

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
[ PADANG TERAP ]

RUJUKAN 4579

SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [ Padang Terap ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan anggota PDRM yang diberhentikan kerja akibat masalah disiplin dari tahun 2008 hingga 2011, punca utama serta nyatakan adakah tiada langsung pampasan diberikan kepada mereka.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 3,801 pegawai dan anggota PDRM telah dikenakan tindakan tatatertib. Daripada jumlah tersebut, seramai 170 orang pegawai dan anggota PDRM telah dikenakan hukuman Buang Kerja.

Pegawai dan anggota polis tersebut tidak layak menerima sebarang pampasan kerana keputusan tersebut dibuat berdasarkan bukti penglibatan mereka dengan salahlaku jenayah, rasuah, penyalahgunaan dadah dan pembolosan yang mana merupakan perkara yang serius dan telah menjejaskan nama baik pasukan Polis Diraja Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARI PADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[Parit Buntar]

### SOALAN

Dr. Mujahid bin haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah Kerajaan berhasrat menubuhkan Lembaga Pembiayaan Kesihatan Nasional ( NHFA) dan kalau ada jelaskan tujuannya dan bagaimana ia beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua

1Care adalah cadangan penstrukturan semula sistem kesihatan negara yang masih dalam peringkat cadangan awal. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan sistem kesihatan Malaysia, supaya semua rakyat boleh mendapatkan rawatan kesihatan berkualiti. Cadangan ini masih lagi di peringkat konsep dan Kerajaan belum mengambil sebarang keputusan mengenai perkara-perkara ini. Pelbagai aspek persediaan mengenai 1Care sedang diperincikan dengan mengambilkira cadangan dan input dari pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders* - dengan izin). Dari tahun 2009 sehingga 2011, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sebanyak 56 perbincangan, bengkel, seminar, persidangan dan forum bersama organisasi bukan Kerajaan (NGO), pihak akademik serta wakil komuniti bagi tujuan tersebut. KKM sentiasa mengalu-alukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan negara boleh diperkukuhkan lagi.

Dalam usaha mempertingkatkan sistem kesihatan negara melalui penstrukturan semula ini, Kerajaan bertujuan memastikan:

- 1) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan yang berkualiti tanpa mengira tahap usia dan tahap kesihatan;
- 2) rakyat boleh membuat pilihan untuk mendapatkan rawatan di klinik dan hospital swasta atau awam tanpa mengira tahap kemampuan mereka;
- 3) rakyat boleh mendapatkan penjagaan kesihatan berhampiran dengan tempat tinggal atau tempat kerja mereka;
- 4) rakyat boleh memilih doktor keluarga masing-masing dan boleh menukarnya sekira perlu. Doktor keluarga ini akan lebih mengenali dan memahami masalah kesihatan setiap individu dan keluarga mereka serta membantu mereka terus mendapatkan penjagaan

kesihatan sepanjang hayat;

- 5) rakyat tidak perlu bimbang mengenai bayaran semasa mereka mendapatkan rawatan yang mereka layak;
- 6) Kerajaan akan terus membiayai penjagaan kesihatan untuk rakyat miskin;
- 7) sumbangan untuk keperluan penjagaan kesihatan tidak akan membebankan rakyat; dan
- 8) rakyat tidak akan mengalami masalah kewangan atau jatuh miskin kerana membiayai rawatan kesihatan.

Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan dan kualiti penjagaan kesihatan untuk mengutamakan keperluan rakyat, negara menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang perlu ditangani. Di antara isu-isu ini termasuklah kewujudan dua sektor penjagaan kesihatan yang berbeza iaitu sektor awam dan swasta memberi impak ke atas kualiti penjagaan kesihatan. Perbezaan yang ketara adalah dari segi infrastruktur seperti fasiliti dan peralatan kesihatan, amalan klinikal dan kompetensi anggota profesional dan juga sokongan. Perbezaan ini memberi kesan kepada persepsi kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit.

Pada masa ini, terdapat perbezaan dan ketidakseimbangan sumber manusia dan bebanan kerja di antara sektor awam dan swasta. Walaupun terdapat rangkaian fasiliti kesihatan yang meluas di Malaysia, namun taburannya masih tidak seimbang. Kemudahan fasiliti swasta lebih tertumpu di kawasan bandar dan perkhidmatan pakar juga lebih banyak terdapat di bandar-bandar utama. Oleh itu, masyarakat luar bandar tidak menerima tahap perkhidmatan yang setara dengan masyarakat yang tinggal di bandar. Ini menyumbang kepada ketidaksamaan pencapaian tahap kesihatan di antara penduduk bandar dan luar bandar. Walaupun sejak merdeka, negara telah mencapai banyak kejayaan dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat, namun kini indikator-indikator kesihatan tidak banyak berubah dan tidak menunjukkan peningkatan tahap kesihatan ketara untuk beberapa tahun kebelakangan ini, berbanding negara-negara lain.

Di sektor swasta, pesakit bebas mendapatkan rawatan dari mana-mana peringkat penjagaan kesihatan tanpa dirujuk. Amalan *doctor-hopping* (dengan izin) di kalangan pesakit adalah membimbangkan dan perlu diberi perhatian kerana ia tidak menggalakkan amalan penjagaan kesihatan

yang berhemah dan baik. Ini menjadi lebih genting lagi dengan peningkatan bilangan penduduk warga emas dan juga perubahan corak dan beban penyakit di Malaysia. Pada masa ini, penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis dan kanser semakin meningkat. Kedua-dua situasi ini memerlukan rawatan jangka panjang bersama doktor yang benar-benar memahami keperluan kesihatan pesakit secara berterusan.

Memandangkan bilangan pesakit yang menggunakan hospital awam semakin bertambah, tidak hairanlah kesesakan adalah satu isu yang merumitkan usaha Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih selesa kepada pesakit dan pelawat. Dalam situasi ini timbul ketidakpuasan dari pelanggan dan anggota fasiliti tersebut. Aduan yang kerap diterima oleh KKM adalah waktu menunggu yang panjang bagi mendapatkan rawatan di setiap peringkat penjagaan kesihatan.

Keadaan tempat kerja yang kurang memuaskan, beban kerja yang tinggi dan ganjaran yang tidak setimpal menyumbang kepada penghijrahan pakar, doktor dan anggota kesihatan terlatih dari sektor awam ke sektor swasta dan ke luar negara. Pada masa yang sama, walaupun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan tidak mencapai tahap kualiti yang sepatutnya, caj rawatan tinggi masih akan dikenakan di sektor swasta.

Walaupun rakyat telah banyak mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang dibiayai oleh Kerajaan, namun proses mensasarkan sumber kewangan awam adalah kurang cekap. Golongan yang berkemampuan turut mendapat faedah dari perkhidmatan kesihatan awam yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan. Jadual Fi yang dikenakan

amat rendah kerana subsidi yang diberi oleh Kerajaan walaupun bagi mereka yang berkemampuan. Ini menyumbang kepada ketirisan subsidi Kerajaan.

Sistem pembiayaan kesihatan sedia ada mungkin tidak mampu bertahan dengan peningkatan pesat dalam perbelanjaan penjagaan kesihatan dan kadar perbelanjaan wang saku (*out-of-pocket* - dengan izin) yang tinggi. Kekurangan liputan media meminta bantuan kewangan bagi membiayai kos rawatan menunjukkan kelemahan sistem pembiayaan kesihatan sekarang.

Dengan kesedaran mengenai isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh sistem kesihatan Negara, pihak KKM telah banyak meneliti pelbagai pilihan bagi memastikan sistem kesihatan negara kekal relevan, lebih berkualiti dan memenuhi keperluan penduduk. Kini KKM sedang menyediakan cadangan awal pelan penstrukturan semula sistem kesihatan dengan mengambil kira isu yang dinyatakan diatas. Dalam hal ini KKM mengalu- alukan sumbangan idea dan maklumbalas mengenai bagaimana sistem kesihatan Negara boleh diperkukuhkan lagi.

\^O  
SOALAN NO: 431"

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA: DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA (PARIT BUNTAR)**

**SOALAN : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan di bawah akta manakah letaknya IADA Kerian-Sungai Manik. Adakah ia mempunyai pengurusan sendiri untuk mentadbir**

jelapang padi seperti MADA (Muda Agriculture Development Area) atau KADA (Kemubu Agricultural Development Area).

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian-Sg. Manik dan juga lain-lain IADA tidak tertakluk kepada akta yang spesifik. Semua IADA ditadbir menggunakan model pengurusan secara penyelarasan manakala MADA dan KADA ditadbir secara “korporat” atau “lembaga”. MADA diperbadankan di bawah Akta 70 iaitu Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) 1972 manakala KADA tertakluk di bawah Akta 69 iaitu Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 1972.

Semua IADA termasuk IADA Kerian-Sungai Manik mempunyai pejabat pengurusan projek yang bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan memastikan pelaksanaan projek-projek oleh komponen yang berkaitan iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Lembaga Pertubuhan Peladang. IADA diberi tanggungjawab untuk memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha meningkatkan pembangunan sektor pertanian dan pembangunan kawasan berpotensi supaya pengeluaran pertanian ditingkatkan dan pendapatan penduduk di kawasan projek berada di atas garis kemiskinan.



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARI PADA : YB DR MUJAHID BIN HJ YUSOF**

**RAWA**

**(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH**

**SOALAN : 131**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan masalah graduan dari kursus kemahiran MARA yang tidak boleh bekerja kerana kursus yang diambil tidak mendapat akreditasi dari Pusat Akreditasi Malaysia.

**Jawapan**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Yang Berhormat terhadap pendidikan kemahiran MARA. Sektor Pendidikan MARA dibahagi kepada dua laluan utama iaitu Pendidikan Akademik dan Pendidikan Teknikal & Vokasional untuk mewujudkan pemimpin perniagaan

awam, profesional dan graduan cemerlang serta melahirkan *global competent technologist, technopreneur* dan *meister craftsman*.

Pendidikan Teknikal & Vokasional diperkasa dari peringkat sijil di GIATMARA, Insitut Kemahiran MARA sehingga ke peringkat diploma di Kolej Kemahiran Tinggi MARA. Kesemua program yang dikendalikan MARA telah mendapat atau dalam proses mendapat akreditasi MQA (*Malaysian Qualifications Agency*). Akreditasi MQA adalah disyaratkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap semua program yang dijalankan oleh mana-mana IPT. Kursus-kursus yang ditawarkan di pusat-pusat kemahiran

MARA adalah program sijil seperti Sijil Teknologi, Sijil Teknologi Kejuruteraan dan program diploma seperti *Higher National Diploma*, Diploma Kejuruteraan, Diploma Teknologi dan Diploma Teknologi Kejuruteraan di dalam berbagai bidang kemahiran dan teknikal.

Kebanyakan pekerjaan di sektor swasta dan industri tidak tertakluk kepada pengiktirafan akreditasi MQA. Dengan pewujudan 3.3 juta pekerjaan di dalam 12 bidang NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi akan memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada graduan-graduan ini. Oleh itu semua lepasan daripada pusat kemahiran MARA berpeluang untuk bekerja di sektor swasta yang menerajui Program Transformasi Ekonomi Negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Agenda Transformasi MARA, aktiviti-aktiviti pendidikan MARA menjurus kepada pembangunan modal insan berteraskan nilai murni, berkemahiran dan berpengetahuan keusahawanan. Oleh itu, lepasan dari pendidikan teknikal dan vokasional MARA adalah bakal-bakal usahawan yang telah dilatih dengan asas perniagaan sebagai kursus wajib semasa mengikuti pengajian di pusat kemahiran MARA.

Oleh kerana MARA telah memastikan semua program di pusat-pusat kemahiran MARA telah mendapat akreditasi, maka masalah tidak boleh

bekerja sama ada di sektor awam atau swasta kerana tiada akreditasi MQA tidak timbul.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Bertulis  
**DARIPADA** : Datuk Mohd Nasir B. Ibrahim Fikri [Kuala Nerus]  
**SOALAN** : Datuk Mohd Nasir B. Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan program '*self sufficient*' makanan asasi negara dan sejauh manakah kejayaan program tersebut

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi bekalan makanan pengeluaran sektor agromakanan negara dijangka meningkat sebanyak 3.7% daripada 7.58 juta tan metrik pada tahun 2010 kepada 7.87 juta tan metrik pada tahun 2011. Peningkatan bekalan sektor agromakanan tiga (3) subsektor-subsektor utama ialah:

- i. subsektor tanaman yang terdiri daripada komoditi beras, buah-buahan dan sayur-sayuran sebanyak 3.9% daripada 4.1 juta tan metrik (2010) kepada 4.2 juta tan metrik (2011);
- ii. subsektor ternakan yang terdiri daripada komoditi daging lembu/kerbau, daging kambing/bebiri, daging ayam/itik, daging khinzir, telur dan susu sebanyak 3.3% daripada 2.19 juta tan metrik (2010) kepada 2.26 juta tan metrik (2011); dan
- iii. subsektor perikanan yang terdiri daripada perikanan laut dan akuakultur sebanyak 3.9% daripada 1.33 juta tan metrik (2010)

kepada 1.39 juta tan metrik (2011).

Berdasarkan kepada status pencapaian pengeluaran komoditi-komoditi makanan utama ini, terdapat empat (4) komoditi makanan yang dijangka mencapai tahap sara diri yang mencukupi bagi menampung permintaan dan keperluan domestik pada tahun 2011 iaitu daging ayam/itik (100.5%), daging khinzir (128.1%), telur ayam/itik (117.7%) dan ikan makanan (101.7%).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa komoditi makanan utama yang mengalami tahap sara diri yang tidak mencukupi berikutan faktor ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik seperti beras (72.2%), sayur-sayuran (66.3%), buah-buahan (43.5%), daging lembu/kerbau (29.0%), daging kambing/bebiri (11.3%) dan susu (5.0%).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR]

SOALAN

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah graduan jururawat keluaran institusi Kerajaan dan swasta yang masih tidak dapat mengisi kekosongan jawatan tersebut hingga Disember 2011. Apakah langkah atau tindakan pihak Kementerian dalam menangani masalah lambakan graduan jururawat ini.

Tuan Yang di-Pertua

SOALAN NO : 134

Pada masa ini, latihan kejururawatan dikendalikan oleh Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Swasta (ILS).

Bagi tempoh tahun 2009-2011, jumlah purata pengambilan pelatih bagi 16 Institusi KKM adalah sebanyak 2,917 pelatih setahun. Bagi IPTS purata pengambilan adalah sebanyak 8,609 pelatih setahun yang merangkumi 70 buah IPTS, dan bagi IPTA pula, purata pengambilan setahun adalah sebanyak 525 orang pelatih setahun yang melibatkan 6 buah IPTA.



Dari tahun 2007 sehingga 2011, seramai 13,202 calon dari Kolej-kolej di KKM telah menduduki Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 13,050 (98.8%) calon yang lulus dan seramai 152 calon kandas di dalam peperiksaan yang diduduki. Manakala, bagi Kolej Angkatan Tentera sehingga Disember 2011 belum ada graduasi. Bagi graduan lepasan IPTS, seramai 34,311 calon yang telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 27,453 (80%) telah lulus dan seramai 6,858 calon gagal di dalam peperiksaan yang diduduki. Bagi graduan lepasan IPTA, seramai 2,600 calon yang telah menduduki peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia dan dari jumlah tersebut seramai 2,524 (97.1%) telah lulus dan seramai 76 calon gagal di dalam peperiksaan yang diduduki.

Bagi Kolej-kolej di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, pengambilan pelatih adalah berdasarkan kepada keperluan, di mana graduan yang telah lulus di dalam Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia akan diambil bertugas dengan KKM, manakala bagi Kolej Angkatan Tentera Malaysia akan diambil bertugas dengan Kementerian Pertahanan Malaysia. Bagi tempoh 5 tahun yang lepas, KKM telah melantik secara puratanya seramai 2,610 orang setahun jururawat keluaran ILKKM untuk berkhidmat di KKM. Kadar purata pengeluaran graduan jururawat bagi IPTS pula adalah seramai 5,490 orang setahun. Manakala, purata pengeluaran graduan jururawat bagi IPTA adalah seramai 504 orang setahun.

Menyentuh isu pengangguran jururawat, berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Kementerian Sumber Manusia, bilangan jururawat yang



menganggur dari tahun 2009-2011 adalah seramai 4,379 orang.

Langkah atau tindakan pihak Kementerian dalam menangani masalah lambakan graduan jururawat ini adalah seperti berikut:-

- i. Pada awal tahun ini, KKM telah mengadakan satu kajian keperluan jururawat di fasiliti kemudahan kesihatan bagi mengetahui keperluan jururawat di fasiliti KKM dengan menggunakan kaedah *Workload Indicator for Staffing Needs (WISN)* yang dibangunkan oleh *World Health Organization*. Hasil kajian ini, akan dapat membantu KKM membuat unjuran keperluan sebenar jururawat dalam memenuhi keperluan negara. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa jumlah keperluan jururawat bagi semua hospital dan klinik kesihatan KKM di enam buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Kelantan, Johor dan Sabah adalah seramai 29,410 jururawat. Kajian Keperluan Tenaga Manusia bagi jururawat ini juga akan dipanjangkan ke lapan (8) negeri yang lain dan dijangka siap pada akhir tahun ini;
- ii. Bahagian Kejururawatan sentiasa memantau penempatan dan keperluan jururawat di fasiliti kesihatan KKM bagi mengetahui keperluan tenaga kejururawatan yang diperlukan dari semasa ke semasa;
- iii. Membuat pemantauan secara berkala ke institusi dan fasiliti latihan klinikal melalui LJM bersama KPT dan MQA bagi memastikan pihak Institusi melaksanakan program kejururawatan mengikut piawaian

yang ditetapkan. Tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak KPT kepada institusi terlibat sekiranya terdapat ketidakakuran;

- iv. KKM melalui Lembaga Jururawat Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa memantau prestasi setiap Institusi program kejururawatan IPTA/IPTS di mana kadar kelulusan pelatih kejururawatan yang menduduki peperiksaan LJM kurang dari 85% akan dipantau dengan teliti dan sekiranya prestasi ini tidak meningkat, pihak KPT akan mengambil tindakan, antaranya, menyekat pengambilan pelajar baru;
- v. Lembaga Jururawat telah memutuskan dalam Mesyuarat Lembaga Jururawat Malaysia kali ke-98 bertarikh 18 Mac 2010 untuk meningkatkan kelayakan masuk ke program Diploma Jururawat dari tiga (3) kredit kepada lima (5) kredit dalam Sijil Pelajaran Malaysia dengan kredit dalam matapelajaran Sains dan Matematik. Perkara ini telah dikuatkuasakan mulai 31 Julai 2010;
- vi. Penguatkuasaan moratorium telah dilaksanakan mulai Julai 2010. Ini adalah arahan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama dan persetujuan daripada LJM selepas mengadakan perbincangan bersama Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia; dan
- vii. Mengadakan kerjasama dengan Agensi Pengambilan Tenagakerja Jururawat di luar negara, melalui Mutual Recognition Agreement (MRA), di mana ini dapat memberi peluang kepada jururawat mendapat kerja di luar negara contohnya di Singapura dan Brunei.

~~140.\$OffLA\*)'- NO-~~

~~AU8W-Ti35 ^~~

~~-NOrAtfP-:~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]

TARIKH :

RUJUKAN : 4580

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta ISA 1960, Emergency Ordinance 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tanpa bicara untuk tempoh kurang dari 60 hari dari Januari 2011 ke Disember 2011, mengikut kaum, jantina, juvana dan kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari 2011 hingga Disember 2011, jumlah orang yang ditangkap dan ditahan untuk tempoh kurang 60 hari, di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 adalah seramai 448 orang iaitu 446 orang lelaki dan 2 orang perempuan, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 adalah seramai 26 orang di mana kesemuanya lelaki manakala di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah seramai 853 orang iaitu 833 orang lelaki dan 20 orang perempuan.

Daripada jumlah di atas, tahanan muda (iaitu tahanan berumur 21 tahun ke bawah) adalah seramai 62 orang iaitu 60 orang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan 2 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah- langkah Pencegahan Khas) 1985. Tiada tahanan muda ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pada tahun tersebut.

Mengikut pecahan kaum pula, bagi tangkapan dan tahanan kurang 60 hari di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah)

Tuan Yang Di-Pertua,  
1969, seramai 175 orang tahanan adalah berbangsa Melayu, 165 orang berbangsa India, 77 orang berbangsa Cina, 10 orang daripada lain-lain kaum dan 20 orang merupakan warganegara asing. Bagi tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pula, terdapat 2 orang tahanan berbangsa Melayu manakala 24 orang lagi merupakan warganegara asing. Manakala bagi tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 terdapat 518 orang tahanan berbangsa Melayu, 186 orang berbangsa India, 110 orang berbangsa Cina, 2 orang daripada lain-lain kaum dan 37 orang warganegara asing.

no- 9oala\* i • isr

~~Me. AUM : 136~~

41H -A I in -

nSU.7\Ur"~r

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARI PADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]

TARIKH :

RUJUKAN : 4581

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang ditangkap dan ditahan di bawah Akta ISA 1960, Emergency Ordinance 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas (1985) tanpa bicara untuk tempoh lebih dari 60 hari (dikenakan perintah tahanan) dari Januari 2011 ke Disember 2011, mengikut kaum, jantina, juvana dan kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari 2011 hingga Disember 2011, jumlah orang yang ditangkap dan ditahan tanpa bicara untuk tempoh lebih dari 60 hari (dikenakan perintah tahanan), di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 adalah seramai 891 orang iaitu 890 orang lelaki dan 1 orang perempuan, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pula seramai 26 orang di mana kesemuanya lelaki manakala di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 adalah seramai 751 orang iaitu 727 orang lelaki dan 24 orang perempuan.

Daripada jumlah di atas, tahanan muda (iaitu tahanan berumur 21 tahun ke bawah) adalah seramai 300 orang iaitu 250 orang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan 50 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Tiada tahanan muda di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 dalam tahun tersebut.

Mengikut pecahan kaum pula, bagi tahanan di bawah Ordinan Darurat

Tuan Yang di-Pertua,  
(Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, seramai 457 orang tahanan adalah berbangsa Melayu, 244 orang berbangsa India, 125 orang berbangsa Cina, 28 orang daripada lain- lain kaum dan 37 orang warganegara asing. Bagi tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 pula, terdapat 2 orang tahanan berbangsa Melayu manakala 24 lagi merupakan warganegara asing. Manakala bagi tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 seramai 480 orang tahanan berbangsa Melayu, 128 orang berbangsa India, 107 orang berbangsa Cina, 2 orang daripada lain-lain kaum manakala 34 orang merupakan warganegara asing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH  
[SUBANG]

RUJUKAN 4582

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan menyatakan jumlah kematian dalam tahanan di lokap polis dan juga jumlah orang yang ditembak mati oleh polis daripada 2001 ke 2011 mengikut tahun dengan perincian nama,



NO. SOALAN : 137

umur, kaum, jantina, kewarganegaraan dan balai yang berkenaan dengan kejadian.

## JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kematian dalam tahanan atau lokap Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dari tahun 2001 hingga 2011 adalah sebanyak 190 orang. Daripada jumlah tersebut, kes kematian dalam tahanan yang dicatatkan pada tahun 2001 adalah seramai 17 orang, tahun 2002 seramai 18 orang, tahun 2003 seramai 32 orang, tahun 2004 seramai 24 orang, tahun 2005 seramai 18 orang, tahun 2006 seramai 17 orang, tahun 2007 seramai 19 orang, tahun 2008 seramai 12 orang, tahun 2009 seramai 7 orang, tahun 2010 seramai 9 orang dan tahun 2011 seramai 17 orang yang dilaporkan mati dalam tahanan atau lokap polis.

Jumlah kematian dalam tahanan yang direkodkan di balai polis-balai polis yang berada di Kontinjen Kuala Lumpur adalah sebanyak 31 kes, Selangor dan Johor masing-masing sebanyak 30 kes, Kedah 20 kes, Terengganu 18 kes, Pulau Pinang 12 kes, Perak 11 kes, Negeri Sembilan dan Kelantan masing-masing 10 kes, Sabah dan Sarawak masing-masing 5 kes, Pahang 4 kes, Melaka 3 kes dan Perlis 1 kes.

Bagi jumlah penjenayah yang ditembak mati oleh polis pula, statistik yang dicatatkan dari tahun 2001 hingga 2011 adalah seramai 347 orang. Daripada jumlah tersebut, 78 orang adalah terdiri dari kaum

Melayu, 62 orang kaum Cina, 56 orang kaum India dan 151 orang lagi terdiri daripada warganegara asing.

NO. SOALAN: 137

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA Y.B TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
(SUBANG)

SOALAN

TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [SUBANG] minta PERDANA

MENTERI menyatakan:-

- (a) Status inkues-inkues untuk semua kes-kes kematian dalam tahanan di lokap polis dari 2001 ke 2011; dan
- (b) jumlah kematian dalam Pusat-pusat Tahanan Imigresen untuk tempoh 2001 ke 2011 mengikut tahun, depot dan nationaliti PATI dan status inkues-inkues berkenaan.

JAWAPAN

YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes inkues bagi kematian dalam tahanan lokap polis yang direkodkan oleh Mahkamah dari tahun 2001 hingga 2011 adalah berjumlah 47 kes. Jumlah ini adalah setelah operasi fail dijalankan di Mahkamah di seluruh negara.

Pecahan kes inkues mengikut negeri dan status adalah seperti di Lampiran A.

- (b) Statistik jumlah kematian dalam Pusat-Pusat Tahanan Imigresen untuk tempoh 2001 hingga 2011 adalah berjumlah 71 kes.

Pecahan jumlah kematian mengikut tahun, depot dan nationaliti PATI adalah seperti di Lampiran B.

Sekian, terima kasih.

STATISTIK INKUES BAGI KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS DARI  
TAHUN 2001 HINGGA 2011

LAMPIRAN A

	NAMA/NO KES	NEGERI	KETURUNAN	STATUS
2001	Chai Kok Leong	Kuala Lumpur	Cina	Selesai
2002	88-203-2002	Pulau Pinang		Selesai
	88-27-2002	Pulau Pinang		Selesai
	88-31-2002	Pulau Pinang		Selesai
	88-49-2002	Pulau Pinang		Selesai
	88-113-2002	Pulau Pinang		Selesai
2003				
2004	Veeramany a/ Gopal	Selangor	India	Selesai
	Francis Udayappan	Selangor	India	Selesai
	Prakash Moses Nasieb	Kuala Lumpur	India	Selesai
	Syed Mohd Fadil b. Syed Hamzah	Melaka	Melayu	Selesai
	Sathasivam a/ Suppanan	Selangor	India	Selesai
	Sharip bin Mohd Nor	Selangor	Melayu	Selesai
	Inyang ak Gendang	Sarawak	Iban	Selesai
	88-145-2004	Pulau Pinang		Selesai
	88-166-2004	Pulau Pinang		Selesai
	88-167-2004	Pulau Pinang		Selesai
	88-223-2004	Pulau Pinang		Selesai
	88-225-2004	Pulau Pinang		Selesai
	2005	Vellu a/ Punnusamay	Selangor	India
Mohd. Zohdi bin Medhad		Selangor	Melayu	Selesai

	Zunaidi bin Zaidun	Selangor	Melayu	Selesai
	Bayang anak Anchang	Sarawak	Iban	Selesai
	Manimaran a/l Selvarajan	Negeri Sembilan	India	Selesai
2006	Ravindran a/l Alagisy	Pulau Pinang	India	Selesai
	Shanmugam a/l	Pulau Pinang	India	Selesai
	Sharif bin Ridzuan	Pulau Pinang	Melayu	Selesai
	Sabri bin Mat Isa	Pulau Pinang	Melayu	Selesai
	Thagavellu a/l Annamolay	Selangor	India	Selesai
	Rahim bin Nasir	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Ahmad Azali bin Bakar	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Tirmizi bin Ibrahim	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Gapur bin Abdul Gani	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Rosfina bin Talib	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Khorsaidari bin Taib	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Fadly bin Kamaruzama	Kuala Lumpur	Melayu	Selesai
	Soo Ha	Kuala Lumpur	Cina	Selesai
	Ng Kim	Sarawak	Cina	Selesai
	James Wong Soon Lain	Sarawak	Cina	Selesai
	2007	Sangralingam a/l Gopal Thevan	Pulau Pinang	India
Kothandapan y a/l Masila		Pulau Pinang	India	Selesai
2008	Goh Yam Peaw	Johor	Cina	Selesai
	Baalon bin Lumbis	Sabah	Murut	Selesai

2009	Gunasegaran a/l Rajasundram	Kuala Lumpur	India	Selesai
	Letchumanan a/l Kathan	Pahang	India	Selesai
2010	88-69-2010	Pulau Pinang		Selesai
	88-35-2010	Pulau Pinang		Selesai
2011	Tiada Maklumat	Negeri Sembilan		Selesai
JUMLAH	47			

STATISTIK KEMATIAN PENDATANG ASING TANPA IZIN DI DEPOT-  
DEPOT TAHANAN IMIGRESEN PADA TAHUN 2001 HINGGA 2011

## LAMPIRAN B

TAHUN	DEPOT TAHANAN IMIGRESEN	SEBAB KEMATIAN	WARGANEGARA (BIL:)	LOKASI KEMATIAN	BIL: KEMATIAN
2001		-	-	-	-
2002		-	-	-	-
2003	Macap Umboo, Melaka	. Coronary Arterdy  . Severe Sob & Restrostenal Chest Pain.  . Secondary to Foot Gangre	India (3)	• Hospital  • Dalam Tahanan	3
	Ajil, Trengganu	Aids with Pulmonary TB	Thailand (1)		1
					<b>4</b>
2004	Ajil, Trengganu	- Septicaemia	Indonesia (1)	Hospital Dalam Tahanan	1
					<b>1</b>
2005	Ajil, Trengganu	- Aids	Thailand (1)	Hospital	1
					<b>1</b>
2006	Langkap, Perak	- Tuberclosis(TB)	Indonesia (1)	Hospital	1



	Macap Umboo, Melaka	- Septicaemia	Myanmar (1)	Dalam Tahanan	1
<b>JUMLAH</b>					2
2007	Ajil, Trengganu	- Bunuh Diri	Vietnam (1)	• Hospital • Dalam Tahanan	1
	Langkap, Perak.	- Kerosakan Organ Dalaman	India (1)		1
	Macap Umboo, Melaka	- Pneumonia Secondary and Sepsis	Indonesia (2)		2
					<b>4</b>
2008	Belantik, Kedah.	- Lestiopirosis - Pneumonia	Filipina (2)	• Hospital • Dalam Tahanan	2
	Ajil, Trengganu	- Ishaemic Heart Disease	Bangladesh (1)		1
	Macap Umboo, Melaka.	- Ishaemic Heart Disease - Sepsis And Pneumonia	Bangladesh (1) India (1)		2
	Lenggeng, Negeri Sembilan.	- Head Injury - TB	Indonesia (3)		3
	Langkap, Perak.	- Kerosakan Organ Dalaman. - Sepsis with Cardiac Failure	India (2)		2
					<b>10</b>
2009	Lenggeng, Negeri Sembilan	- Septicemia - Retroval Infection - Brain Cancer - Ischaemic Heart Disease - TB - Organ Dysfunctional	Bangladesh (2) Myanmar (3) Liberia (1) Indonesia (1)	• Hospital • Dalam Tahanan	7
	Langkap, Perak	- Cardiac Shock	Bangladesh (5) Myanmar -----		8

		- Multiorgan Failure With HIV			
	Belantik, Kedah	- Pneumonia - Pullmonary Tuberculosis	India (1) Myanmar (1)		2
					17
2010	Lenggeng, Negeri Sembilan	- Perforated Duodenal Ulcer - TB - Congenital Anomaly with Aspiration Pneumonia - Sepsis	Bangladesh (1) Myanmar (1) Kemboja (1) Thailand (1) Indonesia (1) Filipina (1)	• Hospital • Dalam Tahanan	6
	Langkap, Perak	- Sepsis with Severe Metabolic Acidosis - Lestioprosis with Acute Hepatitis	Myanmar (1) Bangladesh (1)		2
	Pekan Nenas, Johor	- Darah Tinggi	Singapura (1)		1
	Belantik, Kedah	- TB - Acute Leukemia - Renal Failure - Pneumonia - Leptospirosis - HIV	Myanmar (5) Vietnam (1) China (1) Indonesia (1)		8
	Tanah Merah, Kelantan	- Hypovolemic Shock Massive Ugib	Indonesia (1)		1
					18
2011	Lenggeng, Negeri Sembilan	- Perforated Duodenal Ulcer - TB - Congenitak Anomaly with Aspiration - Sepsis - Haermorrhagic Pancretitis	Myanmar (2) Indonesia (2) Vietnam (1) Bangladesh (1)	• Hospital • Dalam Tahanan	6
	Machap Umboo, Melaka	- Sepsis Secondary	India (1)		2

		- Pullmonary Tuberculosis - Intraventricular Haemorrhagic	Indonesia (1)	
	Belantik, Kedah	- HIV - Leptospirosis	Myanmar (1) Kemboja (1)	2
	Tanah Merah, Kelantan	- Sepsis Shock - Hypovolemic Shock Massive Ugib - Lestioprosis - Septilemic Shock Secondary to Chest Infection	Nigeria (1) Myanmar (4)	5
	Ajil, Terengganu	- Septicaemic Shock with Multiorgan Failure in DIVC - Sepsis 20 Nosocomial Pneumonia with Underlying Brain Injury	Thailand (1) Nigeria (1) Myanmar (1)	3
				<b>18</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>				<b>71</b>

NJO-S0A1a^:  
NO-AUM : 139

\*IG-AUP-t

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** 4584

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan tahanan Akta ISA 1960, Emergency Ordinance 1969 dan Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 yang kini ditahan di pusat tahanan Kamunting, Simpang Renggam, Machang, Batu Gajah, Muar dan lain-lain mengikut pusat tahanan, kaum, jantina, juvana dan kewarganegaraan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 22 Februari 2012 terdapat seramai 2,750 orang tahanan ditempatkan di 5 pusat tahanan dengan pecahan seperti berikut:

- i) Tempat Tahanan Perlindungan (TTP) Taiping, Kamunting menempatkan seramai 47 orang tahanan di bawah AKDN 1960 (ISA) kesemuanya lelaki. Daripada jumlah tersebut seramai 16 orang tahanan adalah berbangsa Melayu, 3 orang berbangsa India, 1 orang berbangsa Cina, 2 orang daripada lain-lain kaum dan 25 orang warganegara asing.

- ii) Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam kini menempatkan seramai 1,032 tahanan lelaki iaitu seramai 489 orang tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 dan seramai 543 orang tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Daripada jumlah tersebut seramai 395 orang berbangsa Melayu, 181 orang berbangsa Cina, 292 orang berbangsa India, 86 orang dari lain-lain kaum manakala 78 orang lagi merupakan warganegara asing.
- iii) Pusat Pemulihan Akhlak Machang pula menempatkan tahanan lelaki sahaja seramai 886 orang tahanan iaitu 459 orang tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 dan 427 orang tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Daripada jumlah tersebut seramai 590 orang berbangsa Melayu, 75 orang berbangsa Cina, 179 berbangsa India, 18 dari lain-lain kaum dan 24 orang warganegara asing.
- iv) Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Batu Gajah, Perak pula menempatkan 577 orang tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 di mana 523 orang lelaki dan 54 orang tahanan wanita. Daripada jumlah tersebut seramai 359 orang berbangsa Melayu, 79 orang berbangsa Cina, 118 orang berbangsa India, 13 orang adalah daripada lain-lain kaum manakala 8 orang merupakan warganegara asing.

- v) Pusat Pemulihan Akhlak Muar pula menempatkan 208 tahanan muda iaitu tahanan 21 tahun ke bawah di mana kesemuanya lelaki. Seramai 37 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985 manakala 171 orang di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Daripada jumlah tersebut, 130 orang berbangsa Melayu, 10 orang berbangsa Cina, 56 orang berbangsa India manakala 12 orang dari lain-lain kaum.

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK HALIMAH BINTI WIOHD SADIQUE

[TENGGARA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTUHS

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGGARA ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah SRJK (Tamil) Tajul Kota Tinggi akan dibina di atas tanah yang telahpun dikenal pasti di Taman Daiman Kota Tinggi.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan pendidikan rakyat pelbagai kaum di seluruh Negara. Dalam RMKe-10, KPM telah merancang untuk melaksanakan gantian penuh bagi SJK(T) Tajul, Kota Tinggi. Permohonan cadangan ini akan dikemukakan dalam *Rolling Plan* ke-3 (3RP) RMKe-10 bagi pertimbangan pihak kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA  
BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**YB**

**DATUK HALIMAH**

**BINTI**

**MOHD**

**SADIQUE**

**(TENGGARA)**

**TARIKH**

**SOALAN**

**140**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan mengenai Pembangunan Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di dalam program e-Damak di kawasan penempatan Orang Asli yang telah dimasukkan dan dipohon di dalam RMK-10 di kawasan penempatan di Kg. Asli Sayong Pinang sebanyak 5 unit, Kg. Asli Kempas Menang 12 unit dan Kg. Asli Pasir Intan 2 unit di Mukim Ulu Sungai Johor, daerah Kota Tinggi.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2012, Kementerian telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM16.6 juta kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)<sub>2</sub> untuk melaksanakan projek di bawah

Program Bantuan Rumah (PBR) di perkampungan Orang Asli seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.8 juta telah disalurkan kepada Negeri Johor untuk pelaksanaan projek ini.

Pada tahun 2011, Kementerian dengan kerjasama ATM di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah membina sebanyak **sembilan (9) unit** rumah PBR di Kampung Sayong Pinang, Johor.

Merujuk kepada permohonan bantuan rumah PBR yang telah dipohon di dalam RMKe-10 yang melibatkan kawasan perkampungan Orang Asli Sayong Pinang (5 unit), Kempas



Menang (12 unit) dan Pasir Intan (2 unit), adalah dimaklumkan bahawa lokasi-lokasi tersebut tidak dimasukkan di dalam senarai pelaksanaan tahun 2012. Namun begitu, kampung-kampung terbabit telah diletakkan di dalam senarai keutamaan oleh JAKOA dan akan dilaksanakan pada tahun semasa sekiranya terdapat peruntukan tambahan atau lebih peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada peruntukan yang telah disalurkan kepada Negeri Johor pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM2.8 juta, JAKOA telah memperuntukkan sebanyak **RM1.6 juta** bagi pembinaan **40 unit** rumah PBR. Manakala sebanyak **RM 1.2 juta** telah diperuntukkan bagi pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih rumah-rumah PBR di perkampungan Orang Asli Negeri Johor melibatkan jumlah rumah sebanyak **109 unit**.

Kementerian sedia maklum bahawa terdapat banyak keperluan rumah PBR di kawasan perkampungan Orang Asli. Namun begitu, pelaksanaan projek tersebut perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS, TAHUN 2012 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN PEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**PARI PAPA**

**YB PATUK HALIMAH  
BINTI MOHP SAPIQUE  
(TENGGARA)**

**TARIKH**

**SOALAN**

**141**

Minta **Menteri**

**Kemajuan Luar Bandar dan**

**Wilayah** menyatakan mengenai projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam mengenai perparitan longkang konkrit di kawasan penempatan Orang Asli di Kg. Sayong Pinang sebanyak RM100,000.00 dan Kg. Asli Kempas Menang RM100,000.00 yang juga telah dipohon di dalam RMK- 10 yang masih belum dilaksanakan sehingga hari ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia

Kesepuluh (RMKe-10) di bawah '*Rolling Plan*' Pertama (RP1) 2011-2012 dan '*Rolling Plan*' Kedua (RP2) 2012-2013, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) tidak diluluskan peruntukan dan butiran projek di bawah infrastruktur dan kemudahan awam di perkampungan Orang Asli. Butiran ini adalah bagi tujuan pelaksanaan projek-projek infrastruktur di perkampungan Orang Asli seperti membina/ baik pulih jalan, dewan serbaguna, jambatan termasuk projek yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Di atas keprihatinan YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke perkampungan Orang Asli Kuala Woh, Tapah Perak pada 17 Mac 2012, beliau telah mengumumkan peruntukan khas berjumlah RM30 juta bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur di kawasan perkampungan Orang Asli seluruh Malaysia.

Merujuk kepada permohonan Yang Berhormat berkaitan keperluan perparitan konkrit di kawasan penempatan Orang Asli kampung Sayong Pinang dan Kempas Menang, Kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) akan mengenal pasti keperluan tersebut dan mempertimbangkan permohonan tersebut di dalam peruntukan tambahan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri tersebut.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA YB. DATUK HALIMAH BINTI MOHD.  
SADIQUE

KAWASAN TENGGARA

#### SOALAN:

YB. DATUK HALIMAH BINTI MOHD. SADIQUE (TENGGARA) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah status dan tindakan Kerajaan ke atas pembinaan projek naik taraf Jalan Tai Hong / Kg. Sungai Telor ke Jalan Kulai / Kota Tinggi, Johor yang sepatutnya siap pada 5 Oktober 2011 tetapi masih tergendala. Ini telah menimbulkan kemarahan dan menyukarkan urusan harian rakyat.

JAWAPAN: 2

Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan 94 (FT94), iaitu di Kg. Sungai Telor dari Jalan Tai Hong ke Jalan Kulai / Kota Tinggi telah diluluskan oleh Kerajaan dengan harga kontrak sebanyak RM12.79 juta. Projek ini dilaksanakan di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Skop projek ini ialah menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 5.5 kilometer kepada standard piawaian JKR, R3. Projek berkenaan telah dimulakan pada 20 Mei 2010 dan sepatutnya siap pada 5 Oktober 2011. Sehingga 13 April 2012, kemajuan kerja di tapak ialah 16% sahaja berbanding 66% mengikut jadual. Projek ini mengalami kelewatan disebabkan masalah pengalihan utiliti dan isu pertikaian pelan ukur pemetaan jalan oleh juru perunding. Berikutan itu Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memberikan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT) kepada pihak kontraktor, iaitu sehingga 27 Julai 2012.

Pada masa kini masalah berkenaan telah diatasi dan pihak kontraktor telah memasuki tapak semula pada bulan Februari 2012 yang lalu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kontraktor telah mengemukakan Pelan Pemulihan Kerja seperti menambah bilangan pekerja dan jentera dan meningkatkan masa bekerja mereka kepada JKR. Sehubungan itu, kemajuan pelaksanaan projek ini sedang dipantau dengan teliti oleh JKR dengan penglibatan dan komitmen oleh pihak- pihak yang terlibat. Ini bagi memastikan kelancaran kerja-kerja di tapak dapat dipertingkatkan dan projek ini mampu disiapkan dengan segera demi kepentingan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN :** BERTULIS

**DARIPADA** YB. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI  
SAMSURI

**KAWASAN** BAGAN SERAI

**SOALAN:**

YB. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah S.O.P. yang diguna pakai bagi memastikan tahap permukaan jalan raya yang semakin merosot dengan keadaan jalan raya yang tidak rata dan berlubang-lubang. Keadaan ini sangat serius di bandar-bandar:

(a) apakah usaha Jabatan Kerja Raya untuk memantau kerja-kerja pembaikan pulih jalan itu; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh JKR untuk memperbaiki situasi ini.

**JAWAPAN:**

(a & b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sememangnya sentiasa memantau kualiti Jalan Persekutuan di negara ini, iaitu menerusi sistem Pengurusan Aset Jalan atau RAMS (*Road Asset Management Systems*).

Sistem yang diguna pakai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) sejak tahun 2002 itu telah dibangunkan dengan kerjasama daripada agensi- agensi antarabangsa dan tempatan, seperti Bank Dunia, ARRB Transport Research Ltd. (Australia), TRL Ltd. (United Kingdom) dan Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (Malaysia). Melalui sistem ini, maklumat Jalan-Jalan Persekutuan akan dianalisis bagi tujuan untuk melaksanakan program penyelenggaraan jalan. Manakala cadangan rawatan pembaikan jajan pula dibuat berdasarkan petunjuk-petunjuk utama, seperti *International Roughness Index (IRI)*, isi padu trafik semasa dan model ramalan kemerosotan sesuatu jalan.

Di samping itu, pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi jalan yang dilantik oleh Kerajaan perlu mematuhi piawaian prestasi yang telah dipersetujui sebagaimana termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Sehubungan itu jika terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, JKR akan mengeluarkan amaran dalam bentuk Laporan Ketidakpatuhan atau NCR (*Non-Conformance Report*) dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat



konsesi yang berkenaan. Bagi tahun 2011 sahaja, sebanyak 1,869 NCR telah pun dikeluarkan kepada syarikat konsesi penyeienggaraan Jalan Persekutuan melibatkan jumlah pemotongan bayaran kadar harga sebanyak hampir RM500,000.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
[ BAGAN SERAI ]

RUJUKAN 4645

SOALAN :

Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan insiden kepala babi diletakkan di masjid atau di surau sejak 2008 hingga kini. Nyatakan hasil tindakan yang diambil kepada pelaku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2008 sehingga kini, terdapat sebanyak dua belas (12) kejadian telah dilaporkan di seluruh negara. Kes - kes tersebut telah disiasat di bawah Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu (membencana atau mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan) dan 298A Kanun Keseksaan

JAWAPAN :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bagan Serai yang mengemukakan pertanyaan.

(menyebabkan dan sebagainya di atas alasan-alasan agama, suasana tidak harmoni, perpecahan, atau perasaan permusuhan, benci-membenci atau niat jahat, atau memudaratkan, dan sebagainya, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan).

Terdapat satu (1) kes yang telah dituduh di bawah Seksyen 298 Kanun Keseksaan iaitu bersangkutan dengan Kulai/Rpt/10384/2010. Tertuduh telah di tuduh di Mahkamah pada 16 Disember 2011 serta telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda RM 2,000. Tertuduh telah dipenjarakan selama 2 bulan kerana gagal membayar denda.

Berhubung dengan jenayah baling kepala babi di beberapa masjid dan surau ini juga, daripada sebelas (11) siasatan kes yang dibuka, sebanyak empat (4) kes masih dalam siasatan polis dan enam (6) lagi kertas siasatan telah di NFA (*No Further Action*) oleh Ketua Unit Pendakwaan Negeri, Jabatan Peguam Negara.

**SOALAN NO: ^4T-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**

**SOALAN:**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapa ramai siswazah Sains dan Matematik yang menganggur sekarang.**

**PR-1251-T47362**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**1. Mengikut Perangkaan Tenaga Buruh Siswazah, Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2010, mendapati bahawa bilangan penganggur siswazah bagi bidang pengajian Sains, Matematik dan Pengkomputeran yang memiliki ijazah adalah sebanyak 6,300 orang. Manakala siswazah yang mempunyai diploma dalam bidang ini pula, bilangan penganggur adalah sebanyak 5,400 orang. Jadual 1 dibawah menunjukkan secara terperinci bilangan siswazah menganggur mengikut sijil tertinggi diperoleh dan bidang pengajian terpilih di Malaysia bagi tahun 2010.**

**Jadual 1 : Bilangan siswazah menganggur mengikut sijil tertinggi diperoleh dan bidang pengajian terpilih, Malaysia, 2010**

Bidang Pengajian	- Bilangan ('000) ,	
	Ijazah ; t	Diploma
Program asas/Umum	0.1	0.2
Pendidikan	1.3	1.1
Kesenian dan kemanusiaan	2.7	1.4
Sains sosial, perniagaan dan undang-undang	14.2	11.7
Sains, matematik dan pengkomputeran	6.3	5.4
Kejuruteraan, pembuatan dan binaan	7.0	7.2
Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar	0.7	0.2
Kesihatan dan kebajikan	0.8	3.3
Perkhidmatan	0.7	1.2

Nota :

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mulai 2010, klasifikasi bidang pengajian adalah mengikut *International Standard Classification of Education (ISCED)*

2. Berdasarkan maklumat dari JobsMalaysia, Seramai 10,341 pendaftar aktif (Siswazah) mengikut bidang pengajian Sains dan Matematik yang mendaftar dengan JobsMalaysia sehingga 8 Mac 2012 untuk mencari pekerjaan. Maklumat lengkap adalah seperti Jadual 2:

**Jadual 2: Pendaftar Aktif (Siswazah) Mengikut Bidang Pengajian Sains dan Matematik dan Pekerjaan Sekarang**

	Bekerjaclip6ktp	Bekerja Sendiri	Efekerja	Jumlah
1,666	4,458	466 1	10,341	17,912

|<fjo

RT 13

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: **Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI**  
**[ BAGAN SERAI ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [ BAGAN SERAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah kurang murid mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Data pada 31 Januari 2012 menunjukkan bilangan Sekolah Kurang Murid (SKM) seluruh negara adalah sebanyak 2068 buah. Pecahan SKM mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan
1.	<b>JOHOR</b>	228
2.	<b>KEDAH</b>	87
3.	<b>KELANTAN</b>	15
4.	<b>MELAKA</b>	41
5.	<b>NEGERI SEMBILAN</b>	113
6.	<b>PAHANG</b>	142
7.	<b>PERAK</b>	254
8.	<b>PERLIS</b>	4
9.	<b>PULAU PINANG</b>	32
10.	<b>SABAH</b>	386

11.	SARAWAK	655
12.	SELANGOR	66
13.	TERENGGANU	43
14.	WP KUALA LUMPUR	2
	JUMLAH BESAR	2068

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI  
[BAGAN SERAI]**

**SOALAN**

**Tuan Mohsin Fadzli Bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengapa berlakunya:-**

- (a) kekurangan doktor di Jabatan Psikiatri Hospital Kajang
- (b) kekurangan ubat di Hospital Kajang

**Tuan Yang di-Pertua**

**Pada masa ini, Hospital Kajang mempunyai 106 orang doktor yang mana, 35 daripadanya adalah doktor pakar pelbagai disiplin. Pada masa ini juga, terdapat 2 orang Pakar Psikiatri dan 3 orang Pegawai Perubatan di Jabatan Psikiatri, Hospital Kajang yang memberi perkhidmatan kepada pesakit yang merangkumi pesakit luar dan pesakit dalam.**

**Beban kerja jabatan adalah seperti berikut:**

**SOALAN NO: 147**

- i. pesakit dalam seramai 7 hingga 14 pesakit sehari;**
- ii. klinik pesakit luar harian iaitu klinik susulan psikiatri yang dijalankan 2 kali seminggu (antara 30 hingga 50 pesakit setiap**

sesi) dan klinik pesakit baru psikiatri sekali seminggu (7 hingga 10 kes setiap sesi); dan

iii. *walk-in clinic* pada hari-hari lain (3 hingga 5 kes setiap sesi).

Menurut pandangan pihak hospital, jumlah Pakar Psikiatri dan Pegawai Perubatan pada masa ini dapat menampung beban kerja sedia ada di Jabatan Psikiatri, Hospital Kajang. Bilangan Pegawai Perubatan di Jabatan Psikiatri akan ditambah mengikut kemampuan pihak hospital sejajar dengan beban kerja jabatan.

Tuan Yang di-Pertua

Hospital Kajang memaklumkan bahawa tiada aduan berkaitan kekurangan ubat diterima sepanjang tahun 2011 dan 2012. Pihak Hospital Kajang juga memaklumkan bahawa pemantauan sentiasa dijalankan bagi memastikan stok ubat - ubatan sentiasa mencukupi. Walau bagaimanapun, pihak Hospital Kajang mengambil berat akan isu ini dan bersedia menjalankan siasatan yang menyeluruh dan terperinci sekiranya aduan diterima bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan.

Bagi memastikan isu seumpama ini tidak berlaku di masa hadapan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa melakukan pemantauan ke atas fasiliti KKM iaitu dengan memastikan stok ubat-ubatan sentiasa mencukupi untuk penggunaan semasa dan memantau corak penggunaan ubat-ubatan yang mempunyai kadar penggunaan yang tinggi. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga akan memastikan peruntukan ubat diberi keutamaan dalam penyampaian penjagaan kesihatan rakyat yang optimum.



No. Soalan : [148]

PR-1251-T47945

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARI PAD A**

**TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**NO. SOALAN**

**[148]**

**SOALAN**

**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia terhadap HAMAS Palestin dan bila HAMAS akan diiktiraf.**

**Malaysia sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam usaha mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan di dalam konflik Palestin - Israel, khususnya ke arah mewujudkan sebuah negara Palestin yang berdaulat dan merdeka. Dalam hal ini, Malaysia telah secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin serta memberikan sokongan padu kepada pucuk pimpinan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestinian National Authority*), dalam menyelesaikan sebarang konflik dengan pihak Israel melalui proses rundingan damai.**

**JAWAPAN:**

Malaysia juga merupakan antara negara yang pertama di dunia yang mengiktiraf Kerajaan Palestin. Ini terbukti apabila Pejabat Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organisation*, telah ditubuhkan di Malaysia sejak tahun 1974 dan telah dinaikkan tarafnya ke Kedutaan Besar Palestin pada tahun 1983.

Oleh yang demikian, Malaysia hanya mempunyai hubungan diplomatik dengan Pihak Berkuasa Palestin (*Palestine National Authority*) yang diterajui oleh Presiden Mahmoud Abbas. Dalam hal ini, Hamas hanya merupakan salah satu parti politik di Palestin.

Sekian, terima kasih.

**NO.SOALAN : 149**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA YB KHALID BIN ABDUL SAMAD**

**SOALAN:**

**YB Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah sebab Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) tidak dilaksanakan sehingga sekarang.**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Pada 8 Mac 2012, Kerajaan telah mengumumkan bahawa SBPA dibatalkan dan sistem saraan akan kembali kepada Sistem Saraan Malaysia dengan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu. Satu Suruhanjaya akan ditubuhkan yang akan dianggotai oleh semua pihak berkepentingan untuk mengkaji secara komprehensif dan holistik Perkhidmatan Awam Malaysia yang bukan sahaja melibatkan sistem saraan tetapi juga rupa bentuk Perkhidmatan Awam masa depan yang diperlukan negara. Suruhanjaya ini akan bekerja berasaskan prinsip musyawarah, perundingan dan permuafakatan.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**SOALAN (150 )**

**DARI PADA Y.B.DATUK WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI ]**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah projek pembangunan terbengkalai yang berjaya diselamatkan hasil daripada Bahagian Pemulihan Projek Terbengkalai Jabatan Perumahan Negara bagi tahun 2011 dan apakah langkah-langkah pencegahan daripada perkara yang sama berlaku pada masa akan datang.**



## **JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 32 projek atau 27% daripada keseluruhan 116 projek perumahan swasta terbengkalai untuk tahun 2011 telah berjaya disiapkan dengan CFO atau diselesaikan. Selain itu, sebanyak 62 projek atau 53% berada dalam pelbagai peringkat pemulihan dan baki sebanyak 22 projek atau 20% berada di peringkat perancangan awal.**

**Antara langkah-langkah bagi mencegah projek perumahan terbengkalai dari berlaku adalah:-**

- (i) pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118);**
- (ii) menaikkan kadar deposit pembinaan sebanyak 3%; dan**
- (iii) mengetatkan syarat-syarat pelesenan.  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan**

**Tempatan Mac 2012**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**DARI PAD A**

**DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**151**

**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah penggunaan air di setiap negeri sejak tahun 2005 sehingga 2010 dan langkah-langkah untuk mengalakkan penjimatan penggunaan air oleh rakyat.**





## **JAWAPAN** Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah penggunaan dan permintaan air di Malaysia telah mencatatkan peningkatan dari tahun ke tahun. Pada tahun 2005, penggunaan air terawat di seluruh negara ialah sebanyak 7,367 juta liter sehari berbanding dengan 8,949 juta liter sehari bagi tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 21.5% dalam tempoh 5 tahun. Jumlah penggunaan air bagi setiap negeri dari tahun 2005 sehingga 2010 adalah seperti berikut:

Negeri	2005	2006	2007	2008	2009	2010
	juta liter sehari				LHL	
Johor	856	899	953	985	998	1,036
Kedah	558	566	634	638	646	683
Kelantan	157	164	169	173	177	179
Labuan	28	28	29	32	36	37
Melaka	284	288	288	300	311	327
N.Sembilan	302	298	318	330	335	410
Pulau Pinang	660	683	719	746	739	783
Pahang	357	376	413	433	367	432
Perak	663	668	680	700	721	762
Perlis	59	61	64	69	60	72
Sabah	316	320	337	364	444	397
Sarawak	555	579	659	677	715	724
Selangor	2,296	2,392	2,489	2,575	2,650	2,745
Terengganu	277	309	322	340	353	362
	7,367	7,630	8,075	8,362	8,552	8,949

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan penjimatan penggunaan air oleh rakyat adalah seperti berikut:

- (i) mempromosikan kaedah penjimatan air melalui kempen-kempen penjimatan air. Melalui kempen-kempen tersebut, para pengguna diberi panduan mengenai langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjimatkan penggunaan air seperti mencuci kereta menggunakan air di dalam baldi, mencuci kain menggunakan mesin basuh dengan muatan penuh dan tidak membiarkan air mengalir semasa memberus gigi;
- (ii) mewajibkan pemasangan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPA) bagi rumah banglo dan berkembar serta bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100m<sup>2</sup> melalui pindaan Undang-Undang Kecil 2, 10 dan 115 di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984);
- (iii) Kerajaan juga akan mewajibkan penggunaan sistem dwi-simbahan (*dual flush*) secara berperingkat untuk semua bangunan baru. Sistem *single flush* tidak lagi digunapakai pada masa hadapan dan hanya sistem dwi-simbahan sahaja yang ada dalam pasaran setelah peraturan ini dikuatkuasakan kelak. Langkah ini dijangka dapat memberi penjimatan yang besar terhadap penggunaan air terawat; dan

(iv) pihak Kementerian melalui SPAN akan membangunkan skim pelabelan produk cekap air (*water-efficient product labelling scheme*) sebagai satu kaedah pengurusan permintaan air (*water demand management*).

Walaupun Kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk menggalakkan rakyat menjimatkan penggunaan air, penjimatan hanya akan dapat dicapai sekiranya rakyat memberi sokongan dan melaksanakan tanggung jawab masing-masing untuk menjimatkan penggunaan air. Oleh itu, setiap rakyat Malaysia perlu sedar dan sama-sama menghargai air serta berhemah dalam penggunaannya.

\*\*\*\*\*

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**                      **BERTULIS**

**DARIPADA**                      **DATUK WEE JECK SENG**  
**[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH JAWAPAN :**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**                      **NO. 152**

### **SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi pendekatan TNB membaca meter elektrik domestik 2 bulan sekali yang mendapat rungutan penduduk kerana menyebabkan mereka terpaksa membayar lebih daripada yang digunakan akibat perubahan kadar elektrik kesan daripada bacaan meter yang lewat.

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan bacaan meter 2 bulan sekali atau berselang-seli oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah bertujuan untuk mengurangkan kos operasi terutama kos pembacaan meter. Pihak TNB telah mula melaksanakan bacaan meter 2 bulan sekali sejak awal tahun 2009. Seterusnya, kaedah ini dilaksanakan di semua

## **JAWAPAN**

**negeri Semenanjung Malaysia mulai pertengahan tahun 2010.**

**Pelaksanaan bacaan meter 2 bulan sekali yang diselang-selikan di antara bil anggaran dan bil sebenar setiap bulan, adalah tidak bertentangan dan dibenarkan di bawah Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 yang berbunyi seperti berikut:**

*“Bil-bil berkenaan dengan amaun yang kena dibayar kepada pemegang lesen akan diberikan kepada penaauna secara bulanan dan hendaklah dibayar dalam masa 30 hari selepas penyerahannya.”*

**Berikutan aduan daripada orang awam yang kurang berpuashati dengan kaedah pembacaan meter secara 2 bulan sekali ini, Kementerian telah mengarahkan pihak Suruhanjaya Tenaga bersama pihak TNB untuk mengkaji dan melaksanakan penambahbaikan ke atas kaedah pengiraan bacaan meter. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh TNB adalah:**

- a) jumlah bil elektrik bagi bil anggaran adalah berdasarkan purata daripada penggunaan elektrik bagi enam bulan sebelumnya; dan**
- b) sekiranya tempoh bacaan meter melebihi bilangan hari dalam sebulan, maka jumlah bil akan dikira secara prorata. Sehubungan dengan itu, pengguna tidak akan mengalami sebarang kerugian dan tidak akan dikenakan caj pada 'band' tarif yang lebih tinggi walaupun TNB membaca meter melebihi bilangan hari dalam bulan tersebut.**

**Sekiranya pengguna tidak berminat untuk menerima bil sebenar secara berselang seli, para pengguna boleh membuat bacaan meter sendiri *atau Self Meter Reading*. Pengguna boleh membuat bacaan sendiri melalui kaedah berikut:**

- a) Menelefon Pusat Khidmat Pelanggan yang beroperasi 24 jam;**

- b) **Menghantar bacaan meter secara faks kepada Pusat Khidmat Pelanggan; atau**
- c) **Mengemaskini bacaan meter menggunakan kemudahan laman web TNB iaitu [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Pada tahun 2012, TNB akan memulakan projek perintis *Remote Meter Reading*, untuk pengguna domestik dan komersial. Projek ini membolehkan bacaan meter dilakukan daripada pejabat TNB, iaitu tanpa perlu melawat premis pengguna seperti kebiasaannya. Inisiatif jangka panjang ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di seluruh Semenanjung. Inisiatif ini juga akan dapat mengurangkan amalan TNB membaca meter 2 bulan sekali.**

\*\*\*\*\*



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAG I JAWAB  
LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA Y. B DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH**

**4585**

**RUJUKAN**

**SOALAN**

**Y.B Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendirian  
Kerajaan terhadap kanak-kanak tanpa kerakyatan (stateless  
children) dan bagaimana Kerajaan boleh mengiktiraf hak asasi  
kanak-kanak ini sepertimana yang dijamin bawah Konvensyen  
Hak Asasi Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa- bangsa Bersatu.**



**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Piat yang bertanyakan soalan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) berpandangan bahawa isu hak asasi kanak-kanak tanpa kerakyatan *Stateless Children* ini adalah isu yang perlu ditangani bersama-sama dengan kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini adalah kerana, isu mereka bukan sahaja berkaitan dengan dokumen pengenalan diri mereka tetapi ia juga melibatkan akses kepada perkhidmatan lain seperti kesihatan, pendidikan, perlindungan, dan kebajikan.**

**Berhubung perkara ini, KDN melalui Unit Khas Bergerak (UKB) JPN telah mengadakan program di lapangan untuk mengenalpasti status kanak-kanak jalanan ini kerana terdapat di antara mereka yang mempunyai ibu bapa ataupun penjaga. Dalam hal ini, kelayakan dokumen pengenalan diri mereka adalah berdasarkan kepada status kedua-dua ibu bapa mereka ataupun penjaga.**

**Walaupun bagaimanapun, bagi kanak-kanak yang kedua-dua ibu dan bapa dan penjaga tidak dipastikan dan telah diberi perlindungan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), maka pertimbangan dokumen pengenalan diri akan mengambilkira syor yang dikemukakan oleh JKJ.**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN**                      **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**                      **YB TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
[SIK]**

**SOALAN :**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Pungutan/Tabungan yang berjaya dikumpul oleh Tabung Haji setakat ini ( Disember 2011) dan sebutkan istitusi atau syarikat di mana wang ini dilaburkan.

**JAWAPAN :**                      **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah simpanan terkumpul di Tabung Haji (*TH*) sehingga 31 Disember 2011, adalah berjumlah RM31.7 billion.

Dana yang terkumpul hasil daripada simpanan para pendeposit *TH* akan dilaburkan bagi mendapat pulangan dalam urusanniaga-urusanniaga dan pelaburan yang terpilih

dan menepati hukum syarak.

Bagi memastikan

pendeposit mendapat pulangan pelaburan yang optimum, *TH* telah

merencanakan strategi alokasi aset yang termasuk melabur dalam pelaburan saham yang tercatat dan tidak tercatat, pendapatan tetap, instrumen kewangan Islam dan hartanah yang akan menjana pendapatan pulangan yang diunjurkan.

Sehingga kini, anak-anak syarikat *TH* menceburi 7 sektor utama keberhasilan negara iaitu perladangan, perbankan Islam, hartanah, teknologi maklumat, perkhidmatan, pemakanan dan industri sokongan marin.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**NO. SOALAN: 156**

**DARIPADA**

**YB TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
[SIK]**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejak 5 tahun kebelakangan ini (2007, 2008, 2009, 2010, dan 2011) jumlah mereka yang telah menunaikan haji dan peratus yang terlibat:-**

**(a) secara Muassasah dan**

**(b) secara Pakej.**

**JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemergian jemaah haji secara kaedah Muassasah dan Pakej untuk tempoh 5 tahun kebelakangan adalah seperti berikut:-**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>Muassasah</b>	<b>Pakej</b>
<b>2007</b>	<b>26,000</b>	<b>66.4%</b>	<b>33.6%</b>
<b>2008</b>	<b>26,000</b>	<b>64.1%</b>	<b>35.9%</b>
<b>2009</b>	<b>26,000</b>	<b>59.9%</b>	<b>40.1%</b>
<b>2010</b>	<b>26,000</b>	<b>61.1%</b>	<b>38.9%</b>
<b>2011</b>	<b>27,900</b>	<b>67.9%</b>	<b>32.1%</b>

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL**  
**KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS \_\_\_\_\_ (2012)**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARI PAD A**

**YB TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**  
**[SIK]**

**SOALAN :**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan orang miskin dan penduduk luar bandar adalah peratus tertinggi penyimpan Tabung Haji, tetapi amat sukar untuk mendapat peluang menunaikan Fardhu Haji kerana mereka lambat untuk memenuhi jumlah minima yang disyaratkan untuk memohon

**NO. SOALAN: 157**

menunaikan haji. Mereka adalah terdiri dari orang yang telah lanjut usianya kerana kemiskinan, tidakkah mereka ini boleh diberikan Pertimbangan Khas dan diberi peluang untuk menunaikan haji sebaik-baik sahaja simpanan mereka mencukupi.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, antara syarat wajib menunaikan fardu haji ialah mempunyai kemampuan dari segi kewangan, fizikal dan mental.



Pendaftaran Haji boleh dilakukan oleh seseorang pendeposit sebaik sahaja simpanan beliau dalam akaun TH mencapai minima RM1.300. Sewaktu pendaftaran tersebut beliau akan mendapat tahun giliran menunaikan Haji. Hanya apabila tiba tahun giliran beliau barulah beliau diperlukan, menambah/mencukupkan wang Belanja Haji beliau seperti kadar tahun semasa. Bagi bakal jemaah yang pertama kali menunaikan fardu Haji, mengikut kaedah Muassasah, akan diberikan tanggungan (subsidi) oleh TH.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARI PAD A**

**YB TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK  
[SIK]**

**SOALAN :**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengenai penipuan yang terus berlaku dikalangan operator-operator Haji Swasta terhadap penduduk luar bandar. Adakah Tabung Haji perlu menyediakan satu prosedur yang mudah untuk mengesan operator haram ini serta mengedarkan Pekeliling-pekeliling kepada cawangan Tabung Haji Daerah mengenai perkara tersebut. Apa tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN :**

**(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'  
SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI)**

**NO. SOALAN: 158**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Setiap tahun Tabung Haji (*TH*) akan menyenaraikan agensi-agensi perlancongan yang telah diberi Lesen Pengelola Jemaah Haji (*PJH*). Senarai agensi perlancongan tersebut dalam bentuk poster, iklan dan risalah diedarkan dilokasi-lokasi berikut:-**

- a) Semua Pejabat Cawangan *TH*
- b) Semua Masjid yang menjalankan Kursus Haji diseluruhnegara
- c) Iklan dalam akhbar Bahasa Melayu & Inggeris tempatan
- d) Laman Web TH ([www.tabunghaii.gov.mv](http://www.tabunghaii.gov.mv))

Hebahan juga turut diberikan kepada peserta-peserta Kursus Asas Haji diseluruh negara. Para pendeposit juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Tabung Haji (THCC) di talian 03 - 6207 1919 bagi mengetahui maklumat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2012)**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]**

**SOALAN :**

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menghadkan urusan Haji secara Pakej untuk memastikan penyimpan Tabung Haji yang setia dapat menunaikan haji secara lebih mudah dan teratur serta adakah Kerajaan boleh menimbangkan untuk memberi lesen kepada Institusi/Syarikat lain untuk Pengurusan Jemaah Haji Negara yang bertambah dengan banyak kini.

**JAWAPAN :** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO'

**NO. SOALAN: 159**

**SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kuota Jemaah Haji Malaysia masih terikat dengan 0.1% jumlah penduduk Malaysia iaitu 27.9 juta orang menjadikan Jemaah Haji Malaysia sekarang sebanyak 27,900 orang. Lembaga Tabung Haji diwujudkan melalui Akta 535, Akta Lembaga Tabung Haji 1995 di mana fungsinya adalah seperti yang termaktub di Bahagian II, Perkara 4(1). Pengurusan Haji Jemaah Malaysia dibawah Lembaga Tabung Haji (*TH*) diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia oleh kerajaan Arab Saudi.**

**Bakal haji hendaklah mendapat status terpilih untuk menunaikan haji terlebih dahulu sebelum mereka boleh memilih untuk menunaikan haji secara Muassasah atau melalui Pakej. Pada setiap tahun Tabung Haji akan mengeluarkan Lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) kepada agensi pelancongan yang layak mengikut kriteria dan dasar yang ditetapkan oleh Tabung Haji dari tahun ke tahun.**

**Pemantauan pengurusan dan perkhidmatan semua agensi Pengelola Jemaah Haji (PJH) masih dibawah *TH* untuk memastikan Jemaah Haji Malaysia mendapat perkhidmatan yang bermutu, selesa dan baik.**

**Sekian, terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**SOALAN**

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

- (a) status kini dalam pembinaan loji nuklear; dan
- (b) berapa perundingan akan diadakan dalam tahun ini dan adakah Kerajaan masih berhasrat untuk meneruskan pembinaan loji nuklear di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear dan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa, sekiranya loji janakuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

Status siri kajian mengenai penjanaan kuasa nuklear tersebut adalah:

1. Kajian menyeluruh tentang kesediaan perundangan dan kawalselian nuklear negara sedang dilaksanakan oleh MNPC.
2. Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) dan kajian pemilihan tapak loji janakuasa nuklear oleh MNPC sedang dimulakan.
3. Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya, belum dimulakan.
4. Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan satu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle (SPV)*) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear sedang diteliti secara amnya.

Tiada perundingan mengenai pelaksanaan projek loji kuasa nuklear dirancang dalam tahun ini, kerana Kerajaan perlu meneliti hasil kajian-kajian tersebut dahulu, sebelum membuat sebarang keputusan sama ada untuk melaksanakan projek loji janakuasa nuklear atau sebaliknya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**DARI PAD A**

**TUAN CHARLES ANTHONY A/L  
R.SANTIAGO [ KLANG ]**

**TARIKH JAWAPAN :**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 160**

**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan status terkini penstrukturan air di Selangor. Memandangkan kedudukan kewangan Puncak Niaga dalam keadaan yang amat membimbangkan, bolehkah syarikat ini menguruskan air di Selangor.**





**JAWAPAN**  
Tuan Yang Dipertua,

Dalarrt usaha memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan telah menjalankan beberapa siri rundingan dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada Kerajaan Negeri Selangor. Namun, sehingga kini isu penstrukturan semula ini masih belum dapat dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan akan tetap terus memberi sokongan dan bersedia untuk meneruskan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

Kelewatan memuktamadkan penstrukturan semula di negeri Selangor telah menyebabkan operator-operator air termasuk Puncak Niaga Sdn. Bhd. (PNSB) tidak dapat memenuhi obligasi kewangan masing-masing. Menyedari situasi ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah untuk membantu operator-operator air menangani masalah tersebut dengan mengambil alih bon-bon berkaitan air daripada semua operator air di Selangor. Langkah tersebut merupakan langkah

interim yang terpaksa diambil bagi memastikan penduduk-penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mendapat bekalan air secara berterusan.

Oleh itu, besarlah harapan Kerajaan Persekutuan agar Kerajaan Negeri Selangor dapat memberikan sokongan yang penuh dan kerjasama yang jitu bagi memastikan penstrukturan semula di negeri Selangor dapat dimuktamadkan secepat mungkin bukan sahaja demi kesejahteraan rakyat negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, bahkan demi kepentingan negara secara amnya.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BAGI BUKAN JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang]</b>
<b>SOALAN</b>	<b>161</b>

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan jumlah perkhidmatan komuter dari Klang ke Kuala

Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui inisiatif bagi meningkatkan kapasiti KTM Komuter di bawah Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) telah pun melaksanakan perolehan 38 set *Electric Multiple Unit (EMU) Six car Set (SCS)* pada bulan Mei 2010. Sehingga 8 Mac 2012, sebanyak 18 set EMU SCS

telah diterima oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan empat (4) set telah pun memulakan operasi pada 9 Mac 2012.

Melalui perolehan ini, Kerajaan telahpun dapat meningkatkan kekerapan operasi KTM Komuter di mana sebanyak dua (2) set EMU SCS dan 10 set EMU (TCS) *three car set* akan memulakan operasi pada 8 Mac 2012 daripada Pelabuhan Klang ke Batu Caves. Bermula bulan April 2012, sebanyak enam (6) set EMU SCS dan 8 set EMU *three car set* akan memulakan operasi bagi laluan Pelabuhan Klang ke Batu Caves dan dijangkakan masa menunggu bagi perkhidmatan SCS ini akan dapat dikurangkan daripada 30 minit kini kepada 15 minit.

Tuan yang dipertua,

Kerajaan menjangkakan kesemua perolehan 38 set EMU SCS akan diterima oleh KTMB pada bulan Jun 2012 dan bagi operasi laluan Pelabuhan Klang ke Batu Caves dijangkakan sebanyak 14 set EMU SCS akan beroperasi sepenuhnya bagi laluan ini dan seterusnya kekerapan 15 minit dikekalkan dan jumlah kapasiti peningkatan komuter dapat ditampung dengan memberikan kemudahan yang efisien, cekap dan

**selesa kepada penumpang KTM Komuter.**

**Mulai bulan Julai 2012, sebanyak 12 set EMU SCS dan 5 set EMU three car set akan beroperasi di laluan Pelabuhan Klang ke Batu Caves seterusnya mengurangkan masa menunggu daripada 15 minit ke 10 minit. Jadual keseluruhan perancangan perkhidmatan KTM Komuter adalah seperti di LAMPIRAN.**

**Tuan yang dipertua,**

**Pihak Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan penambahbaikan dalam perkhidmatan dan kualiti pengangkutan awam di Negara ini. Banyak program dan projek telah dirangkakan terutama dalam pembangunan infrastruktur KTM Komuter dan sekaligus memberikan impak positif kepada rakyat Malaysia selaras dengan hasrat kerajaan, 1 Malaysia, Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan.**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis  
**DARIPADA** : Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang]  
**SOALAN** : Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan kadar inflasi, khususnya peningkatan kos makanan dalam satu tahun ini. Apakah cadangan Kerajaan untuk mencapai *'food sovereignty'*

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**

**TANI Tuan Yang Dipertua,**

1. Indeks Harga Makanan Malaysia turut mencatatkan peningkatan yang tidak begitu ketara iaitu sebanyak 0.9% kepada 133.6 pada bulan Januari 2012 berbanding dengan 132.4 pada bulan sebelumnya. Peningkatan indeks ini dipengaruhi oleh kenaikan indeks hasil tenusu iaitu sebanyak 0.5%.
2. Walaupun begitu, jika dibandingkan dengan Januari 2011, Indeks Harga Makanan Malaysia masih mengalami kenaikan yang tinggi iaitu sebanyak 4.9% berikutan kenaikan indeks lima (5) sub-kumpulan komoditi makanan utamanya iaitu gula (9.3%), hasil tenusu (7.0%), daging (5.4%), minyak/lelemak (1.0%) dan beras (0.8%). Sebahagian besar harga bagi komoditi ini adalah dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa. Sementara itu, kadar pertumbuhan purata tahunan yang dicatatkan bagi Indeks Harga Makanan Malaysia adalah 3.5% bagi tempoh 3 tahun (2009-2011) dan 5.3% bagi tempoh 5 tahun (2007-2011). (sedang mendapatkan input berkaitan indeks harga pengguna)
3. Beberapa program/langkah dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara iaitu dengan melaksanakan Projek Berimpak Besar seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri



## SOALAN

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [ Klang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan *wealth ownership* kaum India. Bolehkah kaum India mencapai sasaran Kerajaan mencapai sasaran 3 peratus menjelang tahun 2020.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemilikan ekuiti korporat etnik India telah meningkat daripada 1.1% dalam tahun 2006 kepada 1.6% pada tahun 2008. Selain itu, ekuiti korporat etnik India pada nilai tara (*par value*) juga menunjukkan peningkatan yang ketara, iaitu daripada RM6.97 billion kepada RM9.56 billion dalam tempoh yang sama.



**Tuan Yang Di-pertua,**

**Kerajaan sentiasa komited dan akan terus melaksanakan pelbagai langkah dan program untuk meningkatkan taraf hidup dan kekayaan etnik India. Ini seterusnya meningkatkan keupayaan mereka untuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat dan memastikan sasaran 3% dapat dicapai menjelang tahun 2020. Di antara program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:**

- i. program pembasmian kemiskinan;**
- ii. penyediaan bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan;**
- iii. latihan kemahiran;**
- iv. latihan dan program pembangunan usahawan;**
- v. program pembangunan kepimpinan dan sahsiah;**
- vi. program memiliki unit amanah saham; dan**
- vii. program bantuan modal bagi pembangunan Sekolah Rendah Jenis**

**Kebangsaan (Tamil).**

**Selain daripada langkah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat etnik India, Kerajaan turut memberi perhatian pada aspek keusahawanan. Ini dilaksanakan melalui penyediaan latihan keusahawanan kepada usahawan muda etnik India yang berkelayakan. Akses kepada bantuan kewangan dan pembiayaan perniagaan serta**

**program latihan telah diperluas kepada usahawan yang berpotensi dan berkemampuan bagi menggalakkan lagi mereka menceburi bidang perniagaan. Lesen perniagaan turut diberikan bagi menjamin penyertaan yang lebih besar oleh etnik India dalam aktiviti perniagaan. Etnik India juga akan terus diberi peluang untuk menyertai skim saham amanah terpilih. Sebagai contoh, 49% daripada jumlah unit pelaburan Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) diperuntukkan untuk bukan Bumiputera, manakala 15% daripada jumlah unit pelaburan Amanah Saham Malaysia (ASM) pula diperuntukkan khas untuk etnik India sahaja.**

**Selain daripada program dan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan, peranan badan-badan yang mewakili kepentingan etnik India juga akan dipertingkatkan supaya lebih ramai yang mendapat manfaat. Badan-badan ini perlu lebih aktif dalam menyebarkan maklumat, memastikan penyertaan berkesan etnik India serta menggalakkan mereka untuk menceburi sektor berpotensi dan bernilai tambah tinggi.**

**Berasaskan langkah-langkah yang dinyatakan di atas serta sokongan pihak-pihak tertentu termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) India, Kerajaan percaya matlamat pemilikan ekuiti sebanyak 3% tersebut akan dapat dicapai menjelang tahun 2020.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING**  
(TASPING)

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah kos lawatan luar negeri yang melibatkan YAB Perdana Menteri, YBhg First Lady dan YB Menteri-Menteri mengikut Kementerian masing-masing dari 1/1/2008 hingga hari ini.

**jAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah perbelanjaan lawatan ke luar negeri melibatkan YAB Perdana Menteri, YBhg Isteri Perdana Menteri dan YB Menteri-Menteri bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 2 April 2012 adalah **RM127.6 juta**. Perincian dan pecahan mengikut kementerian dan jabatan adalah seperti di **Lampiran A**.



**NO. SOALAN : 165**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**TUAN NGA KOR MING**

**[ TAIPING ]**

**SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kos perbelanjaan terlibat untuk pembelian, penyelenggaraan dan penambakan kapal terbang jet rasmi Perdana Menteri Malaysia dalam tempoh 10 tahun ini.**

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 8 buah pesawat yang disediakan oleh Kerajaan sebagai pesawat-pesawat Eksekutif Kerajaan untuk kegunaan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri. Tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan, pesawat-pesawat ini juga boleh diluluskan untuk kegunaan oleh DYMM Sultan-Sultan dan TYT Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, YB Menteri- Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, tetamu-tetamu Kerajaan Persekutuan dari Negara asing, pegawai-pegawai Kanan Kerajaan serta orang-orang kenamaan.

Untuk tempoh 10 tahun ini (2002-2011), kos penyelenggaraan bagi penyediaan kemudahan pesawat-pesawat Eksekutif Kerajaan di atas ialah RM320,620,900.71. Perbelanjaan bagi menampung kos penyelenggaraan ini adalah perlu bagi memastikan pesawat-pesawat berkenaan berada pada tahap yang terbaik dan selamat digunakan. Tambahan pula pesawat-pesawat berkenaan digunakan oleh VIP yang berprofil tinggi untuk urusan rasmi Kerajaan. Ia juga bagi memenuhi piawaian antarabangsa serta undang-undang semasa yang menetapkan setiap pesawat menjalani penyelenggaraan wajib secara berkala yang telah ditentukan oleh ICAO untuk tujuan memastikan Airworthiness pesawat (selamat digunakan untuk tujuan yang telah ditentukan).

Kos pembelian 7 buah pesawat yang terlibat ialah RM526,694,905 manakala sebuah lagi disewa dari Penerbangan Malaysia Berhad.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]**

**SOALAN**

**166**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina Lapangan Terbang baru di Bagan Serai, Perak dan membina pelabuhan terminal perlancongan Asia Tenggara di Lumut, Perak.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina Lapangan Terbang baru di Bagan Serai, Perak dan terminal cruise (pelancongan) Asia Tenggara di Lumut, Perak.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta M'E'NTERI KEWANGAN menyatakan senaraikan satu per satu sumbangan Petronas kepada Kerajaan Malaysia sejak penubuhannya dari tahun 1974 hingga kini.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan dari tahun 1974 hingga 2011 adalah sebanyak RM539 bilion. Sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan yang merangkumi cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan petroleum, duti eksport, dividen dan royalti dari tahun 1974 hingga 2011 adalah seperti berikut:**

<b>Tahun</b>	<b>Cukai Langsung (Cukai Pendapatan Syarikat dan Petroleum) (RM bilion)</b>	<b>Cukai Tidak Langsung (Duti Eksport) (RM bilion)</b>	<b>Dividen (RM bilion)</b>	<b>Royalti (RM bilion)</b>	<b>Jumlah (RM bilion)</b>





<b>1974-2000</b>	<b>60.0</b>	<b>6.4</b>	<b>45.8</b>	<b>14.4</b>	<b>126.6</b>
<b>2001</b>	<b>9.9</b>	<b>1.0</b>	<b>4.1</b>	<b>2.0</b>	<b>17.0</b>
<b>2002</b>	<b>7.5</b>	<b>0.7</b>	<b>4.1</b>	<b>1.7</b>	<b>14.0</b>
<b>2003</b>	<b>8.6</b>	<b>0.8</b>	<b>4.1</b>	<b>2.0</b>	<b>15.5</b>
<b>2004</b>	<b>10.5</b>	<b>1.1</b>	<b>5.1</b>	<b>2.3</b>	<b>19.0</b>
<b>2005</b>	<b>14.3</b>	<b>1.6</b>	<b>9.1</b>	<b>3.1</b>	<b>28.1</b>
<b>2006</b>	<b>19.0</b>	<b>2.0</b>	<b>13.0</b>	<b>3.8</b>	<b>37.8</b>
<b>2007</b>	<b>21.8</b>	<b>2.0</b>	<b>16.0</b>	<b>4.3</b>	<b>44.1</b>
<b>2008</b>	<b>26.0</b>	<b>2.1</b>	<b>24.0</b>	<b>4.7</b>	<b>56.8</b>
<b>2009</b>	<b>29.4</b>	<b>2.2</b>	<b>30.0</b>	<b>6.2</b>	<b>67.8</b>
<b>2010</b>	<b>18.7</b>	<b>0.6</b>	<b>30.0</b>	<b>4.2</b>	<b>53.5</b>
<b>2011</b>	<b>21.9</b>	<b>1.1</b>	<b>30.0</b>	<b>5.4</b>	<b>58.4</b>
<b>Jumlah</b>	<b>247.6</b>	<b>21.6</b>	<b>215.3</b>	<b>54,1</b>	<b>538.6</b>

---

**1 Sehingga 31 Disember 2011 berbanding tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan tahun kewangan Petronas berakhir 31 Mac.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA Y.B. TUAN NGA KOR MING**

**(TAIPING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kos terlibat secara teliti dalam memberi RM500 untuk Skim Bantuan 1 Malaysia dan mengapa ada pihak bergelaran Dato juga layak untuk mendapat bantuan tersebut.**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (**BR1M**) dilaksanakan buat **julung** kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia **terutama keluarga** yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi **secara one-off** kepada isi rumah berpendapatan RMS,000 dan ke **bawah**. Sehingga kini, pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isi rumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam **masa** yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat **merancakkan aktiviti** ekonomi domestik.

2. Terdapat **tiga** peringkat dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat **pengedaran** borang BR1M dan **pendaftaran**; proses semakan serta validasi; dan peringkat pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran **BR1M** telah **bermula 10 Disember 2011** sehingga **10 Februari 2012**. **Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran.**

3. Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpangkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit **Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)**. Keputusan **berjaya** atau tidak berjaya

JAWAPAM

telah **diedarkan** melalui surat dan **emel** bermula 10 Januari 2012. **Penyampaian** BRIM telah bermula pada 15 Januari 2012.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 April 2012, pendaftaran **BR1M** yang telah diterima adalah sebanyak **4.81** juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai **4.2** juta atau **hampir 87%** daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk **kelulusan** rayuan. **Manakala** permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 610 ribu atau 13% daripada keseluruhan permohonan.

5. Antara alasan bags permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih (over-lapping) atau telah wujud (duplication); maklumat **pemohon**, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; **pendapatan** isirumah melebihi **RM3,000**; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam **kategori** pembayar cukai pendapatan.

6. Di **samping** itu, Kerajaan juga bersetuju untuk melanjutkan tempoh rayuan **BR1M** sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sahlaku baucar **BR1M** adalah sehingga 15 Mei 2012.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian **BR1M** diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan **BR1M**. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi **BR1M** iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,

penerima **BR1M** terbanyak iaitu 92% daripada **keseluruhan** isirumah negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Sehingga 15 April 2012, secara keseluruhan, program **BR1M** melibatkan **peruntukan** sebanyak RM2.1 **bilion** dan **memanfaatkan** 4.2 juta isirumah atau 64% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. Peruntukan ini menggunakan **perbelanjaan mengurus** B11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang **mulia** ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar- **warkan** oleh **sesetengah** pihak. Kejayaan program **BR1M** ini adalah hasil **kekukuhan ekonomi** negara dan **kemampuan** mengurus **kewangan** negara dengan **baik dan cekap**. Kerajaan **sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan** adalah secara **berhemah serta** dapat memberi manfaat dan pulangan **kepada** rakyat.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA DATO' RASHID BIN DIN  
[MERBOK]**

**SOALAN**

**Dato' Rashid Bin Din [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah peruntukan khas Perdana Menteri untuk projek-projek kecil bagi kawasan Parlimen Merbok yang dilaksanakan oleh penyelarasan Parlimen Merbok untuk tahun 2009, 2010 dan 2011 dan sila senaraikan projek yang telah dilaksanakan lengkap dengan harga**

**SOALAN NO. 169**

dan lokaliti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.05 juta bagi melaksana 113 program/projek kecil di kawasan Parlimen Merbok di bawah Peruntukan Khas YAB. Perdana Menteri bagi kawasan parlimen berkenaan dalam tempoh 2009, 2010 dan 2011.

Penyelaras Parlimen Merbok tidak melaksanakan sebarang projek-projek kecil menggunakan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 2009, 2010 dan 2011.

	<i>m</i>		<i>mM</i>	
			<b>H</b>	
PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYAAN	6	74,836.00	18	88,100.00 31 194,156.00
2 PEMBEKALAN BARANGAN 3 46,850.00	5	63,023.00	1	16,000.00 9 125,873.00
„ BANTUAN/SUMBANGAN 3 NGQ 28 197,630.90	14	142,590.60	16	167,566.19 58 507,787.69
PROJEK FIZIKAL (MENAIK 4 TARAFJALAN, PARIT, SUNGAI, 9 175,000.00 SURAU/MASJID DLL)	2	19,550.40	4	28,333.81 15 222,884.21
	33	300,000.00	39	1,050,700.90

Peruntukan tersebut dilaksanakan di semua kawasan DUN di kawasan Parlimen Merbok berasaskan keperluan yang dipohon oleh pemimpin tempatan, wakil penduduk, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain. Kos bagi projek-projek fizikal yang

**diluluskan adalah berasaskan Jadual Kadar Harga (JKH) Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala pemberian sumbangan/bantuan dan penganjuran program adalah di antara RM300.00 hingga RM12,000.00 bagi setiap pemberian sumbangan/bantuan.**





**SOALAN NO. : 172**

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN**  
**BERTUUS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO'RASHID DIN [MERBOK]

SOALAN: : Dato' Rashid bin Din [ Merbok ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah agaknya penanam padi di kawasan Ban Merbok dapat menikmati pengairan yang sempurna bagi membolehkan mereka menanam dua kali setahun.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerja Rekabentuk Bagi Menaiktaraf Pembangunan dan Pemodenanan Skim Pengairan di Kawasan Ban Merbok dijalankan bertujuan bagi membolehkan penanaman padi dua kali setahun berbanding kini yang hanya menghasilkan penanaman padi sekali setahun. Kerja reka bentuk telah dimulakan pada 28 Julai 2009 dan kini status bagi kerja rekabentuk yang telah dilaksanakan ialah 19.3% iaitu sehingga penyediaan *Inception Report*. Disebabkan pihak Kementerian kekurangan peruntukan, maka kerja rekabentuk tidak dapat diteruskan. Namun peruntukan telah dipohon dalam Rolling Plan Kedua, RMK-10 dan akan dipohon semula dalam Rolling Plan Ketiga, RMK-10. Sehubungan itu sekiranya permohonan tersebut diluluskan, proses rekabentuk, pengambilan tanah dan pembinaan akan diteruskan. Dijangkakan sistem pengairan boleh disiapkan pada tahun 2016 untuk digunakan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA :DATO' RASHID BIN DIN  
SOALAN :BERTULIS :DATO' RASHID BIN DIN minta PERTANIAN  
DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan dalam pengurusan skim pinjaman TEKUN apakah kejayaan yang telah tercapai sehingga kini. Yakni, berapakah peminjam, nilai pinjaman, bayaran balik serta kejayaan peminjam.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Skim pinjaman TEKUN diwujudkan bagi membantu usahawan baru hendak memulakan perniagaan dan juga usahawan sedia ada yang merancang untuk meningkatkan perniagaan melalui skim pinjaman mikro (*micro credit*) yang disediakan.

Sejak penubuhan TEKUN Nasional pada tahun 1998 sehingga 31 Januari 2012, sejumlah 255,562 pinjaman bernilai RM 1.94 billion kepada 202,729 orang usahawan di seluruh negara telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 52,833 pinjaman bernilai RM 641.81 juta adalah pinjaman ulangan. Sehingga Disember 2011, prestasi bayaran balik pinjaman TEKUN ialah sebanyak RM1.16 billion daripada RM1.94 billion.

Salah satu kayu pengukur peminjam TEKUN yang dianggap berjaya dalam aktiviti perniagaan mereka ialah apabila usahawan mempunyai kemampuan untuk membayar balik pinjaman dan seterusnya mampu meningkatkan tahap perniagaan mereka yang lebih besar dan lebih baik. Sehingga Disember 2011, sebanyak 80.31% atau 181,924 orang usahawan mampu membayar semula

pinjaman yang diberikan kepada mereka. Walau bagaimanapun, usaha berterusan sedang dan akan dijalankan bagi mengutip semula semua pinjaman yang telah dikeluarkan kepada peminjam-peminjam.

Sebagai makluman Yang Berhormat, TEKUN pada ketika ini sedang menyediakan maklumat mengenai usahawan TEKUN yang berjaya di seluruh negara melalui penyediaan direktori usahawan TEKUN yang akan menunjukkan kejayaan usahawan-usahawan yang mendapat kemudahan pinjaman dari TEKUN.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)**

**TARIKH 13 MAC 2012 (SELASA)**

### **SOALAN**

**YB Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik warga tua dan ibu tunggal yang telah berjaya dikeluarkan dari senarai kemiskinan/perlu dibantu akibat bantuan kebajikan yang telah disalurkan di kawasan Parlimen Merbok.**



**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**  
**JAWAPAN:**

melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan seperti keluarga miskin, warga emas, pesakit kronik terlantar dan mangsa bencana.

Sehingga bulan Disember 2011, terdapat seramai 4,286 orang penerima bantuan kebajikan di kawasan Parlimen Merbok. Daripada jumlah ini, seramai 713 orang menerima Bantuan Orang Tua (BOT) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,566,800. Manakala seramai 1,256 orang ibu tunggal menerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,869,908.

Seramai 73 orang ibu tunggal dari kawasan Parlimen Merbok telah berjaya dikeluarkan dari senarai kemiskinan kerana telah melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK).

Bagi membantu ibu tunggal menceburi aktiviti-aktiviti ekonomi seterusnya menjana pendapatan keluarga, JKJ pada Februari 2012 telah

meluluskan  
JAWAPAN:

**Geran Pelancaran berjumlah RM5.470 kepada 2 orang ibu tunggal di kawasan Parlimen Merbok.**

**Di samping itu, KPWKM dengan kerjasama pintar Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah berjaya melahirkan seramai 3,180 orang usahawan wanita yang telah mencapai pendapatan RM3.500 selama 3 bulan berturut-turut. Daripada jumlah ini seramai 7 orang usahawan adalah dari kawasan Parlimen Merbok.**

**Selain itu, seramai 66 orang ibu tunggal yang menerima bantuan kebajikan di kawasan Parlimen Merbok telah diberikan pakej AZAM Niaga dan AZAM Khidmat di bawah Program *National Key Result Area* (NKRA) melalui KPWKM.**

**Kementerian turut menyediakan program sokongan melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Antara program yang dilaksanakan adalah program Nur Bestari (Kepimpinan Wanita), Pengurusan Emosi, Kraf Kreatif (Jahitan dan Kraftangan), Jejari Bestari (Sulaman Manik) dan**



**Titian Ilmu.**

**Bagi tahun 2011, JPW melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah telah melaksanakan sebanyak 3 program iaitu Jejari Bestari, Kraf Kreatif dan Kembara Ilmu di kawasan Parlimen Merbok. Program ini telah melibatkan penyertaan seramai 110 orang peserta wanita termasuk ibu tunggal di kawasan tersebut.**

**Selain itu, 12 orang ibu tunggal dari kawasan Parlimen Merbok telah menjalani latihan di bawah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I- KIT). Program ini dikhususkan kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dari jumlah ini, seramai 11 orang peserta telah menjana pendapatan di bawah RM1.000 sebulan manakala hanya seorang peserta berjaya menjana pendapatan melebihi RM1.000 sebulan.**



**MESYUARAT PERTAMA, PENGESAHAN KE-173  
SOALAN  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN                      BUKAN LISAN**

**DARIPADA                      YB DATO' RASHID BIN DIN  
(MERBOK)**

**TARIKH**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapakah jumlah rumah untuk keluarga miskin yang telah dibina menggunakan peruntukan melalui KEDA dalam kawasan Parlimen Merbok. Berapakah nilai yang telah dibelanjakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 277 unit rumah baru telah dibina dengan peruntukan yang dibelanjakan adalah berjumlah RM9,141,000, manakala sebanyak 356 unit rumah telah dibaik pulih dengan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh KEDA sebanyak RM3,916,000 di daerah Merbok.

**SOALAN NO: 174**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BUKAN LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>YB. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>03 [PR-1251-T48212 ]</b>
<b>SOALAN</b>	

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan perancangan pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah pelacuran dan pengedaran dadah yang berleluasa di Lorong Haji Taib dan kawasan sekitar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Raja, di dalam usaha-usaha untuk memastikan imej Bandar Raya Kuala Lumpur bersih dari kegiatan negatif seperti pelacuran dan pengedaran dadah khususnya di Lorong Haji Taib dan kawasan sekitarnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sering menyertai operasi-operasi bersepadu yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan lain.

DBKL juga turut mengambil inisiatif dengan mengaturkan **Operasi Bersepadu** bersama agensi-agensi kerajaan yang terlibat di dalam menangani masalah pelacuran dan penagih dadah / gelandangan di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur seperti **Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Rel, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAIWP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)**. Statistik Operasi Bersepadu yang dikendalikan oleh DBKL sepanjang **tahun 2010 hingga Tahun 2012** adalah seperti di **Lampiran A**.

Kementerian ini percaya bahawa melalui kerjasama pelbagai agensi yang menjalankan Operasi Bersepadu secara berterusan tersebut dapat membendung pelbagai gejala negatif di kawasan-kawasan yang dimaksudkan. Sehingga kini gejala negatif berkenaan adalah masih terkawal.

**Lampiran A**

**1. Operasi Bersepadu ke atas aktiviti Pelacuran : -**

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Tangkapan</b>	<b>Jumlah Tindakan Roboh</b>
1.	2010	34 orang	1,183 bilik
2.	2011	50 orang	1,586 bilik
3.	2012 (sehingga Februari)	-	467 bilik
<b>JUMLAH :</b>		<b>84 orang</b>	<b>3,236 Bilik</b>

## 2. Operasi Bersepadu ke atas Penagih Dadah:

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Tangkapan</b>
1.	2011	47 orang
2.	2012 (sehingga Februari)	13 orang
*E. "I, 'A ' -yy' l-x, 'y/Askan' -/		60 orangt^feife





**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**SOALAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**NO. tZR rr£-**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh manakah impak pemberian Baucar Buku 1 Malaysia terhadap mengurangkan beban semasa mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi.**

**JAWAPAN**

**Tuan yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak RM260 juta bagi melaksanakan inisiatif pemberian Baucer Buku 1 Malaysia (BB1M) bernilai RM200 kepada 1.3 juta orang pelajar. BB1M ini adalah untuk pembelian buku-buku akademik, jurnal, majalah ilmiah dan peralatan pembelajaran berdasarkan keperluan IPT masing-masing. Objektif pemberian BB1M ini adalah untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Pemberian BB1M ini adalah secara *one-off* bagi sesi bermula 2012 sahaja. BB1M ini sah diguna pakai**

**bagi tempoh 3 bulan sahaja iaitu bermula 1 Januari 2012 sehingga 31 Mac**

**2012. Namun, atas permintaan orang ramai, tempoh sah laku BB1M telah dilanjutkan sehingga 31 April 2012.**

**Berdasarkan maklumbalas awal yang diterima daripada para pelajar dan ibu bapa, pemberian BB1M ini banyak membantu mengurangkan beban kewangan pelajar bagi mendapatkan buku-buku rujukan untuk pembelajaran serta menjaga kebajikan pelajar agar lebih fokus kepada pelajaran. Justeru itu, secara keseluruhannya pemberian BB1M ini memberikan impak yang positif kepada pelajar melalui pengurangan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian dan pemupukan minat membaca.**



## SOALAN NO

### PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

#### PERTANYAAN

#### DARIPADA

#### SOALAN

#### BERTULIS

**DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD** Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani menyatakan keluasan tanah pertanian Stesen MARDI Negeri Selangor (Jalan Kebun) dan berapakah jumlah keluasan yang disewakan untuk diusahakan dengan tanaman. Apakah perancangan terdekat Kementerian untuk membangunkan tanah tersebut.

#### JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

- Keluasan keseluruhan Stesen MARDI Jalan Kebun adalah sebanyak 200.6 ha. Daripada jumlah tersebut, MARDI telah meluluskan permohonan penyewaan tanah seluas 28 ha kepada pengusaha tanaman.
- MARDI mempunyai perancangan untuk membangunkan baki keluasan tanah di stesen ini untuk dijadikan Pusat Penyelidikan dan Pemindahan Teknologi yang moden. Kompleks stesen yang bakal dibangunkan di atas tanah ini akan dilengkapi dengan enam (6) buah kilang perintis teknologi MARDI, makmal tisu kultur, rumah perlindungan hujan dan loji pemprosesan benih serta kemudahan yang berkaitan.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**SOALAN**

*HO.J& hrf*

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta  
MENTERI**

**PENGAJIAN TINGGI** menyatakan

- (a) jumlah peminjam mengikut institusi pengajian , jumlah pinjaman PTPTN yang diberikan dan jumlah kutipan bayaran balik; dan
- (b) jumlah penerima pinjaman yang tidak pernah membuat bayaran balik, jumlah penerima yang gagal membuat bayaran balik yang telah diambil tindakan mahkamah dan jumlah penerima yang gagal membuat bayaran balik yang telah dihalang untuk keluar negara atau diambil tindakan Imigresen menghalang daripada meninggalkan negara mengikut tahun semenjak program ini dimulakan.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2012, PTPTN telah meluluskan sebanyak 1,942,780 pembiayaan pendidikan kepada semua pelajar yang layak di IPTA dan IPTS dengan jumlah keseluruhan amaun sehingga pelajar tamat pengajian



adalah sebanyak RM43.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, 1,348,765 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar di IPTA dengan amaun keseluruhan yang terlibat sebanyak RM23.4 bilion. Manakala sejumlah 594,015 pembiayaan pendidikan telah diluluskan kepada pelajar di IPTS dengan melibatkan amaun keseluruhan yang terlibat sebanyak RM19.8 bilion. Jumlah bayaran balik yang telah diterima daripada peminjam sehingga 31 Januari 2012 adalah berjumlah RM3.0 bilion melibatkan 748,022 pinjaman/pembiayaan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peminjam yang belum pernah membuat bayaran balik pinjaman atau peminjam yang masih belum memberikan sebarang maklum balas sehingga 31 Januari 2012 adalah seramai 268,097 orang. Jumlah peminjam yang telah disaman adalah seramai 104,983 kerana gagal membuat bayaran balik. Manakala bermula Ogos 2008 sehingga 31 Januari 2012, sejumlah 132,801 peminjam ingkar telah dikenakan tindakan senarai hitam Imigresen di mana dihalang daripada meninggalkan negara atau memperbaharui pasport.



**SOALAN NO. 178**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**       **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA**           **DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
                              **[KOTA RAJA]**

**SOALAN**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci jumlah peruntukan yang diperuntukkan ke Kawasan Kota Raja melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor pada tahun 2010 dan 2011. Nyatakan juga projek-projek atau program-program atau pertubuhan- pertubuhan yang telah mendapat peruntukan-peruntukan tersebut dan nilai setiap satu.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi tahun 2010 dan 2011, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak RM0.6 juta telah dibelanjakan bagi melaksana 213 program/projek di kawasan Parlimen Kota Raja di bawah Peruntukan Khas YAB. Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen berkenaan. Butiran program/projek mengikut kategori adalah seperti berikut:**

BIL mm	"* ^KATE&BSK	as? mfr 3 κ'i	* 201*o iftdB*	Mip n	V^3 fgKOS(RM)^	M^m	
1	PENGANJURAN PROGRAM • PROGRAM KEMASYARAKATAN • SUKAN • KEBUDAYAAN/KEAGAMAAN	52 7 14	124,749.00 7,500.00 31,100.00	31 4 13	144,586.00 16,914.00 62,000.00	121	386,849.00
2	BANTUAN/SUMBANGAN • SEKOLAH/PIBG • JAWATANKUASA SURAU • JKPP • PERSATUAN PENDUDUK • NGO	28 5 5 10 2	70,851.00 10,000.00 17,000.00 36,800.00 2,000.00	23 2 6 4 7	41,000.00 2,500.00 12,500.00 8,500.00 12,000.00	51 7 11 14 9	111,851.00 12,500.00 29,500.00 45,300.00 14,000.00
		fil23 *		n			^ ^000.00

**Pemberian sumbangan/bantuan dan penganjuran program adalah bernilai di antara RM500.00 hingga RM26,000.00.**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI MAHAL  
(LABUAN)

PERTANYAAN : BERTULIS

SOALAN 179

Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI MAHAL [ LABUAN ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilangan keseluruhan penerima BR1M seluruh Malaysia dan berapakah jumlah peruntukan keseluruhan yang telah dikeluarkan sehingga kini.

1. Untuk **makluman** Ahli Yang Berhormat, program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat **julung** kalinya atas usaha Kerajaan yang **bertujuan** untuk meringankan beban rakyat Malaysia **terutama** keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3,000 dan **ke** bawah. Sehingga kini, pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam tntasa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan **aktiviti ekonomi domestik**.
2. Terdapat tiga **peringkat** dalam pelaksanaan BR1M iaitu peringkat

pengedaran borang **BR1-M** dan **pendaftaran**; proses **semakan** serta **validasi**; dan peringkat **pengagihan** BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah **bermula** 10 Disember 2011 sehingga 10 Februari 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi **memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran**.

3. **Kesemua maklumat dalam borang BR1M telah didaftarkan ke dalam sistem BR1M yang berpangkalan di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menjalani proses semakan dan validasi. Proses validasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data-data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara(JPN), LHDN, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Unit Penyelarasan PeHaksanaan (1CU). Keputusan berjaya atau tidak berjaya telah cfiedarkan melaiui. surat dan emet bermula 10 Januari 2012. Penyampaian BRIM telah bermula pada 15 Januari 2012.**

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 15 April 2012, **pendaftaran** BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 4.81 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.2 juta atau hampir 87% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan. **Manakala** permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 610 **ribu** atau 13% daripada keseluruhan **pemohonan**.

5. Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adaSah **permohonan** yang **bertindih** (over-lapping) atau telah wujud (duplication); **maklumat** pemohon, pasangan dan tanggungan tidak lengkap; pendapatan isirumah

**melebihi** RMS,000; dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam kategori pembayar cukai pendapatan.

6. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk **melanjutkan tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sah laku baucar BR1M adalah sehingga 15 Mei 2012.**

7. Untuk **makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahu pun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri; Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13% daripada keseluruhan jumlah penerima diseluruh negara. Walau bagaimanapun,**

8. Sehingga 15 April 2012, secara **keseluruhannya**, program **BR1M** melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.2 juta isirumah atau 64% daripada jumlah keseluruhan isirumah negara. **Peruntukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus B11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung** melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diwar-warkan oleh sesetengah **pihak**. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil **kekukuhan ekonomi** negara dan kemampuan mengurus **kewangan** negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa **memastikan** penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara **berhemah** serta dapat **memberi** manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA :** DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL  
[LABUAN]

**RUJUKAN :** 4586

**SO ALAN:**

Datuk Haji Yus off Bin Haji Mahal [ Labuan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa banyak permastautin tetap (PR) yang telah diberikan kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008 hingga sekarang dan dari negara mana.

## **JAWAPAN**

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Labuan yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemastautin tetap (PR) yang telah diberikan taraf kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008 hingga 2 Mac 2012 adalah seramai 22,640 orang dan Kementerian tidak merekodkan statistik berdasarkan negara asal. Walaubagaimanapun, pecahan pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap mengikut negara adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGARA</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	INDONESIA	162,233
2.	FILIPINA	35,856
3.	THAILAND	8,950
4.	KEMBOJA	4,412
5.	LAIN-LAIN	13,771
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>225,222</b>

**PEMBERITAHUN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI  
MAHAL[LABUAN]**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**Y.B. DATUK HAJI YUSSOF BIN HAJI MAHAL [ LABUAN ] meminta**

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan senaraikan Bajet dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas tani dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang diperuntukkan dan yang sebenar dibelanjakan untuk Parlimen Labuan 2008 hingga 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bajet Tahunan tidak disediakan mengikut Kawasan Parlimen sebaliknya berdasarkan kepada keperluan Kementerian/Agensi untuk melaksanakan Program, Aktiviti dan Projek mengikut Dasar Semasa Kerajaan Persekutuan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, secara keseluruhan peruntukan bagi Kementerian yang terlibat untuk Parlimen Labuan bagi tempoh 2008 hingga 2011 adalah sebanyak RM4.29 bilion.

Daripada

jumlah tersebut, sebanyak RMS. 18 juta atau 74.2 peratus telah dibelanjakan. Maklumat peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:



<b>Kem./Agensi</b>	<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Kem. Pertanian &amp; Industri Asas Tani</b>	<b>2008</b>	<b>2,203,800</b>	<b>2,328,501</b>	<b>105.6</b>
	<b>2009</b>	<b>1,284,500</b>	<b>1,271,769</b>	<b>99</b>
	<b>2010</b>	<b>1,290,419</b>	<b>1,286,907</b>	<b>99.7</b>
	<b>2011</b>	<b>170,000</b>	<b>191,013</b>	<b>100</b>
<b>Jumlah Kem. Pertanian &amp; Industri Asas Tani</b>		<b>4,948,719</b>	<b>5,078,190</b>	<b>100.6</b>
<b>Kem.Kemajuan Luar Bandar &amp; Wilayah</b>	<b>2008</b>	<b>4,372,439</b>	<b>4,372,439</b>	<b>100</b>
	<b>2009</b>	<b>2,374,391</b>	<b>2,374,391</b>	<b>100</b>
	<b>2010</b>	<b>2,136,073</b>	<b>2,136,073</b>	<b>100</b>
	<b>2011</b>	<b>3,986,519</b>	<b>3,986,519</b>	<b>100</b>
<b>Jumlah kem.Kemajuan Luar Bandar &amp; Wilayah</b>		<b>12,869,423</b>	<b>12,869,423</b>	<b>100</b>
<b>Kem.Pembangunan Wanita,Keluarga &amp; Masyarakat</b>	<b>2008</b>	<b>529,630,448</b>	<b>551,415,843</b>	<b>104.1</b>
	<b>2009</b>	<b>683,340,684</b>	<b>709,456,433</b>	<b>103.8</b>
	<b>2010</b>	<b>1,465,274,932</b>	<b>312,839,837</b>	<b>21.4</b>
	<b>2011</b>	<b>1,597,738,378</b>	<b>1,595,880,633</b>	<b>99.9</b>
<b>Jumlah Kem.Pembangunan Wanita,Keluarga Masyarakat</b>		<b>4,275,984,442</b>	<b>3,169,592,746</b>	<b>74.1</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>4,293,802,584</b>	<b>3,187,540,359</b>	<b>74.2</b>

**3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah peruntukan dan perbelanjaan ini adalah tidak mengambil kira prog ram-prog ram bantuan dan subsidi seperti harga padi, baja padi, benih padi sah, harga beras ST15, insentif pengeluaran padi, insentif peningkatan hasil padi, bantuan pendidikan, elaun imam, elaun guru KAFA, bantuan sosial lain dan sebagainya serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan terus daripada ibu pejabat yang tidak diperincikan mengikut kawasan.**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL  
[LABUAN]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [ LABUAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kanak-kanak kurang upaya di tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah. Nyatakan jumlah kanak-kanak kurang upaya di ketiga-tiga jenis sekolah ini khususnya di Sabah dan Labuan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyediakan peluang pendidikan kepada semua murid di seluruh negara termasuk murid berkeperluan khas termasuklah di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi negeri Sabah, pada masa ini KPM melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi di dua (2) buah prasekolah, 69 buah sekolah rendah, 45 buah sekolah menengah. Manakala di Wilayah Persekutuan Labuan pula, program tersebut dilaksanakan di sebuah prasekolah, tiga (3) buah sekolah rendah dan dua (2) buah sekolah menengah. Murid pendidikan khas dalam program ini akan mengikuti kurikulum yang dibina khusus yang bersesuaian dengan potensi mereka.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN                      JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA                      YB DATUK HAJI YUSOFF BIN  
HAJI MAHAL (LABUAN)**

**TARIKH**

**SOALAN                      NO. 183**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan polisi dan strategi Kerajaan bagi meningkatkan peluang ekonomi dan pendapatan rakyat di luar bandar selaras dengan Gagasan IMalaysia dan negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar terutamanya menjelang tahun 2020. Di bawah Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar umpamanya, Kementerian telah merangka sepuluh (10) strategi bagi mencapai matlamat tersebut, iaitu:-

- i) menggalakkan pengurusan dan pengendalian aktiviti ekonomi desa secara kreatif dan inovatif;
- ii) mengukuhkan rantaian antara industri desa dan bandar;
- iii) mempelbagaikan aktiviti ekonomi dan industri berasaskan sumber;
- iv) memperluas pasaran dan mempelbagaikan aktiviti pemasaran;
- v) membangunkan tanah secara optimum dan bersepadu;
- vi) menggalakkan aktiviti pemprosesan dan nilai tambah;
- vii) menggalakkan penggunaan pekerja tempatan dan teknologi jimat buruh;

- viii) menggalakkan penggunaan teknologi baru;
- ix) menambah baik capaian kemudahan kewangan dan kredit; dan
- x) meningkatkan kemahiran pengurusan, teknikal dan operasi.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian bersama agensi-agensi di bawahnya, mendokong pelbagai program bagi memastikan strategi-strategi di atas dapat dilaksanakan. MARA umpamanya, menyediakan Program Pembangunan Usahawan, Program Pembangunan Industri dan Perniagaan, Program Pembiayaan Perniagaan dan menyediakan premis-premis perniagaan untuk disewakan. Disamping itu pelbagai latihan dan pendidikan disediakan dari peringkat yang paling rendah seperti GIATMARA sehinggalah ke peringkat university baik di dalam mahupun di luar negara. Manakala RISDA pula yang menjadi peneraju kepada pembangunan aktiviti ekonomi pekebun kecil, berusaha melaksanakan Program

Pembangunan Tanam Semula dan Perladangan, Pembangunan Ekonomi Tambahan, Program Peningkatan Hasil Ladang dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Selain itu, FELCRA pula disamping menjalankan program memulih dan menyatukan tanah, juga berusaha mempelbagaikan bidang kegiatan dalam sektor perindustrian, perkhidmatan dan perniagaan supaya penduduk luar bandar dapat menyertai aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Sementara bagi pembangunan wilayah pula, agensi-agensi seperti KEJORA, KEDA, KETENGAH dan KESEDAR giat menjalankan pelbagai aktiviti ekonomi bagi kumpulan sasar masing-masing.

Kementerian juga menggunakan pendekatan bersepadu dalam merancang dan melaksanakan projek-projek di bawah RMKe-10. Pendekatan tersebut akan memberi tumpuan terhadap program-program memperkasa pembangunan modal insan dan peningkatan pendapatan golongan miskin serta berpendapatan rendah. Tumpuan juga diberikan terhadap usaha untuk meningkatkan

liputan, kualiti dan rangkaian perhubungan jalan yang menyeluruh serta bekalan elektrik dan bekalan air bersih. Dengan usaha yang diambil dan dijalankan seperti di atas, Kementerian percaya ianya akan menyumbang

kepada peningkatan peluang ekonomi dan pendapatan rakyat di luar bandar selaras dengan Gagasan IMalaysia dan negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

*l&f*

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA: Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ  
(SUNGAI SIPUT)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci mengapakah Sekuriti Kerajaan berhutang kepada kategori "lain-lain" yang diterangkan sebagai "syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama dan butiran tidak boleh dikelaskan" telah melonjak daripada RM39,781 juta pada tahun 2007 kepada RM111,858 juta pada tahun 2011 dan bagaimanakah ia akan dilunaskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM456.1 bilion atau 53.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah



tersebut, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang dalam negeri yang berjumlah RM438.0 bilion atau 96.0 peratus pada jumlah keseluruhan hutang, manakala baki RM18.1 bilion atau 4.0 peratus merupakan hutang luar negeri.

2. Jadual Perangkaan 4.8 bertajuk Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan dalam Laporan Ekonomi 2011/2012, menjelaskan jenis instrument hutang yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Bil Perbendaharaan, Sijil Pelaburan dan Sekuriti Kerajaan dalam tempoh 2007 hingga akhir Jun 2011 serta

instititusi-institituti yang melanggan instrumen berkenaan. Pelabur-pelabur yang melanggan instrumen berkenaan termasuklah Kumpulan Wang Simpanan Perkerja (KWSP), Bank Negara Malaysia, institusi bank, syarikat insuran manakala kategori "lain-lain" adalah merujuk kepada institusi/pelabur asing, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), pertubuhan-pertubuhan keselamatan sosial lain dan sektor kewangan yang lain. Kenaikan yang ketara dalam kategori "lain-lain" adalah disebabkan pelaburan yang semakin meningkat oleh pemilik-pemilik asing berjumlah RM29.089 juta pada tahun 2007 kepada RM91,608 juta sehingga Jun 2011 iaitu peningkatan sebanyak 3 kali ganda. Untuk makluman Yang Berhormat, instrument berkenaan diniagakan di pasaran sekunder dan sesiapa sahaja boleh membeli dan menjual sekuriti berkenaan.

3. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembayaran balik pinjaman dibuat mengikut jadual. Urusan pembayaran balik pinjaman yang telah mencapai tempoh matang akan dilaksanakan oleh pihak Bank Negara Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**RUJUKAN 4587**

**SOALAN :**

**NO. SOALAN : 186**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes yang didakwa di mahkamah untuk setiap kesalahan berikutan-rogol, liwat, mencabul kehormatan, gangguan seksual dan keganasan rumah tangga dalam tahun 2011, serta bilangan yang mengaku salah.**



**JAWAPAN :**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2011, bilangan kes yang telah didakwa di mahkamah bagi kesalahan rogol adalah sebanyak 330 kes, manakala bagi kesalahan liwat adalah sebanyak 21 kes, 71 kes bagi kesalahan mencabul kehormatan, 1 kes bagi kesalahan gangguan seksual dan 47 kes bagi kesalahan keganasan rumah tangga.

Berhubung dengan jumlah yang mengaku salah bagi setiap kes-kes di atas pihak PDRM tidak mempunyai maklumat terperinci berkenaan perkara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DR. MICHEAL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**RUJUKAN 4588**

**SOALAN:**

**Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes pembunuhan wanita untuk setiap tahun 2010 dan 2011 dengan menyatakan bilangan kes di mana suspek telah didakwa juga menyatakan perhubungan antara suspek dan mangsa untuk kes-kes yang didakwa.**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2010 jumlah kes adalah sebanyak tujuh puluh empat (74) kes dan daripada jumlah tersebut jumlah kes yang telah selesai ialah sebanyak empat puluh dua (42). Manakala pada tahun 2011 pula jumlah kes adalah sebanyak tujuh puluh enam (76) kes dan daripada jumlah tersebut jumlah kes yang telah selesai pula ialah sebanyak tiga puluh enam (36) kes.**

**Pada tahun 2010, seramai empat puluh dua (42) kes suspek telah didakwa di Mahkamah. Perhubungan antara mangsa dan saspek yang telah dikesan adalah seperti berikut;**

## **JAWAPAN**

**Suspek ialah kawan (14 kes), mangsa tidak mengenali suspek (10 kes), suami (8 kes), ibu (2 kes), kawan lelaki ibu (2 kes), manakala cucu, majikan, anak, anak saudara, pembantu rumah dan jiran masing-masing (1 kes).**

**Pada tahun 2011 pula, seramai tiga puluh enam (36) kes suspek telah didakwa di Mahkamah. Perhubungan antara mangsa dan saspek yang telah dikesan adalah seperti berikut;**



Suspek ialah kawan (10 kes), mangsa tidak mengenali suspek (4 kes), suami (6 kes), tunang (2 kes), ibu (3 kes), jiran (4 kes), majikan (2 kes), manakala bekas pekerja, anak, pembantu rumah, bekas suami dan abang masing-masing (1 kes).

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**RUJUKAN 4589**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada polis telah mengenai pasti pihak yang memberi maklumat salah pada awal bulan Julai 2011 bahawa ahli Parti Sosialis Malaysia akan menyerang Balai Polis Sg. Siput U, Perak DR.**



## **JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada awal bulan Jun 2011 pihak PDRM Kontinjen Perak telah menerima maklumat yang mendedahkan bahawa terdapat sekumpulan lelaki yang ingin menyerang Balai Polis Sungai Siput U, Perak.**

**Ekoran daripada maklumat yang diterima tersebut, Ketua Polis Daerah Sungai Siput, Perak telah membuat Arahan Pertahanan Balai di Balai Polis Sungai Siput sebagai langkah berjaga-jaga. Pegawai dan anggota balai berkenaan telah mengambil langkah bersedia dan berjaga-jaga sehingga keesokan harinya namun tiada sebarang kejadian berlaku seperti yang dimaklumkan dan didapati maklumat yang diberikan adalah tidak tepat.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini pihak polis masih menjalankan siasatan bagi mengenalpasti individu yang menyalurkan maklumat tersebut.**

***hJo -ZafriAd '■ | NQ-  
AUM : m.***

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH :  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
RUJUKAN DEWAN RAKYAT 4590**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan orang yang kini telah menerima hukuman gantung sampai mati yang masih menunggu hukuman mereka dilaksanakan. Berapakah bilangan orang yang telah digantung sampai mati pada tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009, 2010 dan 2011, mengikut kesabitan kesalahan, jantina dan kewarganegaraan.**

Berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 28 Februari 2012 terdapat seramai 860 orang telah disabitkan hukuman gantung sampai mati. Daripada jumlah tersebut, 616 orang dalam proses Mahkamah Rayuan, 94 dalam proses Mahkamah Persekutuan dan 150 dalam peringkat Lembaga Pengampunan. Tiada banduan menunggu pelaksanaan hukuman mati setelah selesai semua proses rayuan di atas.

**Jawapan:**

Manakala jumlah banduan yang telah dilaksanakan hukuman gantung sampai mati dari tahun 2005 hingga 2011 adalah seramai 8 orang. Semua banduan tersebut adalah lelaki warga Malaysia. Seramai 2 orang daripada mereka disabitkan dengan kesalahan mengedar dadah, 2 orang kesalahan membunuh dan 4 orang kesalahan berperang dengan Yang Di Pertuan Agong.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM  
A/L SUNDARAM [KAPAR]**

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Sejauh mana publisiti Kementerian berkenaan dengan Pusat Seni Negara, Muzium Negara, Zoo Negara dan tempat-

## JAWAPAN

tempat lain untuk menarik jumlah pelancong tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, Kementerian Pelancongan melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa berusaha untuk mempromosikan produk pelancongan Negara seperti Pusat Seni Negara, Muzium Negara dan Zoo Negara dengan mengadakan promosi dan publisiti bagi produk pelancongan tersebut melalui:

- 1) Penerbitan Risalah-risalah pelancongan seperti Kuala Lumpur *Malaysia's Dazzling Capital City*, *Malaysia Travel Guide* dan risalah Wilayah Tengah merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor;
- 2) Promosi melalui Laman sesawang rasmi Tourism Malaysia ([www.tourismmalaysia.gov.my](http://www.tourismmalaysia.gov.my)); dan
- 3) Mengadakan acara Festival Pelancongan Seni Kontemporari 1 Malaysia (IMCAT) untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan melalui segmentasi seni. Melalui promosi ini, Malaysia telah menjana hasil jualan lukisan sebanyak **RM16.5 juta** bagi tahun 2011.

Pihak Kementerian turut mengadakan promosi dan publisiti bagi produk pelancongan tempatan dengan bertujuan untuk

meningkatkan lagi jumlah pelancong tempatan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:

1. Menganjur pameran-pameran pelancongan seperti Cuti-Cuti 1 Malaysia Travel Fair, Cuti-Cuti 1 Malaysia Night Travel Fair dan Corporate Travel Bazaar;
2. Menjemput rakan-rakan media cetak seperti Majalah Libur, GAYA Travel dan akhbar-akhbar utama tempatan ke tempat-tempat pelancongan untuk membuat liputan bagi produk-produk tersebut; dan
3. Bekerjasama mewujudkan pakej-pakej pelancongan domestik yang berinovatif dan kreatif termasuk produk Zoo Negara dan Muzium Negara yang dibangunkan oleh pihak pengusaha pelancongan tempatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN

BERTULIS

DARIPADA

TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM

[KAPAR]

TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [ KAPAR ] minta MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

menyatakan jumlah wang yang telah diterima oleh Kementerian daripada Pergerakan  
Koperasi Negara sejak tahun 2005 hingga kini. Nyatakan juga bagaimana hasil ini  
digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah wang yang telah diterima daripada pergerakan koperasi bagi Kumpulan Wang  
Amanah Pendidikan Koperasi adalah seperti berikut:

2005- RM18.6 juta

2006 - RM22.0 juta

2007 - RM23.7 juta

2008 - RM34.3 juta

2009 - RM41.3 juta

2010-RM50.3 juta 2011 -  
RM58.3 juta

Sejumlah besar hasil digunakan untuk menampung perbelanjaan mengurus Maktab Koperasi Malaysia setiap tahun. Hasil juga digunakan untuk membiayai program pendidikan koperasi dalam bentuk seminar, taklimat, kursus, bengkel, konvensyen dan untuk sambutan Hari Koperasi Negara setiap tahun. Baki yang tidak digunakan disimpan dalam simpanan tetap dan dilaburkan dalam pelaburan yang selamat.

Jumlah wang yang telah diterima daripada pergerakan koperasi kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi pada tahun:

2005 - RM9.5 juta

2006- RM11.0 juta

2007- RM11.8 juta

2008- RM16.7 juta

2009 - RM20.6 juta 2010-

RM25.2 juta 2011 -RM30.3

juta

Sejumlah wang diterima digunakan untuk menampung keperluan perbelanjaan mengurus ANGKASA setiap tahun bagi pengendalian seminar dan bengkel untuk anggota koperasi. Wang juga digunakan oleh SKM untuk program promosi dan pembangunan gerakan koperasi seperti belanja sambutan Hari Koperasi Negara, belanja program karnival dan Co-op Fest, belanja program seminar, taklimat, kursus dan bengkel penerangan berkaitan pembangunan koperasi. Baki yang tidak digunakan juga disimpan dalam simpanan tetap dan dilaburkan dalam pelaburan yang selamat.

#### **Maklumat Tambahan**

1. Pembayaran kepada kedua-dua kumpulan wang di atas ditetapkan dalam Akta Koperasi 1993, Seksyen 57(2) yang mengkehendaki tiap-tiap koperasi, daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan, sebelum mengisytiharkan apa-apa

dividen, membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

2. Koperasi dikehendaki menyumbangkan 2% daripada untung bersih teraudinya kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan 1% kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi. *(Mulai 31 Oktober 2011, sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi telah dikurangkan kepada 1% untuk tempoh selama 2 tahun iaitu sehingga 30 September 2013)*

3. **Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi** boleh digunakan untuk:

- membiayai perbelanjaan berkaitan operasi MKM
- membiayai perbelanjaan berkaitan penyelidikan gerakan koperasi
- membiayai perbelanjaan untuk mengadakan seminar, persidangan atau mesyuarat serta membiayai penyertaan anggota koperasi atau lain-lain orang yang dinamakan oleh Jawatankuasa di dalam seminar, persidangan atau lawatan lambil belajar di peringkat antarabangsa
- membiayai perbelanjaan berkaitan kemajuan pendidikan koperasi
- membiayai perbelanjaan berkaitan pentadbiran kumpulan wang ini.

4. **Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi** boleh digunakan untuk:

- membiayai perbelanjaan berkaitan dengan apa-apa program dan aktiviti yang dijalankan oleh badan apex koperasi.
- membiayai perbelanjaan berkaitan dengan pentadbiran kumpulan wang ini, dan

membiayai apa-apa perbelanjaan yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa untuk manfaat dan pembangunan gerakan koperasi.



**DISEDIAKAN OLEH**

Dr. Juliawati binti Janius  
Bahagian Dasar Dan  
Pembangunan, SKM

Perancangan

**DISEMAK OLEH**

Dr. Juliawati binti Janius  
Ketua Sektor (Pembangunan)  
SKM

**DILULUSKAN OLEH**

Y. Bhg. Dato' Daud bin Tahir  
TKSU ( PDN )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN      BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA        TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM**  
**SOALAN            NO. 43^                            |**

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggabungkan kolej-kolej universiti dan kolej-kolej swasta supaya ianya dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian sedang menjalankan satu kajian mengenai penggabungan dan pemerolehan IPTS. Kajian ini bertujuan untuk mengenai pasti masalah-masalah yang dihadapi di kalangan IPTS yang membawa kepada prestasi lemah dan keperluan penggabungan atau pemerolehan supaya IPTS mampu meneruskan operasi. Seterusnya kajian turut meneliti aplikasi konsep penggabungan dan pemerolehan terhadap IPTS daripada perspektif korporat dan undang-undang serta mengenai pasti, mewujudkan dan membangunkan satu rangka kerja yang bersesuaian dan relevan untuk penggabungan dan pemerolehan IPTS. Akhirnya Kementerian akan membangunkan kriteria dan garis panduan yang sesuai untuk membolehkan penggabungan dan pemerolehan IPTS

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

dilaksanakan.

**JAWAPAN SQALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM  
[KAPAR]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [ KAPAR ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan di bawah program IBestariNet, jumlah sekolah yang telah menerima langganan tersebut serta nyatakan senarai syarikat pembekal dan jumlah langganan yang dibayar kepada setiap pembekal internet.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Nilai kontrak yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia ialah sebanyak RM663 juta bagi tempoh kontrak selama dua tahun setengah (2 ½) tahun. Sehingga kini, jumlah wang yang telah dibelanjakan di bawah program IBestariNet adalah sebanyak RM181,719,963.00. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Program</b>	<b>Nilai</b>
1.	Aplikasi VLE (Lesen)	RM100,200,000.00
2.	Pengurusan dan Penyenggaraan Aplikasi VLE	RM60,946,300.00
3.	e-network Monitoring System	RM10,000,000.00
4.	Perkhidmatan Keselamatan Terurus	RM7,846,005.00
5.	Perkhidmatan Hosting Terurus	RM2,727,658.00
	JUMLAH	RM181,719,963.00

Untuk makluman, sehingga 29 Februari 2012, jumlah sekolah yang telah menerima capaian internet dengan menggunakan IBestarinet adalah sebanyak 1009 sekolah. YTL Communication Sdn Berhad telah dilantik sebagai Penyedia Perkhidmatan IBestarinet bagi

## **SOALAN NO: 147**

tempoh 2 Vt. tahun. Bagi tempoh interim untuk tahun 2012, sekolah-sekolah yang masih belum menerima Perkhidmatan IBestariNet boleh menggunakan perkhidmatan internet daripada penyedia perkhidmatan yang lain seperti TM Malaysia Berhad, JARING dan sebagainya. Untuk itu, jumlah peruntukan yang disalurkan kepada setiap sekolah adalah sebanyak RM600 setiap bulan.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA**               **TUAN MANICKVASAMA A/L SUNDARAM**  
                                  **[KAPAR]**

### **SOALAN**

**Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mekanisme yang efektif dan berkesan bagi mempertingkatkan kualiti sistem pengangkutan awam dan adakah Kementerian bercadang untuk membina laluan Komuter/LRT dari Klang ke Kapar bagi memenuhi permintaan pengangkutan awam yang semakin meningkat.**

**SOALAN N0.19^J**

**JAWAPAN:**           **YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
                                  **TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah Greater KL / Klang Valley bagi tempoh 2010-2030 dengan visi untuk menjadikan pengangkutan awam darat sebagai mod pilihan rakyat, disokong dengan misi untuk membangunkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang selamat, boleh diharap, efisien, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, berpatutan dan mampan untuk meningkatkan pembangunan sosio ekonomi dan kualiti hidup.

Terdapat 6 komponen utama pelan induk yang mengandungi polisi serta halatuju yang komprehensif bagi melonjakkan penggunaan pengangkutan awam melalui peningkatan kualiti perkhidmatan serta sistem infrastruktur pengangkutan awam sedia ada iaitu:

*i.* Pelan Pembangunan Rel Bandar

Rel bandar (LRT, MRT, ERL, Komuter) berfungsi sebagai tulang belakang pengangkutan awam pada masa hadapan dengan menyediakan kapasiti yang tinggi serta menyediakan hubungan di antara koridor kawasan berpenduduk padat.

Perancangan rel bandar di sekitar Lembah Kelang termasuklah

## SOALAN NO.195

pertambahan kapasiti koc KTM komuter, pembangunan MRT merentas bandar Kuala Lumpur, sambungan laluan LRT ke Putra Height, sambungan laluan monorel, pembangunan monorel ke Putrajaya dan perubahan aliran *freight relief* bagi mengelakkan pertindihan laluan KTM komuter.

### ii. Pelan Trasformasi Bas

Perkhidmatan bas berfungsi sebagai sokongan dan pengantara bagi merapatkan jurang rangkaian rel dengan menyediakan perkhidmatan bas pengantara dan menyediakan perkhidmatan tempatan kepada pusat-pusat kejiranan. Perancangan bas merangkumi cadangan penetapan piawaian perkhidmatan bas, memperkenalkan sistem Bus Rapid Transit (BRT) yang menyediakan laluan khas bas, rancangan rangkaian bas tempatan, memperbaiki kebolehpercayaan (reliability) bas, mempertingkatkan aksesibiliti dengan mengambilkira batuan pertama dan terakhir, melengkap bilangan kenderaan mengikut keperluan, program latihan bagi pemantapan pemandu, memperbaiki infrastruktur hentian bas, serta penyediaan maklumat dan penyepaduan tambang.

### iii. Pelan Trasformasi Teksi

## SOALAN NO. 195

Taksi berperanan mengisi jurang serta memberi opsyen berkualiti bagi perkhidmatan pintu ke pintu.

Perancangan taksi memfokuskan kepada peningkatan kualiti perkhidmatan ke tahap cemerlang melalui penetapan piawaian kenderaan serta memperkasakan piawaian pemandu melalui latihan dan pemantauan. Selain itu perancangan taksi turut merangkumi pengukuhan rangka kerja kawal selia bagi mengimbangi bekalan terhadap permintaan perkhidmatan taksi; mencadangkan penyepaduan dan penjenamaan; mempertingkatkan akses dan rangkaian; serta mempertingkatkan pengurusan prestasi dan penguatkuasaan.

*iv.* Pelan Guna Tanah





## SOALAN NO.195

Polisi guna tanah melibatkan penekanan konsep Transit Oriented Development (TOD) yang memberi keutamaan pembangunan berkepadatan tinggi di koridor pengangkutan awam. Selain itu, setiap pembangunan baru perlu mengambilkira faktor pengangkutan awam merangkumi aksesibiliti dan laluan perkhidmatan semasa proses kelulusan perancangan.

- v. Pelan Pertukaran dan Penyepaduan (Interchange and Integration Plan)

Pelan Pertukaran dan Penyepaduan menggariskan strategi bagi melancarkan pertukaran antara mod pengangkutan awam darat, penyepaduan tambang dan sistem pengeluaran tiket serta penyepaduan dengan mod pengantara.

- vi. Pelan Pengurusan Permintaan Perjalanan (*Travel Demand Management*)

Inisiatif Pelan Pengurusan Permintaan Perjalanan (TDM) menjurus kepada langkah-langkah yang menggalakkan perjalanan yang menggunakan pengangkutan mampan. Selain dari strategi mempertingkatkan kualiti penyediaan pengangkutan awam, TDM juga melihat kepada langkah-

## SOALAN NO.195

langkah mengekang penggunaan pengangkutan persendirian melibatkan polisi bahan api, kawalan tempat letak kenderaan, had kegunaan kenderaan dan caj pengguna jalan raya.

Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah Greater KL / Klang Valley menyediakan strategi menyeluruh merangkumi kesemua mod pengangkutan awam bagi Greater KL termasuk kawasan Kelang dan sekitar. Strategi pembangunan pengangkutan awam disediakan berpandukan analisa tahap permintaan pengguna. “*Passenger Per Hour Per Direction*”, jarak koridor, tahap aksesibiliti penawaran serta aspek- aspek teknikal lain.

Antara strategi yang dikenalpasti bagi kawasan Klang dan sekitar adalah peningkatan kualiti kemudahan serta infrastruktur laluan rel sediaada yang menghubungkan Pelabuhan Kelang dengan Kuala Lumpur termasuk penyediaan koc tambahan. Selain itu terdapat strategi untuk menyediakan laluan bas khas (Bus Rapid Transit) yang juga menghubungkan bandar Klang dengan Kuala Lumpur. Kedua-dua cadangan projek ini akan disokong oleh rangkaian bas pengantara yang menyediakan menghubungkan pusat-pusat petempatan di sekitar Kelang termasuk kawasan Kapar.

Untuk jangka masa panjang pula, Rancangan Induk turut mencadangkan sambungan

## SOALAN NO.195

lalu LRT dari Kelana Jaya ke Kelang melalui Shah Alam. Ini akan meningkatkan aksesibiliti kawasan Kelang dan sekitarnya pada masa hadapan. Bagaimanapun, keperluan akan datang akan dikaji semula mengikut keperluan setempat bagi memastikan pihak kerajaan menyediakan sistem pengangkutan awam yang memenuhi keperluan rakyat.

Sekian, terima kasih.

*}qtL*

### **PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN**

### **SOALAN:**

**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan berapakah gaji pegawai tertinggi di Kulim Golf & Country Resort dan pekerja yang terima gaji terendah.**

**PR-1251-T49126**

### **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**1. Kulim Golf & Country Resort Sdn Bhd (KGCR) adalah merupakan anak syarikat kepada Kulim Technology Park Corporation (KTPC) dan KTPC pula adalah anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Syarikat ini beroperasi di Kulim HiTech Park, Kulim, Kedah Darul Aman. Sehingga Februari 2012 syarikat ini mempunyai 93 orang pekerja tempatan dan tiada pekerja asing diambil bekerja.**

**2. Gaji terendah sebanyak RM500.00 sebulan yang diperolehi oleh pekerja KGCR adalah gaji permulaan bagi jawatan-jawatan pencuci pinggang mangkuk, pembantu dapur, tukang kayu, penjaga kolam renang, tukang kebun dan juga kedi. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja ini memperoleh pendapatan tambahan apabila KGCR memberi 2 point setiap sebulan dengan nilai 1 point bersamaan RM24.00 sehingga RM60.00 bergantung kepada pendapatan syarikat pada bulan berkenaan.**

**3. Manakala bayaran bonus kepada pekerja bergantung kepada pendapatan KGCR dan bayaran adalah berbeza-beza setiap tahun. Bayaran bonus KGCR kepada pekerja dari tahun 2008 adalah seperti berikut:**

**Jadual 1: Bayaran Bonus KGCR Dari Tahun 2008**

<b>Tahun</b>	<b>Bayaran</b>
<b>2008</b>	<b>RM1,000.00</b>
<b>2009</b>	<b>RM500.00</b>
<b>2010</b>	<b>RM200.00</b>
<b>2011</b>	<b>'/2 bulan gaji</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**RUJUKAN 4591**

**SOALAN :**

**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang diambil bagi memastikan**

**NO AUM : 196**

**keselamatan tempat-tempat ibadat di sekitar kawasan Padang Serai.**





## **JAWAPAN :**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui PDRM sentiasa memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara dan ini turut meliputi keselamatan semua rumah ibadat dan tempat-tempat ibadat termasuk di kawasan Padang Serai.**

**Diantara tindakan-tindakan yang telah diambil secara berterusan oleh PDRM adalah seperti berikut:-**

- i. Megadakan rondaan secara berkala selama 24 jam sehari ke semua lokasi dalam termasuk rumah-rumah ibadat;**
- ii. Mewujudkan Unit-unit Task Force dan juga Unit Rondaan Cegah Jenayah bagi menjalankan rondaan secara berkala khususnya ke kawasan-kawasan berpotensi tinggi berlaku kejadian jenayah termasuk kawasan-kawasan rumah ibadat;**
- iii. Memberikan kawalan keselamatan termasuk kawalan lalulintas kepada semua aktiviti keagamaan sekiranya dimaklumkan terlebih dahulu keperluannya kepada pihak Polis;**
- iv. Mengadakan perjumpaan dengan jawatankuasa rumah-rumah ibadat bagi menjalinkan kerjasama dan hubungan rapat agar sama-sama dapat mengatasi sebarang masalah keselamatan yang timbul; dan**

**Menjalankan risikan keselamatan ke atas semua rumah ibadat bagi mengesan sebarang aktiviti anasir pelampau agama mahupun kewujudan unsur-unsur ekstrimisme yang mampu menggugat keselamatan negara melalui institusi keagamaan di daerah ini.**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN  
[ PADANG SERAI ]**

**RUJUKAN 4592**

**SOALAN :**

**Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [ Padang Serai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah masyarakat India yang menyertai pasukan Polis Diraja Malaysia. Berikan pecahan mengikut pangkat.**



**JAWAPAN :**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 3,787 pegawai dan anggota polis berbangsa India yang sedang berkhidmat dengan menyertai PDRM sehingga sekarang. Daripada bilangan tersebut, seramai 671 orang adalah pegawai kanan polis berpangkat Inspektor sehingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC). Manakala, baki seramai 3,116 orang adalah berpangkat Konstabel sehingga Sub Inspektor (SI).

Perincian berdasarkan pangkat adalah seperti berikut:-

<b>BIL.</b>	<b>PANGKAT</b>	<i>mmmmmsM</i>
1.	Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC)	3
2.	Penolong Pesuruhjaya Polis (ACP)	8
3.	Penguasa Polis (SUPT.)	19
4.	Timbalan Penguasa Polis (DSP)	50
5.	Penolong Penguasa Polis (ASP)	194
6.	Inspektor (INSP.)	397
7.	Sub Inspektor (SI)	42

8.	Sarjan Mejar(SM)	116
9.	Sarjan	519
10.	Koperal	920
11.	Konstabel/Lans Koperal	1,262
12.	Sarjan/Sokongan	4
13.	Koperal/Sokongan	73
14.	Kons/Lans Koperal Sokongan	180
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**SOALAN:**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan butir-butir projek-projek mengatasi masalah banjir di Daerah Kerian yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM460 juta yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan**

**JAWAPAN:**

Saliran Malaysia (JPS) telah mendapat peruntukan sebanyak RM490 juta untuk melaksanakan program tebatan banjir di Lembangan Sungai Kerian, yang melibatkan tiga (3) buah negeri iaitu Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 340 juta diperuntukkan untuk program tebatan banjir di negeri Perak, RM 80 juta untuk negeri Kedah dan RM 70 juta untuk negeri Pulau Pinang.

Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM158 juta akan diperuntukkan untuk membiayai program-program mengatasi banjir di Daerah Kerian. Program ini meliputi:-

- i. Kerja-kerja membina ban dari Changkat Lobak ke Lebuhraya PLUS;
- ii. Kerja-kerja membina ban dari Lebuhraya PLUS ke saluran masuk Sg Bogak;
- iii. Kerja-kerja membina ban dari Sg Bogak ke Sg Semang;
- iv. Pembinaan ban dan struktur di Sg Semang dan Sg Rawa;
- v. Menaiktaraf ban di Sg Kerian dari Sg Semang ke Kerian Barrage;
- vi. Pembinaan rumah pam;
- vii. Pembinaan ban dari Sg Air Hitam ke Padang Lalang;
- viii. Pembinaan tembok banjir di Kg Raja Bashah;
- ix. Meningkatkan kapasiti alur limpah kolam Bukit Merah; dan
- x. Kerja-kerja pembersihan gambut di Kolam Bukit Merah.

Pelaksanaan Program Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian tersebut dijangka akan mengambil masa selama tiga

(3) tahun. Tender untuk “Kerja-kerja membina ban dari Changkat Lobak ke Lebuhraya PLUS” serta “Pembinaan ban dari Sg Air Hitam ke Padang Lalang” telahpun diputuskan pada bulan Mac 2012. Tender untuk kerja-kerja lain yang disenaraikan tersebut sedang dan akan iklankan dalam tahun 2012.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN :**           **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**               **DATO' NGEH KOO HAM**  
**[BERUAS]**

**SOALAN**

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana peruntukan sebanyak RM500,000 setiap tahun untuk projek-projek kecil bagi kawasan Parlimen Beruas diagihkan untuk tahun 2008, 2009, 2010 & 2011. Senaraikan projek-projek dan nilai-nilai setiap projek yang dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2008 sehingga tahun 2011 lalu, sebanyak RM2.09 juta telah dibelanjakan bagi membiayai 304 projek-projek kecil termasuk penganjuran program dan sumbangan kewangan di kawasan Parlimen Beruas di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri. Bilangan dan nilai projek/program/sumbangan mengikut kategori adalah seperti berikut:

		jjCj	HHiill HRIMiil	m	n	gSfl	1BBB	lilt			
1	PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYA		-	8	71,500.00	7	28,500.00	2	13,000.00	17	113,000.00
2	PEMBEKALAN BARANGAN (KOMPUTER, ALAT SIARAYA, BEG, KERUSI DAN LAIN-LAIN	53	274,900.00	14	45,000.00	2	20,000.00	7	26,650.00	76	366,550.00
3	BANTUAN/SUMBANGAN NGO	32	386,440.00	59	381,000.00	60	242,499.00	35	249,350.00	186	1,259,289.00
4	PROJEK FIZIKAL										
	• NAIK TARAF JALAN	13	182,760.00	-	-	-	-	-	-	13	182,760.00
	• NAIK TARAF LONGKANG	5	100,000.00	■	-	-	1	5,000.00	6	105,000.00	
	• NAIK TARAF MADRASAH	1	20,000.00	⊥	1,965.00	-	1	6,000.00	3	27,965.00	
	• BANGUNAN TANDAS/STOR	3	45,000.00	" 1	-	-	-	-	1	3	45,000.00
f	; !#/ ij®						2^999^QP		i3p0^0Q0^9	msoA&d	



**NOAUM : 199**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**           **BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**               **DATO' NGEH KOO HAM**  
                                  **[BERUAS]**  
**RUJUKAN**               **4593**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kedai mesin kuda judi haram di kawasan Manjung dan kenapa tidak ada tindakan yang diambil.**

## **JAWAPAN :**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi daerah Manjung, kegiatan mesin perjudian haram boleh dikenalpasti oleh pihak Polis melalui serbuan serta tangkapan yang telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, statistik jumlah premis perjudian berkomputer haram ini tidak dapat diketahui dengan tepat memandangkan premis-premis tersebut kebanyakannya beroperasi secara haram dan terancang.**

**Pihak Polis amat komited dan sentiasa berusaha membanteras kegiatan mesin perjudian haram ini. Pelbagai usaha dan tindakan telah dilaksanakan agar kegiatan tersebut dapat dibanteras di daerah Manjung. Bagi tahun 2010, sebanyak 31 serbuan telah dibuat yang menghasilkan tangkapan seramai 10 orang dan sebanyak 94 mesin perjudian telah dirampas. Bagi tahun 2011 pula, sebanyak 114 serbuan telah dibuat yang menghasilkan tangkapan seramai 93 orang dan rampasan mesin perjudian sebanyak 997.**



**NOAUM : 200**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :           BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA                DATO' NGEH KOO HAM**  
**[ BERUAS]**

**RUJUKAN                 4594**

**SOALAN :**

**Dato\* Ngeh Koo Ham [ Beruas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes jenayah di kawasan Daerah Manjung, Perak untuk tahun 2008, 2009, 2010 & 2011 dan berapakah kes tersebut telah diselesaikan.**



## **JAWAPAN**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kesalahan jenayah sepanjang tahun 2008 hingga 2011 di daerah Manjung, Perak, pada tahun 2008, sebanyak 1,192 kes telah disiasat dan 340 kes atau 28.5% telah berjaya diselesaikan. Pada tahun 2009 pula, sejumlah 1,323 kes telah dilaporkan dan 523 kes atau 39.5% telah berjaya telah diselesaikan. Manakala, pada tahun 2010 pula, sebanyak 1,120 kes telah dicatatkan dan sebanyak 421 kes atau 37.6% telah diselesaikan. Manakala pada tahun 2011, sebanyak 1,037 kes telah disiasat dan 412 kes yang bersamaan 39.7% telah berjaya diselesaikan oleh pihak PDRM.**



